

# JURNAL PERADABAN

Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya

eISSN 2636-9257

Jilid 13, 2020



**UNIVERSITI  
MALAYA**



Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur

**Ketua Editor:**

Prof. Madya Gs. Dr Rosilawati Zainol

**Sidang Editor:**

Profesor Dr. Mohd Nazari Ismail  
Universiti Malaya, Malaysia

Prof. Dato' Dr Wan Ramli Wan Daud  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Dr Zuraidah Abdullah  
Universiti Malaya, Malaysia

Prof. Madya Dr Salinah Ja'afar  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr Arba'iyah Mohd Noor  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr Alwani Ghazali  
Universiti Malaya, Malaysia

Dr Siti Nor Awang  
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Prof. Dr. H. Tobroni M.Si  
Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia

**Pengurus Jurnal dan Penerbitan**

Dr Leeana Ismail  
Pegawai Projek, Pusat Dialog Peradaban. Universiti Malaya  
Dr Alwani Ghazali  
Timbalan Pengarah, Pusat Dialog Peradadan Universiti Malaya

**Jualan & Pemasaran**

S Rozita Shaari

## *Sekapur Sirih*

Dengan penuh kesyukuran dan rasa takzim, saya mengucapkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada sidang editor Jurnal Peradaban dan semua jawatankuasa yang terlibat atas penerbitan Jilid ke-13 bagi tahun 2020 ini.

Sesungguhnya tahun 2020 penuh dengan kisah yang tidak diduga sama sekali. Kehadiran wabak COVID-19 di muka bumi sejak penghujung tahun 2019 memberi kesan yang cukup besar buat ramai manusia sehingga tahun yang berikutnya. Biarpun berdepan dengan kemelut ini, hidup dan bakti kepada umat manusia harus diteruskan. Pusat Dialog dan Peradaban Universiti Malaya sentiasa komited bersama masyarakat dalam mengungkapkan wacana yang strategik, seiring dengan keperluan warga masyarakat masa kini.

Dalam penerbitan pada Jilid ke-13 ini, Jurnal Peradaban menampilkan empat buah makalah. Keempat-empat makalah ini mempunyai sentuhan dari aspek berbeza yang meliputi kreativiti dalam program inapdesa, ragam keberagamaan selepas bencana, teori peperangan, dan drama keislaman. Topik yang pelbagai ini sangat bertepatan dengan tema peradaban dan ketamadunan, malah topik keberagamaan dan teori peperangan sangat hampir dengan tema dialog yang menjadi tunjang utama Pusat Dialog Peradaban.

Adalah diharapkan agar para pembaca dapat meraih manfaat dengan makalah terbitan ini. Tinggi harapan kami agar lebih ramai ahli akademik dan para cendekiawan yang berminat menghantar hasil tulisan mereka ke Jurnal Peradaban ini pada masa akan datang. Ini akan memberi kesinambungan kepada wacana peradaban dan ketamadunan yang telah sedia disaji.

Sekian, salam hormat.

Dr Alwani Ghazali  
Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya.

Jurnal Peradaban merupakan satu platform untuk berdialog tentang pelbagai isu berdasarkan pengamatan dan penilaian yang kritis oleh penulis-penulis. Jurnal Peradaban merupakan terbitan tahunan yang berwasit oleh Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, yang menyiarkan makalah yang berfokus kepada dimensi peradaban.

Pengumuman: **Jurnal ini telah mendaftar untuk dipertimbangkan untuk diindex oleh ESCI**

--

**ISSN:** 1985-6296

**eISSN:** 2636-9257

**Kekerapan:** Setiap tahun

**Bahasa:** Bahasa Malaysia

**Pertanyaan:** [adab@um.edu.my](mailto:adab@um.edu.my)

## Kandungan

**Inovasi Produk Dalam “Program Homestay”: Penerokaan Di Wilayah Pantai Timur Persekutuan Tanah Melayu, Malaysia .....1**  
Suhaida Herni Suffarruddin, Mastura Jaafar & Suraiyati Rahman

**Kesedaran Beragama Masyarakat Kundasang dan Ranau Kesan daripada Bencana Gempa Bumi.....23**  
Suraya Sintang, Assis Kamu & Fatimah Sudirman

**Peperangan dan konflik: Perbandingan Teori Peperangan dan Undang-undang Moden serta Etika Peperangan dalam Barat dan Islam .....46**  
Nurfaizatul Aisyah Ab Aziz

**Auteur Drama Keislaman: Makna Dalaman Mior Hashim Manap .....73**  
Wawarah Saidpudin, Md Rozalafri Johori & Wan Amizah Wan Mahmud

# **INOVASI PRODUK DALAM “PROGRAM HOMESTAY”: PENEROKAAN DI WILAYAH PANTAI TIMUR PERSEKUTUAN TANAH MELAYU, MALAYSIA**

**Suhaida Herni Suffarruddin\***  
**Mastura Jaafar**  
**Suraiyati Rahman**

*Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Penang, Malaysia*

## ***Abstract***

*Innovation is an important aspect for all sectors including the tourism sector. The challenging external environment forced businesses to innovate for continuously competitive. Accordingly, improvement and creating new product should be implemented in line with the tourist desire. The rural Homestay Program is one of the unique activities and has the potential to grow in tourism. This study intends to explore the implementation of product innovations in this program on the East Coast Federation of Malaya, Malaysia. Two Homestay programs were selected based on the high performance of tourist arrivals in 2016 and have a uniqueness of the packages offered. A qualitative approach using a face-to-face interview has been done with the Homestay’s coordinators. The findings show that the Homestay programs have implemented the product innovation in terms of accommodation, activity packages and enterprises. This result can be used by the industry to upgrade the program Homestay in Malaysia as an effort to increase competitive advantage through innovation.*

---

\* Penulis untuk dihubungi: [suhaidasuff@gmail.com](mailto:suhaidasuff@gmail.com)  
eISSN 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban  
DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol13no1.1>

**Keywords:** *Innovation, Product Innovation, Homestay Program, Rural Tourism*

### **Abstrak**

Inovasi merupakan aspek yang penting dalam semua sektor termasuklah sektor pelancongan. Persekitaran luaran yang semakin mencabar memaksa perniagaan untuk berinovasi supaya dapat terus bersaing. Seajar dengan itu, penambahbaikan dan pembaharuan produk selari dengan kehendak pelancong perlu dilaksanakan. “Program Homestay” atau Program Inapdesa luar bandar merupakan salah satu kegiatan pelancongan yang mempunyai keunikan tersendiri dan berpotensi untuk berkembang. Kajian ini menerokai inovasi produk yang dilaksanakan dalam program ini di Pantai Timur Persekutuan Tanah Melayu, Malaysia. Dua buah program inapdesa telah dipilih berdasarkan prestasi kedatangan pelancong tertinggi pada tahun 2016 dan keunikan pakej yang ditawarkan. Pendekatan kualitatif iaitu temu bual bersemuka dilakukan dengan penyelaras program inapdesa. Dapatan menunjukkan inapdesa ini telah menjalankan inovasi produk daripada segi penginapan, pakej kegiatan dan perusahaan. Hasil kajian ini dapat digunakan oleh industri untuk menaik taraf program inapdesa di Malaysia sebagai usaha meningkatkan kelebihan daya saing melalui inovasi.

**Kata Kunci:** Inovasi, Inovasi Produk, Program Inapdesa, Pelancongan Luar Bandar

### **Pengenalan**

Pada masa kini, inovasi berperanan sebagai komponen penting dan semakin mendapat perhatian untuk menerokai peluang baharu melalui pembaharuan dan penambahbaikan (Peters dan Pikkemaat, 2005; Hjalager, 1994) sekaligus mampu meningkatkan pasaran sedia ada dan memperkenalkan pasaran baharu (Gunday drk., 2011). Sesebuah organisasi perlu mempunyai pengetahuan dan berupaya melaksanakan inovasi agar dapat menawarkan

perkhidmatan yang bernilai kepada pelanggan (Crumpton, 2012) dan lebih berdaya saing (Beregheh drk., 2012).

Pelancongan luar bandar dilihat berpotensi untuk menyediakan destinasi yang mempunyai keunikan tersendiri ekoran daripada keaslian produk yang dimiliki meliputi keindahan alam semula jadi, kemeriahan adat resam dan budaya tempatan (Mapjabil dan Ismail, 2015). Kelebihan ini juga seiring dengan agenda utama dalam Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu untuk memberi peluang kepada komuniti luar bandar meningkatkan tahap pendapatan dan mengurangkan jurang kemiskinan (EPU, 2015). Lantaran itu, “Program Homestay” diperkenalkan untuk mencipta pelbagai kegiatan ekonomi baharu (Kasim drk., 2016) yang berpotensi untuk berkembang dan membangunkan sosioekonomi. “Program Homestay” menawarkan pengalaman menarik kepada pelancong merangkumi penginapan, penyediaan makanan dan minuman, pakej kegiatan dan perusahaan produk komuniti. Keunikan produk yang ditawarkan adalah bergantung kepada inisiatif komuniti yang terlibat untuk berinovasi bagi memenuhi permintaan dan kepuasan pelancong (Hussin dan Kunjuraman, 2014), seterusnya mampu meningkatkan prestasi inapdesa (Pusiran dan Xiao, 2013).

Walaupun begitu, masih terdapat sebahagian Program Inapdesa (terjemahan kepada “Program Homestay” dan akan digunakan di sini selepas ini) yang tidak melakukan penambahbaikan terhadap mutu produk yang ditawarkan sehingga menjejaskan minat pelancong (Hussin dan Kunjuraman, 2014). Ini termasuk komuniti yang kurang berpengalaman dalam menguruskan perniagaan, tidak memiliki kemahiran, tiada pengetahuan (Kayat dan Nor, 2006) dan pendedahan berkaitan inovasi pelancongan (Sakdiyakorn dan Sivarak, 2016). Keadaan ini menjejaskan jumlah kedatangan pelancong dan menyebabkan pengusaha menarik diri susulan daripada pendapatan yang kurang memuaskan (Kasim drk., 2016).

Menurut Razzaq drk., (2011), inovasi terhadap produk pelancongan dalam program inapdesa perlu dikaji dengan lebih terperinci berikutan kekurangan kajian yang memfokuskan kepada aspek ini. Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan program



inapdesa, namun kajian tersebut lebih membincangkan tentang penglibatan komuniti (Ismail drk., 2016; Pusiran dan Xiao, 2013) dan faktor motivasi terhadap pengusaha (Ahmad drk., 2014; Salleh drk., 2014). Sejajar dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai inovasi produk yang telah dilakukan dalam usaha meningkatkan prestasi program inapdesa.

### ***Konsep Inovasi***

Konsep inovasi telah diperkenalkan oleh Schumpeter pada tahun 1934 yang memfokuskan kepada pembangunan ekonomi dan keusahawanan. Beliau mentakrifkan inovasi sebagai penciptaan produk baharu atau penambahbaikan terhadap produk sedia ada dengan menggunakan kaedah baharu untuk mewujudkan pasaran baharu dan membangunkan organisasi. Definisi ini turut dipersetujui oleh beberapa sarjana dengan merujuk inovasi sebagai penghasilan sesuatu yang baharu untuk meningkatkan keupayaan produk (Tidd drk., 2005; Kuratko dan Hodgetts, 2004; Drucker, 1985) agar dapat menerokai peluang baharu dan lebih berdaya saing (Bakar dan Ahmad, 2010). Ini menunjukkan bahawa inovasi dapat memberi peluang kepada organisasi untuk mengembangkan produk yang ditawarkan.

Dalam pada itu, beberapa penyelidik telah memperluaskan konsep inovasi dengan merujuk kepada kepelbagaian jenis inovasi (Saunila, drk., 2014). Sebagai contoh, Boachie-Mensah dan Aquah, (2015), Hassan drk., (2013) dan Gunday, drk., (2011) memfokuskan kepada empat jenis inovasi iaitu inovasi produk, inovasi proses, inovasi pemasaran dan inovasi organisasi. Namun, ada juga penyelidik yang hanya menggunakan salah satu jenis inovasi sahaja dalam kajian mereka sama ada inovasi produk (Zhang dan Duan, 2010; Espallardo dan Ballester, 2009) inovasi proses (Abrunhosa dan Moura, 2008) atau inovasi organisasi (Camison dan Villar-Lopez, 2014; Dadfar drk., 2013). Kajian ini telah memilih untuk memfokuskan kepada penerokaan inovasi produk bagi program inapdesa di Pantai Timur Persekutuan Tanah Melayu (PTM) Malaysia.

## ***Inovasi Produk***

Inovasi produk merujuk kepada percambahan idea-idea baharu (Myers dan Marquis, 1969) dengan melakukan pembaharuan dan penambahbaikan terhadap spesifikasi tertentu (OECD, 2005) untuk memenuhi kepuasan pelanggan (Chang drk., 2012). Tambahan lagi, produk yang dihasilkan mestilah mempunyai keaslian serta keunikan tersendiri untuk dikormesialkan (Hjalager, 2010). Penciptaan produk yang mampu menarik perhatian pengguna (Boachie-Mensah dan Acquah, 2015), berupaya menyumbang kepada pertumbuhan pasaran (Hassan drk., 2013). Oleh itu, inovasi produk menjadi salah satu usaha yang perlu dilakukan secara berterusan agar tahap kecekapan organisasi dapat dipertingkatkan (Kafetzopoulos dan Psomas, 2015).

Dalam sektor pelancongan, inovasi produk melibatkan penghasilan barangan atau kegiatan baharu untuk ditawarkan kepada pelancong (Aldebert drk., 2011). Inisiatif ini merupakan usaha bagi mencapai matlamat dan menyokong pembangunan pelancongan komuniti. Berdasarkan kepada kajian terdahulu, pelbagai bentuk inovasi produk telah dilaksanakan seperti membuat transformasi terhadap rumah di sepanjang terusan untuk dijadikan inapdesa (Sakdiyakorn dan Sivarak, 2016) dan memperkenalkan pelbagai kegiatan untuk menarik minat pelancong di samping memaparkan gaya hidup dan budaya komuniti setempat (Keling dan Entebang, 2017).

## ***Perkembangan “Program Homestay”***

Di Malaysia, Program Inapdesa yang lebih popular dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai “Program Homestay” (Hussin dan Kunjuran, 2014; Ahmad drk., 2011) dan merupakan salah satu produk pelancongan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Kmelanda) bagi membolehkan pelancong merasai pengalaman kehidupan dan budaya yang berbeza (Ahmad drk., 2014). “Program Homestay” merujuk

kepada pengalaman pelancong tinggal bersama keluarga angkat, berinteraksi, menimba pengalaman kehidupan seharian dan mempelajari budaya komuniti luar bandar (Kmelanda, 2017). Pengalaman yang disediakan adalah berbeza mengikut lokasi dan kepelbagaian etnik kehidupan (Bhuiyan drk., 2012) yang meliputi kegiatan budaya dan ekonomi masing-masing (Keling dan Entebang, 2017). Secara umumnya, produk yang disediakan adalah merangkumi penginapan, pengalaman kegiatan harian dan budaya, dan perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (Suffarruddin drk., 2017; Aziz dan Othman, 2015; Jamaludin drk., 2012). Tambahan lagi, “Program Homestay” sememangnya mempunyai daya tarikan tersendiri seperti alam semula jadi, sejarah, seni dan kraftangan, kegiatan budaya, makanan tradisi, dan kegiatan pertanian (Razzaq drk., 2011).

Penginapan adalah merujuk kepada tempat tinggal yang disediakan oleh pengusaha dengan memberi peluang kepada pelancong tinggal bersama tuan rumah dan mempelajari cara hidup keluarga tersebut (Hussin dan Kunjuran, 2014). Pengalaman kegiatan pula meliputi budaya, gaya hidup, kegiatan ekonomi, riadah (rekreasi) dan pemuliharaan alam sekitar (Kmelanda, 2017). Ini termasuk daya tarikan sedia ada seperti makanan tradisi, keunikan budaya komuniti, kesenian dan kebudayaan, senibina rumah dan persekitaran semula jadi kampung (Mapjabil dan Ismail, 2015). Perusahaan IKS adalah merujuk kepada produk yang diusahakan oleh komuniti untuk dipasarkan kepada pelancong dan boleh juga dijadikan sebagai cenderamata (Ibrahim dan Ahmad, 2009).

Pada awal pengenalan program ini, penyertaan adalah melibatkan beberapa buah kampung yang terpilih dan dilaksanakan secara kecil-kecilan sahaja. Namun kini, “Program Homestay” (selepas ini dirujuk Program Inapdesa) dilihat semakin berkembang dengan penglibatan komuniti yang semakin bertambah. Berdasarkan data Kmelanda (2017), didapati bilangan Program Inapdesa yang berdaftar pada tahun 2016 telah meningkat kepada 193 berbanding 150 pada tahun 2011. Ini membuktikan telah berlakunya pertambahan terhadap bilangan penyertaan komuniti dalam Program Inapdesa ini. Selain itu, data yang sama

turut menunjukkan statistik kedatangan pelancong juga telah meningkat sebanyak 109 peratus pada tahun 2016 berbanding tahun 2011. Peningkatan ini membuktikan bahawa Program Inapdesa telah mendapat tempat sebagai destinasi pelancongan yang digemari oleh pelancong dalam dan luar negara. Namun, inapdesa nampaknya banyak yang tidak melibatkan kebersamaan keluarga angkat, tetapi lebih merupakan penginapan murah di kampung sahaja. Ini perlu dikaji lagi.

### **Tatakaedah (Metodologi)**

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu menerusi kaedah temu bual separa berstruktur secara bersemuka untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam (Silverman, 2007). Kaedah ini memerlukan penyelidik berada dalam situasi responden agar dapat melihat sendiri keadaan sebenar isu kajian, merangkumi persekitaran yang dimiliki serta bukti yang mencukupi, terutamanya melibatkan kajian kes (Yin, 2011). Ini sejajar dengan cadangan penyelidik lepas, bagi menjawab persoalan bagaimana dan mengapa inovasi boleh berlaku (Sakdiyakorn dan Sivarak, 2016) terutamanya dalam program homestay (Hashim drk., 2015). Oleh itu, temu bual dengan setiap penyelaras telah dijalankan dan diikuti lawatan ke rumah inapdesa bagi mengenal pasti inovasi produk yang dilaksanakan sebagai usaha membangunkan Program Inapdesa tersebut.

Pemilihan sampel kajian adalah penting untuk memastikan responden dapat memberi data yang paling relevan dan sesuai dengan kajian yang dilakukan (Yin, 2011). Sampel bagi kajian ini dipilih menggunakan senarai Program Inapdesa yang terdapat di Pantai Timur PTM Malaysia dan telah berdaftar dengan Kmelanda. Dua kajian kes yang dipilih adalah “Homestay Taman Sedia” dan “Homestay Kampung Desa Murni”. Kedua-dua Program Inapdesa ini dipilih kerana telah menunjukkan prestasi terbaik dalam menerima kedatangan pelancong sepanjang beroperasi melebihi 10 tahun. Berdasarkan statistik Kmelanda (2017), peratusan kedatangan telah meningkat sebanyak 134 peratus bagi Homestay Taman Sedia dan 456 peratus bagi “Homestay Kampung Desa

Murni” pada tahun 2016 berbanding tahun 2011. Seajar dengan pencapaian ini, kedua-dua inapdesa tersebut dikenal pasti berpotensi untuk memberikan maklumat berkaitan inovasi produk.

Pengumpulan dan analisis data telah dijalankan pada bulan Oktober sehingga November 2017. Pengumpulan data melibatkan temu bual bersama penyelaras dan pengusaha inapdesa. Setiap temubual mengambil masa selama tiga hingga empat jam, direkodkan untuk proses penyalinan semula ke dalam bentuk transkrip dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut Krippendorff (2018), kaedah ini berupaya untuk mengukur sesuatu peristiwa yang berlaku secara lebih sistematik melalui penemuan dan kenyataan daripada temu bual. Data ini kemudiannya dikategorikan mengikut tema dan sub-tema yang bersesuaian untuk mengenalpasti kewujudan inovasi produk dalam program inapdesa tersebut.

## **Penemuan Kajian**

### ***Latar Belakang Kajian Kes***

Dua kajian kes yang terlibat ialah “Homestay Taman Sedia” dan “Homestay Kampung Desa Murni”. “Homestay Taman Sedia” terletak di kawasan tanah tinggi iaitu Cameron Highland. Inapdesa ini mula beroperasi pada tahun pada tahun 2000. Inapdesa ini melibatkan 12 pengusaha berdaftar yang menyediakan 28 bilik penginapan. Kedatangan pelancong ke inapdesa ini mencatatkan bilangan paling tinggi bukan sahaja di Pantai Timur PTM, malah keseluruhan Malaysia dengan jumlah 94,283 pada tahun 2017.

“Homestay Kampung Desa Murni” pula terletak dalam Daerah Temerloh Pahang dan melibatkan dua buah kampung iaitu Kampung Kerdau dan Kampung Sanggang. Inapdesa ini merupakan Program Inapdesa pertama ditubuhkan di Malaysia iaitu pada tahun 1995 dengan bilangan pengusaha seramai 25 orang. Pada peringkat awal, inapdesa ini hanya menawarkan 37 buah bilik penginapan, namun kini meningkat kepada 120 buah bilik. Ini termasuklah penginapan berasaskan konsep “*kampungstay*”. Kedatangan pelancong juga meningkat sebanyak

10 peratus kepada 9,151 pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya.

### ***Inovasi Produk dalam “Program Homestay”***

Dapatan yang diperolehi menunjukkan wujudnya inovasi produk dalam perkembangan “Program Homestay”. Temu bual mendapati wujudnya keupayaan untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan ke atas produk yang boleh dikelaskan kepada tiga tema iaitu (i) peningkatan mutu ruang penginapan; (ii) keunikan pakej kegiatan desa; dan (iii) perkembangan perusahaan IKS.

#### ***Peningkatan Mutu Ruang Penginapan***

Dapatan menunjukkan kategori inovasi yang dilakukan terhadap penginapan adalah merangkumi kekemasan dan kebersihan, kelengkapan yang mencukupi, penyediaan bilik air yang selesa dan penambahan bilangan bilik.

***Kekemasan dan Kebersihan:*** Pengusaha telah mempertingkatkan mutu penginapan dengan susun atur yang lebih kemas agar dapat menyediakan suasana bilik yang lebih selesa. Menurut responden, *‘Semua pengusaha telah menghadiri kursus dan mereka sudah pandai menyambut tetamu, mengemas bilik dengan teratur dan cara memasang cadar yang betul’* (Homestay B). Peningkatan ini dapat memberi persepsi yang baik kepada pelancong apabila mula menjejak kaki ke rumah keluarga angkat tersebut. Inovasi ini disokong oleh responden Homestay A iaitu, *‘Bilik yang kita sediakan tidak perlu sampai 5 bintang, yang paling penting bersih’*. Oleh itu, pemeriksaan berkala telah dilakukan untuk memastikan tahap kekemasan dan kebersihan dapat memberi keselesaan kepada pelancong.

***Kelengkapan Mencukupi:*** Kedua-dua homestay ini telah menyediakan kelengkapan yang menjadi keperluan pelancong seperti air mineral, tuala mandi dan sabun yang sentiasa diganti sebagaimana yang disediakan oleh hotel. Selain itu, satu pendekatan baharu juga diwujudkan iaitu, *‘...terdapat pengusaha yang berkemampuan telah memasang pendingin hawa di dalam bilik bagi memenuhi permintaan pelancong’* (Homestay B).

Memandangkan pelancong antarabangsa merupakan sasaran utama, inovasi ini giat dilaksanakan. Namun, hanya minoriti pengusaha sahaja yang melakukan penambahbaikan ini kerana yang lain masih mahu mengekalkan dan memenuhi permintaan pelancong yang inginkan udara dan suasana rumah kampung.

***Bilik Air yang Selesa:*** Kedua-dua responden sering menekankan aspek penambahbaikan dengan menyediakan bilik air di dalam bilik tanpa perlu berkongsi dengan tuan rumah. Di samping itu, Responden turut menegaskan pengubahsuaian iaitu, “...ada juga pengusaha yang menukar bilik air kepada tandas duduk kerana permintaan pelancong terutamanya luar negara” (Homestay A). Menurut responden lagi, ada antara pengusaha yang menerima peruntukan daripada pihak kerajaan untuk tujuan ini. Penambahbaikan ini secara tidak langsung dapat menjaga keselamatan pelancong kerana dahulunya rumah kampung tidak mempunyai bilik air di dalam bilik dan agak kurang memuaskan. Kini, inovasi yang dilakukan dapat meningkatkan mutu dan sekaligus memberi keselesaan kepada pelancong.

***Penambahan Bilangan Bilik:*** Inisiatif ini juga penting sebagai usaha untuk meningkatkan mutu penginapan. Ini bagi menampung jumlah kedatangan pelancong yang semakin meningkat. Responden menjelaskan, ‘...mulanya pada tahun 1995, kita ada 25 keluarga angkat sahaja yang berdaftar. Tetapi apabila pelancong sudah ramai, kita tambah lagi hingga sekarang ada 120 buah rumah keluarga angkat merangkumi beberapa buah kampung yang lain’ (Homestay B). Ini menunjukkan berlakunya peningkatan komuniti yang berminat menjadi pengusaha Program Inapdesa sekaligus mewujudkan jalinan usaha sama antara kampung. Peningkatan ini selari dengan penerangan responden Homestay A yang juga telah meningkatkan bilangan bilik menjadi 28 buah berbanding hanya 12 buah pada asalnya.

### *Keunikan Pakej Kegiatan Desa*

Dapatan menunjukkan Program Inapdesa sangat kreatif dalam menawarkan pelbagai pakej kegiatan yang unik untuk menarik minat pelancong mengikuti dan mempelajari kegiatan harian dan

budaya masyarakat luar bandar. Empat kategori inovasi yang sering dilakukan iaitu melalui penyediaan makanan tempatan, acara kebudayaan, lawatan kampung dan pembaharuan kegiatan rekreasi atau riadah.

**Penyediaan Makanan Tempatan:** Didapati bahawa komuniti sentiasa berinovasi dalam menyediakan makanan tempatan dengan mempelbagaikan menu yang disajikan. Menurut responden Homestay A, *‘...menawarkan menu baharu iaitu nasi lemak sambal strawberi. Kita juga mengolah buah strawberi menjadi serunding untuk dimakan dengan nasi’*. Pelancong akan dapat merasai kelainan dalam masakan yang berbeza bagi setiap lokasi. Ini diselit dengan transformasi cara penyediaan dengan, *‘Sebelum ini, pelancong akan makan di rumah keluarga angkat. Tetapi sekarang kita buat gotong royong dan makan beramai-ramai’* (Homestay B). Inisiatif ini dapat memberikan suasana yang meriah dengan melibatkan kemesraan antara komuniti dan pelancong dalam sebuah kampung.

**Acara Kebudayaan:** Kepelbagaian kegiatan kebudayaan masih lagi dipersembahkan untuk tontotan pelancong. Walaupun generasi terdahulu sudah tidak mampu membuat persembahan, tetapi Homestay A telah mengambil inisiatif iaitu, *‘...menjemput pelajar sekolah untuk membantu dalam acara kebudayaan seperti kompang dan tarian’*. Kolaborasi ini juga seiring dengan inovasi Homestay B yang bertujuan untuk mengekal acara kebudayaan. Tambahan lagi, inisiatif ini dapat meningkatkan kualiti persembahan kerana ianya dipersembahkan oleh kumpulan yang lebih mahir. Selain itu, Homestay B turut memartabatkan kegiatan kesenian dengan, *‘membuat aktiviti demonstrasi mencating batik. Pelancong akan turut sama mewarna dan boleh membawa pulang hasil kerja mereka sebagai cenderahati’*.

**Lawatan Kampung:** Kedua-dua Program Inapdesa sering meningkatkan kegiatan berbentuk pakej lawatan di sekitar kampung. Pakej ini memberi peluang kepada pelancong melawat suasana kampung dan mempelajari kegiatan harian komuniti setempat. Menurut responden Homestay B, *‘Dahulu, kita hanya membawa pelancong berjalan mengelilingi kampung. Sekarang ini, kita bawa mereka ke ladang getah dan mencipta pelbagai aktiviti’*



*di situ seperti menoreh getah dan sukaneka*'. Begitu juga Homestay A, dengan membawa pelancong melakukan kegiatan di ladang stroberi dan melihat perusahaan IKS. Dapatan ini menunjukkan berlakunya pertambahan dalam pakej kegiatan agar pelancong dapat merasai pengalaman yang unik dan berbeza.

**Rekreasi atau Riadah:** Perubahan gaya hidup juga telah membawa kepada penciptaan kegiatan lasak yang kini semakin mendapat sambutan. Kegiatan ini memberi peluang kepada pelancong menerokai keindahan dan kehijauan alam semula jadi yang terdapat di kawasan luar bandar. Contohnya, responden Homestay A menyatakan, *'Kita telah mencipta aktiviti mendaki gunung. Pelancong akan naik daripada sini dan turun di MARDI dengan bantuan Jabatan Hutan'*. Inisiatif ini juga dilihat sebagai usaha untuk menarik pelancong menyertai "Program Homestay" terutamanya golongan muda yang lebih gemar kegiatan yang mencabar. Sementara itu, inisiatif Homestay B adalah dengan membawa pelancong melawat destinasi pelancongan berdekatan sebagai salah satu pakej terbaharu. Jadi, pelancong juga berkesempatan mengetahui tempat menarik yang terdapat di daerah mahupun negeri tersebut.

### *Perkembangan Perusahaan IKS*

Usahawan yang mengusahakan produk IKS juga berperanan melakukan penambahbaikan untuk meningkatkan ekonomi mereka. Antaranya adalah dengan menghasilkan produk hiliran berasaskan makanan dan kraftangan.

**Barangan Berasaskan Makanan:** Dapatan menunjukkan, kedua-dua program homestay ini lebih memfokuskan kepada usaha penambahbaikan dengan mempelbagaikan barangan untuk dijual kepada pelancong. Kebanyakan usahawan cenderung menghasilkan makanan seperti kuih-muih tradisi. Sebagai contoh, inovasi Homestay B adalah, *'Permintaan semakin meningkat, jadi perusahaan kerepek dan sos dihasilkan secara komuniti di bengkel gerakan wanita'*. Begitu juga dengan Homestay A yang menggunakan hasil pertanian untuk membuat, *'...inovasi kita yang terbaharu iaitu serunding strawberi, jem dan kordial. Kita dapat*

*menggalakkan budak muda untuk turut sama bekerja”*. Ini membuktikan, pendekatan sebegini bukan sahaja berjaya meningkatkan kuantiti pengeluaran, malah menarik lebih ramai lagi komuniti yang terlibat dalam dunia perniagaan.

***Barangan Kraftangan:*** Usahawan di Homestay B telah mengkomersialkan nilai kesenian yang terdapat pada kraftangan yang dihasilkan. Ini seperti yang dinyatakan oleh responden, *‘Kita juga melibatkan industri kraftangan ukiran keris yang terdapat dalam kampung ini. Pelancong akan dibawa melihat proses penghasilan dan barangan ini juga boleh dijadikan sebagai cenderahati kepada pelancong’*. Tambahan lagi, kraftangan ini dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan ukiran untuk mempamerkan keunikan yang ada dan seterusnya menarik minat pelancong. Perkembangan produk ini bukan sekadar kepada pelancong yang datang, malah turut dipasarkan secara lebih meluas.

## **Perbincangan dan Kesimpulan**

Penemuan menunjukkan wujudnya inovasi produk di dalam pembangunan “Program Homestay” atau Program Inapdesa. Dalam kajian ini, inovasi yang dilaksanakan adalah merangkumi tiga kategori iaitu peningkatan kualiti ruang penginapan, keunikan pakej kegiatan desa dan perkembangan perusahaan IKS. Komuniti yang terlibat dalam “Program Homestay” atau “Program Inapdesa” memainkan peranan penting dalam melakukan penambahbaikan dan pembaharuan agar produk yang ditawarkan memenuhi citarasa pengguna.

Kategori pertama adalah terhadap usaha meningkatkan mutu ruang penginapan yang menjadi lokasi tempat tinggal pelancong (Aziz dan Othman, 2015; Kayat, 2011). Antara inisiatif yang dilakukan adalah melalui kekemasan dan kebersihan, kelengkapan mencukupi, bilik air yang selesa dan pertambahan bilik. Inovasi ini bertujuan untuk menjamin kepuasan dan memenuhi permintaan pelancong yang sentiasa berubah-ubah. Ini seiring dengan kajian terdahulu yang memfokuskan kepada usaha dalam menyediakan pelbagai jenis penginapan (Hashim drk., 2015) kepada pelancong

melalui inovasi yang dilakukan (Sakdiyakorn dan Sivarak, 2016; Keling dan Entebang, 2017).

Di samping itu, kategori kedua melibatkan keunikan kegiatan desa yang dipelbagaikan dan diperbaharui untuk memberi peluang kepada pelancong merasai pengalaman yang menyeronokkan dan mempelajari kehidupan di desa. Seiring dengan kajian Yusof drk., (2017), kegiatan sebegini berupaya meningkatkan tahap kepuasan pelancong dengan mempamerkan keunikan budaya masyarakat setempat. Antara inovasi yang dilakukan adalah daripada segi penyediaan makanan tempatan, acara kebudayaan, lawatan kampung dan aktiviti riadah dan rekreasi. Penemuan ini menyokong saranan Kmelanda yang menjurus kepada usaha menyediakan pengalaman gaya hidup masyarakat kampung, melalui keunikan pakej kegiatan yang mampu menjadi daya tarikan kepada pelancong (Razzaq drk., 2011).

Kategori yang ketiga adalah terhadap perusahaan IKS yang merupakan perniagaan sampingan komuniti kampung. Antara keluaran yang dihasilkan adalah barangan berasaskan makanan dan kraftangan. Peningkatan yang dilakukan tertumpu kepada usaha menvariasikan hasil keluaran dan meningkatkan bilangan usahawan yang terlibat. Walaupun dapatan ini tidak dibincangkan dalam kajian lepas, namun menurut Selamat dan Swamithan (2015) dan Ismail (2015), perusahaan ini mempunyai potensi yang baik untuk berkembang dalam Program Inapdesa. Oleh itu, inovasi wajar dilakukan agar hasil keluaran dapat dikomersialkan dengan lebih meluas sekaligus menarik kedatangan pelancong samada dalam mahupun luar negara.

Secara keseluruhannya, inovasi adalah penting dalam memastikan pembangunan sesebuah Program Inapdesa adalah berterusan. Aziz drk. (2014) turut menggalakkan peningkatan terhadap kepelbagaian produk yang ditawarkan agar pengalaman ini dapat memberi kesan positif kepada pelancong. Dapatan ini menyokong kajian Hussin dan Kunjuraman (2014) yang menjelaskan inovasi merupakan usaha untuk meningkatkan mutu produk agar mampu memberi kepuasan dan seterusnya berjaya meningkatkan prestasi kedatangan pelancong (Jamaludin drk., 2012). Inovasi ini turut ditemui dalam kajian Keling dan Entebang

(2017) dan menepati saranan Hashim drk. (2015), supaya sentiasa berusaha menyediakan lebih banyak pilihan produk dalam program inapdesa. Ini membuktikan, Program Inapdesa yang berinovasi mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk menerima kedatangan pelancong dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang bermutu.

Inovasi sebegini turut memberi implikasi kepada komuniti luar bandar daripada segi penjanaan ekonomi melalui penciptaan pelbagai jenis produk dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan desa. Dapatan yang ditemui juga boleh dijadikan maklumat yang berguna kepada program homestay yang lain agar lebih kreatif dalam menawarkan produk yang mempunyai ciri-ciri inovasi bagi menarik minat pelancong. Lantaran itu, semua pihak termasuk penyelaras, pengusaha dan komuniti terlibat adalah digalakkan untuk lebih memfokuskan kepada aspek inovasi yang memerlukan perancangan dan kepelbagaian idea kreatif.

Batas yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah berkaitan inovasi yang dilaksanakan dalam Program Inapdesa di Pantai Timur PTM Malaysia. Pelaksanaan inovasi ini mungkin berbeza dengan wilayah lain bergantung kepada inisiatif dan kelebihan yang dimiliki. Oleh itu, untuk kajian di masa hadapan, adalah dicadangkan agar kajian lanjutan dapat dijalankan di wilayah lain dengan pemerhatian yang lebih mendalam.

## **Penghargaan**

Kertas kerja ini dibiayai sebahagian daripada Geran *Global Challenge Initiative. Repositioning Malay Heritage Tourism in the Inner City of Georgetown, Pulau Pinang* (No Akaun: 304.PPBGN.641001).

## **Rujukan**

Abrunhosa, A. & Moura E.S.P. (2008). Are TQM principles supporting innovation in the Portuguese footwear industry? *Technovation*, 28 (4), 208 – 221.

- Ahmad, M.Z, Ibrahim, J.A, Zakaria, N. (2011) Homestay as a socioeconomic community development Agent: From UUM tourism management student's perspective. *PROSIDING PERKEM VI, JILID 2*, 481-493.
- Ahmad, S.Z., Jabeen, F. & Khan, M. (2014). Entrepreneur's choice in business venture: Motivations for choosing homestay accommodation business in Peninsular Malaysia. *International Journal of Hospitality Management*, 36, 31 – 40.
- Aldebert, B., Dang, R.J., & Longhi, C. (2011). Innovation in the tourism industry: The case of Tourism@. *Tourism Management*, 32, 1204–1213.
- Aziz, Y.A. & Othman, M. (2015). Persepsi komuniti tempatan terhadap program homestay di Malaysia. Dalam Mapjabil J. (Eds), *Program Homestay dan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia* (pp. 78-101). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Bakar, L.J.A. & Ahmad, H. (2010). Assessing the relationship between firm resources and product innovation performance. *Business Process Management Journal*, 16(3), 420 – 435.
- Beregheh, A., Rowley, J., Sambrook, S. & Davies, D. (2012). Innovation in food sector SMEs. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 19 (2), 300 – 321.
- Bhuiyan, M.A.H., Siwar, C., Ismail, S.M., & Islam, R. (2012). Home stay accommodation for tourism development in East Coast Economic Region, *American Journal of Applied Sciences*, 9 (7), 1085-1090.
- Boachie-Mensah, F. & Aquah, I.S.K. (2015). The effect of innovation types on the performance of small and medium-sized enterprises in the Sekondi-Takoradi Metropolis. *Archives of Business Research*, 3(3), 77–98.

- Camisón, C. & Villar-López, A. (2014.) Organisational innovation as an enabler of technological innovation capabilities and firm performance. *Journal of Business Research*, 67 (1), 2891 – 2902.
- Chang, Y., Linton, J. & Chen, M. (2012). Service regime: an empirical analysis of innovation patterns in service firms. *Technological Forecasting & Social Change*, 79(10), 1569 – 1582.
- Crumpton, M.A. (2012). Innovation and entrepreneurship. *The Bottom Line Managing Library Finances*, 25 (3) 98 – 101.
- Dadfar, H., Dahlgard, J.J., Brege, S., & Alamirhoor, A. (2013). Linkage between organisational innovation capability, product platform development and performance: The case of pharmaceutical small and medium enterprises in Iran. *Total Quality Management & Business Excellence*, 24 (7:8), 819 – 834.
- Drucker, P.F. (1985). *The Practice of Innovation, Innovation and Entrepreneurship Practice and Principles*. New York: Harper & Row.
- EPU. (2015). Elevating B40 Households towards A Middle Class Society. *Strategy Paper, 2. Putrajaya: Economic Planning Unit, Prime Minister’s Department*.
- Espallardo, M.H. & Ballester, E.D. (2009). Product innovation in small manufacturers, market orientation and the Industry’s Five Competitive Forces: Empirical evidence from Spain. *European Journal of Innovation Management*, 12 (4), 470 – 491.
- Gunday, G., Ulusoy, G., Kilic, K., & Alpkan, L. (2011). Effects of innovation types on firm performance. *International Journal of Production Economics*, 133 (2), 662 – 676.

- Hashim, A.M., Jamalludin, N., Nor, M.N.M., Nazrin, N., Merican, F.M.I. & Ahmad, S.S. (2015). Langkawi Homestay: Exploring an innovation aspect in homestay industry. *Journal of Tourism, Hospitality and Sports*, 8, 14 – 19.
- Hassan, M.U., Shaukat, S., Nawaz, M.S. & Naz, S. (2013). Effects of innovation types on firm performance: an empirical study on Pakistan's Manufacturing Sector. *Pakistan Journal of Commerce and Social Sciences*, 7 (2), 243 – 262.
- Hjalager, A.M. (1994). Dynamic innovation in the tourism industry. *Progress in Tourism and Hospitality Management*, 6, 197–224.
- Hjalager, A.M. (2010). A review of innovation in tourism. *Tourism Management*, 1 (1), 1-12.
- Hussin, R. & Kunjuraman, V. (2014). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *GEOGRAFIA – Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (3), 160 – 174.
- Ibrahim, J.A. & Ahmad, M.Z. (2009). Program homestay pemangkin pertumbuhan ekonomi luar bandar, kajian kes: Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. *PROSIDING PERKEM VI, JILID 2*, 227 – 242.
- Ismail, H.N. (2015). Pertimbangan kriteria asas pemilihan destinasi dalam pembangunan program homestay di Malaysia. Dalam Mapjabil J. (Eds), *Program Homestay dan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia* (pp. 49-64). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Ismail, M.N.I., Hanafiah, M.H., Aminuddin, N., Mustafa, N. (2016). Community-based homestay service quality, visitor satisfaction, and behavioral intention. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 222, 398 – 405.

- Jamaludin, M., Othman, N. & Awang, A.R. (2012). Community based homestay programme: a personal experience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 42, 451 – 459.
- Kafetzopoulos, D. & Psomas, E. (2015). The impact of innovation capability on the performance of manufacturing companies, The Greek case. *Journal of Manufacturing Technology Management*, 26(1), 104 – 130.
- Kasim, M.M., Kayat, K., Ramli, R. & Ramli, R. (2016). Sustainability criteria for the Malaysia Homestay Program. *International Review of Management and Marketing*, 6 (S7), 250 – 255.
- Kayat, K. & Nor, N.A.M. (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah. *Akademika*, 67(1), 77-102.
- Kayat, K. (2011). *Homestay Programme as a Malaysian Tourism Product*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press
- Keling, W. & Entebang, H. (2017). Dayak Homestay Entrepreneur’s Innovation Characteristics. *Ottoman: Journal of Tourism and Management Research*, 2(2), 101 – 112.
- Kmelanda (2017). *Program Homestay Malaysia*. (Dipetik pada 20 Oktober 2017), daripada <http://www.motac.gov.my>
- Krippendorff, K. (2018). *Content Analysis: An Introduction to its Methodology*. California: SAGE Publications.
- Kuratko, D.F. & Hodgetts, R.M. (2004). *Entrepreneurship: Theory, Process and Practices*, 6<sup>th</sup> edition. USA: Smith Western.
- Mapjabil J. & Ismail S.C. (2015). Program homestay dan pembangunan sosioekonomi luar bandar di Malaysia. Dalam Mapjabil J. (Eds), *Program Homestay dan Pembangunan*



*Komuniti Luar Bandar di Malaysia* (pp. 27-48). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.

Myers, S. & Marquis, D. (1969). *Innovation and Business Performance: A Literature Review*. Cambridge: The Judge Institute of Management Studies, University of Cambridge.

OECD. (2005). *Oslo Manual: Proposed Guidelines for Collecting and Interpreting Technological Innovation Data*. Paris: OECD.

Peters, M. & Pikkemaat, B. (2005). Innovation in tourism. In M. Peters, & B. Pikkemaat (Eds.), *Innovation in Hospitality and Tourism*. (pp. 1–6). New York: The Haworth Hospitality Press.

Pusiran, A.K. & Xiao, H. (2013). Challenges and Community Development: A Case Study of Homestay in Malaysia. *Asian Social Science*, 9 (5), 1 – 17.

Razzaq, A.R.A., Hadi, M.Y., Mustafa, M.Z., Hamzah, A., Khalifah, Z., & Mohamad, N.H. (2011). Local community participation in homestay program development in Malaysia. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 7 (12), 1418 – 1429.

Sakdiyakorn, M. & Sivarak, O. (2016). Innovation management in cultural heritage tourism: Experience from the Amphawa Waterfront Community, Thailand. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 21 (2), 212 – 238.

Salleh, N.H.M., Othman, R., Nordin, N., Idris, S.H.M. & Shukor, M.S. (2014). The homestay program in Malaysia: Motivation for participation and development impact. *Tourism Preliminary Communication*, 62 (4), 407 – 421.

Saunila, M., Pekkola, S. & Ukko, J. (2014). The relationship between innovation capability and performance.

*International Journal of Productivity and Performance Management*, 63 (2), 234 – 249.

- Selamat, N.H. & Swaminathan, K. (2015). Persembahan kehidupan desa sebagai produk pelancongan di Homestay Kampung Relau. Dalam Majjabil J. (Eds), *Program Homestay dan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia* (pp. 126-151). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Silverman, D. (2007). *Interpreting Qualitative Data: Methods for Analyzing Talk, Text and Intercation*. London: Sage Publication.
- Suffarruddin, S.H., Jaafar, M. & Rahman, S. (2017). Inovasi produk dalam program homestay: kajian kes di Homestay Kampung Desa Keda. *Social Sciences Postgraduate International Seminar 2017*, 165–172.
- Tidd, J., Bessant, J. & Pavitt, K. (2005). *Managing Innovation: Integrating Technological, Market and Organizational Change*. New York: Wiley.
- Yin, R.K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York: The Guilford Press.
- Yusof, S., Harun, A., Wafa, S. A. W. S. K., Kler, B. K., & Majidab, M. R. A. (2017). The influence of tourist motivation and cultural heritage attributes on tourist satisfaction of homestay programme. *Journal of the Asian Academy of Applied Business (JAAAB)*, 3, 1-17.
- Zhang, J. & Duan, Y. (2010). The impact of different types of market orientation on product innovation performance: evidence from Chinese manufacturers. *Management Decision*, 48 (6), 849 – 867.



# **KESEDARAN BERAGAMA MASYARAKAT KUNDASANG DAN RANAU KESAN DARIPADA BENCANA GEMPA BUMI**

**Suraya Sintang\***  
**Assis Kamu**  
**Fatimah Sudirman**

*Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, University of Malaysia  
Sabah, Malaysia*

## ***Abstract***

*On June 5, 2015, the people of Sabah were tested in the aftermath of an earthquake in the Ranau area. The catastrophic damage to the environment, property and life has left a deep impression on the people of Ranau and Kundasang. The 5.9 magnitude earthquake was also felt in the surrounding areas namely Kota Kinabalu, Kota Belud, Kudat and Telupid. The Islamic perspectives explain that this disaster is a condition of the Qada' and the Qadar of God to mankind. To understand the relationship between religion and disaster, this study was conducted to find out the religious awareness of Muslims in Kundasang and Ranau in the aftermath of the earthquake in 2015. Religious awareness is measured through local community attitudes in the participation of Posogit ceremonies and their religious practices. Data collection using quantitative and qualitative methods around Kundasang and Ranau has been conducted by distributing questionnaires and interviews with the key informants from religious and community learders to obtain information on religious commitment and awareness among Muslim communities after the earthquake. Statistical analysis using cross-tabulated tables with Pearson's chi-square test was performed to examine the relationship between respondents' demographic backgrounds, age groups and their attitudes and practices toward Posogit*

---

\* Penulis untuk dihubungi: [suraya@ums.edu.my](mailto:suraya@ums.edu.my)  
eISSN 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban  
DOI: <https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol13no1.2>

*ceremonies. The results show that age is related to attitudes and practices of the belief in animism, the Posogit ceremony. Religious awareness is at a moderate level and is initially considered to be high but slowly decrease over the years. Religious awareness contributes to personal resilience and inner strength in the face of stress after the earthquake.*

**Keywords:** *disaster, Earthquake, religious awareness, posogit*

## **Abstrak**

Pada 5 Jun 2015 yang lalu, rakyat Sabah telah diuji dengan satu bencana gempa bumi yang berlaku di daerah Ranau. Bencana yang mengakibatkan banyak kemusnahan alam sekitar, harta benda dan nyawa ini meninggalkan kesan yang amat mendalam terhadap penduduk Ranau dan Kundasang. Gegeran dengan skala richter 5.9 ini turut dirasai di daerah sekitar iaitu Kota Kinabalu, Kota Belud, Kudat dan Telupid. Perspektif Islam menjelaskan bahawa bencana atau musibah ini adalah ketentuan *Qadha'* dan *Qadar* Tuhan kepada manusia. Bagi memahami kaitan antara agama dan bencana, maka kajian ini dijalankan untuk mengetahui kesedaran beragama masyarakat Muslim di Kundasang dan Ranau kesan daripada kejadian gempa bumi yang berlaku pada tahun 2015. Kesedaran beragama diukur melalui sikap masyarakat setempat dalam penyertaan upacara *Posogit* dan tindakan amalan beragama yang mereka lakukan selepas kejadian gempa bumi. Pengumpulan data menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif di sekitar Kundasang dan Ranau dengan mengedarkan soal-selidik dan wawancara maklumawan (informan) kekunci dari kalangan pemimpin agama dan pemimpin masyarakat bagi mendapatkan maklumat tentang komitmen dan kesedaran beragama dalam kalangan masyarakat Muslim selepas kejadian gempa bumi. Analisis statistik melalui jadual silang dengan ujian khi kuasa dua Pearson telah dilakukan bagi melihat hubung kait antara latar belakang demografi penyahut (responden) iaitu kumpulan umur dengan sikap dan amalan mereka terhadap upacara *Posogit*. Hasil kajian menunjukkan bahawa umur mempunyai perkaitan dengan

sikap dan amalan terhadap kepercayaan animisme iaitu upacara Posogit. Kesedaran beragama berada pada tahap sederhana dan disifatkan pada mulanya tinggi namun lama kelamaan semakin longgar. Kajian terhadap kesedaran beragama berupaya menyumbang kepada ketahanan diri dan kekuatan dalaman dalam menghadapi tekanan selepas bencana gempa bumi.

**Kata kunci:** bencana, gempa bumi, kesedaran agama, Posogit

## **Pendahuluan**

Bencana alam merupakan fitrah alam yang tidak dapat dihalang dan fenomena ini sememangnya dibuktikan benar berlakunya sama ada daripada perspektif agama mahupun sains. Dari segi sains fizik, setiap fenomena bencana alam yang berlaku adalah proses semula jadi daripada bumi atau alam itu sendiri yang ingin membetulkan kembali keadaan ekosistem yang tidak seimbang. Proses semulajadi yang juga disebut proses geologi sama ada yang bersifat endogenik mahupun eksogenik ini mengakibatkan bahaya berlaku kepada kehidupan. Gelongsoran tanah, gempa bumi dan banjir merupakan contoh bencana yang sering berlaku di Malaysia (Djauhari, 2012). Daripada perspektif agama Islam, bencana alam merupakan peringatan dan juga ujian yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada manusia untuk menilai keimanan manusia terhadap kekuasaan penciptanya. Berdasarkan premis ini, perbincangan dalam makalah ini cuba menghubungkan antara perspektif agama dengan sains bagi menjelaskan fenomena bencana gempa bumi dan dampaknya terhadap kesedaran beragama masyarakat Kundasang dan Ranau selepas bencana tersebut berlaku.

Bencana gempa bumi adalah salah satu bencana geologi yang amat menjadi kebimbangan masyarakat di negara ini kerana kejadian bencana ini muncul dengan tiba-tiba. Gempa bumi bermaksud pergerakan permukaan bumi secara tiba-tiba disebabkan oleh pelepasan tenaga dari kerak bumi. Di Malaysia, kejadian gempa bumi jarang dirasai kerana negara kita tidak berada di dalam zon lingkaran gempa bumi yang aktif dan kritis seperti di negara Jepun, Indonesia dan Filipina (Zamri, 2015).

Umum mengetahui bahawa negeri Sabah sangat terdedah dengan risiko gempa bumi kerana kedudukannya berdekatan dengan sempadan plat sesar dan zon subduksi Filipina dan Sulawesi yang aktif (Tongkul, 2017). Antara gempa bumi kuat yang dicatatkan pernah berlaku di Sabah adalah pada tahun 1976 di Lahad Datu dengan magnitud 6.2 skala Richter dan tahun 1991 di Ranau dengan magnitud 5.1 skala Richter (Tongkul, 2017). Gempa bumi terkini berlaku pada 5 Jun 2015 mencatatkan kekuatan 6.0 skala Richter dan gempa ini telah mengakibatkan kemusnahan yang besar kepada masyarakat Kundasang dan Ranau. Dilaporkan 18 kehilangan jiwa, sembilan daripadanya adalah warga Singapura, enam warga Malaysia dan seorang masing-masing dari Jepun dan China dan seorang lagi merupakan warga Filipina yang menjadi pemastautin tetap di Singapura dan banyak lagi kemusnahan berlaku menyebabkan penduduk dibelenggu ketakutan dan trauma (lihat Internet).

Bencana gempa bumi yang berlaku tidak hanya memberi dampak jasmani sama ada kehilangan nyawa mahupun kehilangan harta benda, malah turut memberi kesan rohani yang dizahirkan melalui beberapa upacara ritual mengikut kepercayaan masyarakat tempatan yang terlibat. Hubungkait antara bencana dengan kepercayaan sesuatu masyarakat sememangnya tidak dapat dinafikan dan hal ini dapat dilihat selepas berlakunya kejadian gempa bumi di Kundasang dan Ranau.

Satu upacara yang dinamakan sebagai ‘Posogit’ diadakan dan mengikut kepercayaan penduduk tempatan iaitu masyarakat Dusun, upacara ini bertujuan menyeimbang dan mententeramkan ‘penjaga’ gunung Kinabalu. Upacara Posogit diketuai seorang bobolian (dukun) dari Kampung Bundu Tuhan, Abas Arinting 93 tahun bersama sepuluh ahli penasihat dari kampung yang sama dan Kampung Kiau. Seekor kerbau dikorbankan di kawasan Timpohon yang merupakan lokasi pelepasan pendaki gunung Kinabalu di Taman Kinabalu. Korban haiwan ini bertujuan untuk dipersembahkan kepada penunggu gunung Kinabalu dan memulihkan kesan ‘kemudaratan’ gunung Kinabalu berikutan pelanggaran adat di kawasan itu antaranya kejadian pelancong

asing berbogel. Upacara ini diadakan bagi memulihkan kesan kemudaratan yang tersirat di gunung Kinabalu dan mengembalikan keadaan yang panas menjadi sejuk semula. Pelaksanaan upacara ini juga bertujuan memberi ketenangan dan keharmonian kehidupan penduduk di kawasan kaki sekitar Gunung Kinabalu.

Pada masa yang sama upacara *Monolob* (upacara korban haiwan) dijalankan di Mamut, Ranau di mana tujuh ekor kerbau dikorbankan. Pada kelazimannya, upacara monolob diadakan untuk memberitahu penjaga Gunung Kinabalu bahawa mereka akan mendaki gunung. Upacara *monolob* atau korban suci yang menggunakan tujuh ekor ayam putih (*kombura*) oleh *bobolian* (dukun), selain tujuh helai siri (*daing*), rokok daun (*kirai*), pindang muda (*lugus tomulok*), tembakau (*sigup*), garam (*tusi*), beras (*wagas*). Amalan uparara ritual sebegini menunjukkan kesedaran beragama masyarakat setempat lebih dipengaruhi kepercayaan animisme berbanding dengan pegangan agama yang mereka sedang anuti. Dipercayai bahawa ritual ini dijalankan dari kalangan penganut Dusun Kristian yang tinggal di sekitar Kundasang, Ranau serta daerah berhampiran seperti Tambunan dan Keningau.

Perkaitan antara kepercayaan atau pegangan agama dengan bencana dan telah dijalankan dalam beberapa kajian lepas di beberapa negara lain. Kajian Gianisa dan Le De (2018) menjelaskan peranan kepercayaan dan amalan agama sebagai salah satu mekanisme pemulihan dan penyembuhan akibat perasaan bimbang dan gelisah menghadapi bencana. Kajian ini yang dijalankan di Padang Indonesia mendapati kepercayaan dan amalan agama berupaya memperkukuhkan hubungan antara masyarakat tempatan. Hal ini menyumbang kepada ketahanan diri dan kekuatan dalaman untuk bersama menghadapi tekanan selepas bencana. Kajian ini mengesyorkan agar kepercayaan dan amalan agama diintegrasikan dengan mekanisme lain sebagai salah satu kaedah dalam pengurusan pengurangan risiko bencana kerana mekanisme ini berupaya membina masyarakat yang lebih berdaya tahan dalam menghadapi sebarang trauma dan tekanan akibat bencana alam.



Kajian Ha (2015) menjelaskan peranan kepercayaan agama di Korea sebagai nilai tambah dalam pengurusan yang berorientasikan penjagaan mangsa bencana. Kajian Fromming (2016) ialah tentang upacara keagamaan dalam menghadapi bahaya bencana di Nusa Tenggara, Flores, Indonesia Timur. Hasil kajian menunjukkan gunung berapi berperanan penting dalam sistem kepercayaan masyarakat tempatan (Lamaholot dan Ngada) kerana ia dipercayai tempat asal usul mereka dan mempunyai perkaitan rohani yang menghubungkan masyarakat tempatan dengan nenek moyang dan alam sekeliling. Hasil kajian lepas di beberapa negara yang dibincangkan di atas menunjukkan dalam kebanyakan pegangan kepercayaan dan agama, lazimnya bencana alam ditafsirkan berlaku akibat daripada hukuman Tuhan dan balasan atas dosa dan kesalahan manusia.

Dalam konteks Malaysia, kajian yang menghubungkan antara agama dengan bencana telah dijalankan oleh beberapa pengkaji. Fazilah (2014) membincangkan beberapa istilah gempa bumi dalam al-Quran seperti *al-Zalزالah*, *al-Rajfah*, *al-Sayhah* dan *al-Khasaf*; jenis-jenis gempa menurut sains iaitu gempa bumi tektonik, vulkanik, runtuh dan buatan dan kesan kejadian gempa bumi seperti tsunami, letupan gunung berapi dan tanah runtuh. Kajian ini turut menjelaskan langkah pengurusan gempa yang berkait rapat dengan pegangan agama seperti sentiasa mengamalkan ajaran Islam dengan melakukan yang makruf dan melarang yang munkar, mengadakan ceramah dan khutbah berkenaan bencana gempa, melakukan solat, berdoa, bertaubat, berzikir, melakukan kebajikan dan berpuasa. Tesis ini turut menjelaskan kepercayaan dan tanggapan yang wujud selepas kejadian gempa bumi yang diamalkan oleh masyarakat dahulu. Misalnya, orang purba Maya mempercayai Dewa Ribut Petir yang dinamakan Hurikan (*Hurricane*) dan tuhan gempa bumi dinamakan Pillan. Orang Yunani, Rom dan Mesir mempercayai bahawa tuhan-tuhan akan membunuh orang-orang yang derhaka kepada tuhan dan bencana alam berlaku susulan daripada kemarahan tuhan mereka.

Salihah (2015) membincangkan perspektif psikologi agama dan perkaitannya dengan tekanan dan trauma mangsa

banjir di Malaysia. Salihah menjelaskan peranan agama sebagai satu pengawalan berasaskan agama terhadap tekanan dan kebimbangan akibat bencana bagi menangani kesan trauma berterusan ke atas mangsa bencana. Salah satu daripada pengawalan berfokuskan emosi ini ialah pengawalan diri berasaskan agama yang merujuk kepada amalan solat, doa dan keyakinan terhadap kuasa Tuhan dan menerima sesuatu kejadian bencana itu sebagai satu takdir atau ketentuan Tuhan yang tidak dapat dielakkan. Ahli psikologi agama mengenalpasti dampak positif daripada pengawalan berasas agama sebagai satu mekanisme bagi mengurangkan risiko menghadapi bencana. Ini kerana agama diyakini berupaya menyediakan kawalan dalaman bagi diri individu dalam menghadapi situasi ancaman bencana dan agama turut membekalkan satu bentuk kepercayaan dan keyakinan serta ritual keagamaan yang sememangnya diperlukan manusia ketika berdepan dengan suasana ketakutan dan kebimbangan.

Hal ini diperincikan lebih lanjut oleh Khairul drk. (2016) yang menjelaskan tentang peranan pengawalan berasaskan agama bagi memulihkan semula semangat mangsa trauma akibat daripada sesuatu bencana. Perspektif Islam menekankan konsep *al-Ibtıla'* (ujian) atau menerima sesuatu kejadian itu sebagai satu ujian yang telah ditentukan oleh *Qadha'*(nasib) dan *Qadar* (ketentuan) Allah S.W.T. Kajian ini meninjau konsep *al-Ibtıla'* sebagai satu bentuk kawalan diri dalam menghadapi trauma ketika berdepan dengan situasi yang memberi tekanan dalam kalangan mangsa banjir di Temerloh, Pahang tahun 2014. Kajian ini hasil analisis kefahaman, sikap penerimaan dan hubungan antara kefahaman tentang *al-Ibtıla'* dengan pembentukan sakhsiyah dalam menghadapi masalah trauma dan tekanan. Hasil kajian menunjukkan perlunya kefahaman dan sikap penerimaan terhadap *al-Ibtıla'* atau ujian sebagai sebahagian daripada takdir dan perancangan Tuhan dalam menghadapi trauma dan perkara ini telah dibuktikan melalui sikap optimis dan sikap positif mangsa banjir dalam menghadapi situasi trauma ini.

Perspektif Islam menjelaskan perasaan bimbang dan trauma akibat ketakutan boleh disembuhkan dan dipulihkan semula melalui permohonan doa dan tawakkal kepada Allah

S.W.T. Adalah diyakini melalui amalan ibadah ini dapat melindungi diri daripada sebarang penyakit psikologi yang membelenggu fikiran dan jiwa manusia. Solat merupakan satu ibadah dalam Islam yang mengikat hubungan manusia dengan Tuhan dan satu cara yang begitu berkesan untuk mententeramkan semula jiwa manusia daripada perasaan takut akibat bencana ataupun masalah kehidupan yang lain. Amalan solat dapat menyucikan hati dan memberi ketenangan jiwa. Solat juga mengajar mendisiplinkan diri dan bersikap sabar dan dapat membangkitkan perasaan spiritual dan merasa kehadiran dan kasih sayang tuhan. Mahayudin (2012) menyatakan solat dapat mengurangkan perasaan bimbang kerana solat memberi ketahanan diri, kepuasan hati dan ketabahan yang begitu diperlukan apabila seseorang menghadapi kesusahan hidup. Apa pun jenis bencana yang berlaku, kemusnahan harta benda dan korban jiwa antara implikasi yang tidak dapat dielakkan. Bencana yang diturunkan juga bertujuan untuk menguji kesabaran manusia. Kesusahan yang ditempuhi semasa musibah ini mampu melatih kesabaran kita dalam memperteguh keimanan seperti firman Allah S.W.T.

وَلَتَبْلُؤَنَّكُمْ بِشْرًا مِّنَ الْخَرَفِ وَالْجُوعِ وَتَقْصِ مِنَ الْأَمْوَالِ  
 وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾  
 الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

(*Al-Quran, Al-Baqarah* 2:155-156)

Yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya akan Kami beri kamu percobaan dengan se-suatu dari ketakutan dan kelaparan dan kekurangan dari harta-benda dan jiwa-jiwa dan buah-buahan; dan berilah khabar yang menyukakan kepada orang yang sabar. (Yaitu) orang-orang yang apabila menimpa kepada mereka suatu musibah, mereka berkata: Sesungguhnya kita ini dari Allah, dan sesungguhnya kepadaNya-lah kita semua akan kembali.”

(Terjemahan daripada *Tafsir Al-Azhar* Hamka)

Kesedaran beragama boleh diertikan sebagai tatacara kehidupan beragama seseorang individu. Dalam makalah ini, kesedaran beragama masyarakat orang Islam di Kundasang dan Ranau menjadi fokus perbincangan bagi meneliti tindakan dan amalan yang mereka lakukan selepas berlakunya bencana gempa bumi sama ada tindakan tersebut sejajar dengan ajaran Islam ataupun sebaliknya. Salah satu tindakan yang akan dinilai ialah penyertaan dalam upacara *Posogit*. Upacara ini menjadi kayu ukur penilaian tindakan kesedaran beragama kerana Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah, Bil. 1/2015 yang bersidang pada 28-30 Julai 2015 membincangkan hukum menyertai upacara ritual bukan Islam (Upacara *Monolob/Posogit* dan apa-apa upacara seumpamanya). Hasil muzakarah telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa upacara *Monolob/Posogit* atau apa-apa upacara ritual yang seumpamanya adalah ditegah oleh syarak kepada orang Islam. Tiga perkara yang diputuskan iaitu:

- i. Mempercayai malapetaka adalah disebabkan kemarahan *Aki Nabal* (penunggu Gunung Kinabalu) adalah perkara yang boleh membawa kepada syirik.
- ii. Orang Islam yang menyembelih dan memakan daging sembelihan ritual tersebut adalah haram.
- iii. Orang Islam yang menyertai, membiayai, menganjur dan seumpamanya adalah haram dan dilarang.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menjelaskan kesedaran beragama dalam kalangan masyarakat Muslim di Kundasang dan Ranau selepas kejadian gempa bumi yang dinilai melalui penyertaan, tindakan dan amalan serta kepercayaan mereka terhadap *Posogit* susulan daripada kejadian gempa bumi yang berlaku pada tahun 2015.

## **Tatakaedah**

Maklumat yang diperolehi daripada soal-selidik ini berkisar kepada kesedaran agama masyarakat Kundasang-Ranau selepas kejadian bencana gempa. Kajian lapangan dilakukan untuk mendapatkan data kuantitatif diperolehi dengan mengedarkan borang soal-selidik berstruktur dan mewawancara beberapa maklumawan kekunci (*key informants*) yang boleh menjelaskan tentang kesedaran dan iltizam (komitmen) beragama masyarakat setempat selepas kejadian bencana tersebut. Analisis statistik melalui jadual silang dengan ujian khi kuasa dua Pearson telah dilakukan bagi melihat perkaitan antara latar belakang demografi penyahut (responden) khususnya kumpulan umur dengan sikap dan amalan mereka terhadap upacara *Posogit*. Sebanyak 200 borang soal-selidik telah diedarkan secara rawak dalam kalangan penduduk kampung sekitar Kundasang-Ranau yang memenuhi kriteria iaitu berumur 18 tahun ke atas dan beragama Islam. Namun, hanya sebanyak 184 borang sahaja yang telah dipulangkan dan lengkap.

## Hasil Kajian

Melalui data kuantitatif yang diperolehi, analisis statistik melalui jadual silang dengan ujian khi kuasa dua telah dilakukan untuk menghubungkan pemboleh ubah antara latar belakang demografi penyahut (responden) iaitu kumpulan umur dengan sikap dan amalan mereka terhadap upacara *Posogit* selepas gempa bumi. Jadual 1 menunjukkan taburan penyahut yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan latar belakang demografi dan sosioekonomi mereka.

### Jadual 1

*Taburan penyahut (responden) berdasarkan latar belakang demografi dan sosioekonomi*

Latar belakang demografi dan sosioekonomi		N	%
Jantina	Lelaki	77	41.8

	Perempuan	107	58.2
	Jumlah	184	100
Umur	≤ 25 tahun	37	20.1
	26-40 tahun	81	44.0
	41-55 tahun	45	24.5
	>55 tahun	21	11.4
	Jumlah	184	100
Etnik	Dusun	159	86.4
	Kadazan	2	1.1
	Lain-lain	23	12.5
	Jumlah	184	100
Pekerjaan	Kerja sendiri	89	48.4
	Petani	12	6.5
	Peniaga	7	3.8
	Guru	37	20.1
	Pelajar	6	3.3
	Lain-lain	33	17.9
	Jumlah	184	100
Pendapatan Sebulan	≤ RM500	72	39.1
	RM 501 - RM1000	40	21.7
	RM 1001 - RM 1500	12	6.5
	RM1501 - RM 2000	13	7.1
	>RM 2000	47	25.5
	Jumlah	184	100

Majoriti penyahut (responden) adalah perempuan iaitu 107 orang (58.2%) berbanding lelaki iaitu 77 orang (41.8%). Etnik dusun merupakan etnik majoriti dengan jumlah peratusan 86.4% berbanding etnik kadazan (1.1%) dan lain-lain (12.5%). Majoriti penyahut adalah bekerja sendiri (48.4%) dan diikuti oleh guru (20.1%), lain-lain (17.9%), petani (6.5%), peniaga (3.8%) dan selebihnya masih belajar (3.3%). Pendapatan bulanan bagi 39.1% daripada penyahut adalah kurang daripada RM500, manakala 25.5% mempunyai gaji lebih daripada RM2000.

## Jadual 2

*Jadualan silang antara pengalaman menghadapi bencana gempa bumi dan kategori umur*

			Kumpulan Umur				Jumlah
			≤25	26-40	41-55	>55	
Pernakah anda berhadapan dengan gempa bumi?	Ya	N	36	81	45	21	183
		% Baris	19.7%	44.3%	24.6%	11.5%	100.0%
		% Lajur	97.3%	100.0%	100.0%	100.0%	99.5%
	Tidak	N	1	0	0	0	1
		% Baris	100.0%	0.0%	0.0%	0.0%	100.0%
		% Lajur	2.7%	0.0%	0.0%	0.0%	0.5%
Jumlah	N	37	81	45	21	184	
	% Baris	20.1%	44.0%	24.5%	11.4%	100.0%	
	% Lajur	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	

N= Bilangan

### Jadual 3

*Jadualan silang antara keinginan menyertai upacara Posogit dan kategori umur*

			Kumpulan Umur (tahun)				Jumlah
			≤25	26-40	41-55	>55	
Saya akan menyertai upacara <i>Posogit</i> selepas kejadian gempa bumi untuk mententeramkan gunung Kinabalu	Sangat tidak setuju	N	16	40	13	4	73
		% Baris	21.9	54.8	17.8	5.5%	100.
		% Lajur	43.2	49.4	28.9	19.0	39.7
	Tidak setuju	N	8	30	25	10	73
		% Baris	11.0	41.1	34.2	13.7	100.
		% Lajur	21.6	37.0	55.6	47.6	39.7
	Tidak pasti	N	9	8	5	5	27
		% Baris	33.3	29.6	18.5	18.5	100.0
		% Lajur	24.3	9.9%	11.1	23.8	14.7
	Setuju	N	3	2	2	2	9
		% Baris	33.3	22.2	22.2	22.2	100.0%

	% Lajur	8.1	2.5	4.4	9.5	4.9%
	N	1	1	0	0	2
Sangat setuju	% Baris	50.0	50.0	0.0	0.0	100.0%
	% Lajur	2.7	1.2	0.0	0.0	1.1%
	N	37	81	45	21	184
Jumlah	% Baris	20.1	44.0	24.5	11.4	100.0%
	% Lajur	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0%

Jadual 3 menunjukkan jadualan silang antara keinginan penyahut (responden) menyertai upacara *Posogit* dan kategori umur mereka. Hasil ujian khi kuasa dua Pearson mendapati bahawa perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah bererti (signifikan),  $\chi^2$  (12, N=184) =23.410,  $p < 0.05$  Majoriti penyahut daripada kumpulan umur  $\leq 25$  tahun (43.2%) dan 26-40 tahun (49.4%) adalah sangat tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka akan menyertai upacara *posogit*. Berbeza dengan penyahut daripada kumpulan umur 41-55 tahun (55.6%) dan  $> 55$  tahun (47.6%) yang mana majoritinya tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Secara ringkasnya, penyahut yang lebih muda iaitu berumur 40 tahun dan ke bawah lebih tegas untuk tidak menyertai upacara *Posogit* selepas gempa bumi berbanding dengan penyahut yang lebih berumur iaitu lebih 40 tahun.

#### Jadual 4

*Jadualan silang antara pendapat mengenai upacara Posogit dan kategori umur*

			Kumpulan Umur (tahun)				Jumlah
			$\leq 25$	26-40	41-55	$> 55$	
Saya berpendapat upacara <i>Posogit</i> mesti diadakan selepas kejadian gempa	Sangat tidak setuju	N	14	30	12	4	60
		% Baris	23.3	50.0	20.0	6.7	100.0%
		% Lajur	37.8	37.0	26.7	19.0	32.6%
	Tidak setuju	N	4	33	23	10	70
		% Baris	5.7	47.1	32.9	14.3	100.0%
		% Lajur	10.8	<b>40.7</b>	<b>51.1</b>	<b>47.6</b>	38.0%
	Tidak pasti	N	14	16	8	4	42
		% Baris	33.3	38.1	19.0	9.5	100.0%
		% Lajur	<b>37.8</b>	19.8	17.8	19.0	22.8%



bumi	Setuju	N	4	1	2	3	10
		% Baris	40.0	10.0	20.0	30.0	100.0%
		% Lajur	10.8	1.2	4.4	14.3	5.4%
	Sangat setuju	N	1	1	0	0	2
		% Baris	50.0	50.0	0.0	0.0	100.0%
		% Lajur	2.7	1.2	0.0	0.0	1.1%
Jumlah		N	37	81	45	21	184
		% Baris	20.1	44.0	24.5	11.4	100.0
		% Lajur	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 4 menunjukkan jadualan silang antara pendapat penyahut (responden) mengenai upacara *Posogit* yang mesti diadakan selepas kejadian gempa bumi dan kategori umur mereka. Hasil ujian khi kuasa dua Pearson mendapati bahawa perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah bererti (signifikan),  $\chi^2$  (12, N=184) = 26.312,  $p < 0.05$ ). Majoriti penyahut yang berumur  $\leq 25$  tahun (37.8%) memilih tidak pasti iaitu berbeza dengan penyahut yang berumur lebih daripada 25 tahun yang mana majoritinya memilih tidak setuju (40.7% bagi 26-40 tahun, 51.1% bagi 41-55 tahun, 47.6% bagi  $> 55$  tahun). Secara ringkasnya, penyahut yang berumur lebih daripada 25 tahun berpendapat yang lebih jelas bahawa upacara *Posogit* tidak perlu diadakan selepas kejadian gempa bumi berbanding dengan penyahut yang lebih muda iaitu 25 tahun dan ke bawah yang mereka tidak pasti sama ada perlu dilakukan atau sebaliknya.

## Jadual 5

*Jadualan silang antara kepercayaan mengenai upacara Posogit dan kategori umur*

		Kumpulan Umur (tahun)				Jumlah	
		$\leq 25$	26-40	41-55	$> 55$		
Saya percaya gempa bumi akan berlaku lagi	Sangat tidak setuju	N	14	28	14	4	60
		% Baris	23.3	46.7	23.3	6.7%	100.0
		% Lajur	37.8	34.6	31.1	19.0	32.6
	Tidak setuju	N	7	36	21	11	75
		% Baris	9.3%	48.0	28.0	14.7	100.0
		% Lajur	18.9	44.4	46.7	52.4	40.8

sekiranya <i>Posogit</i> tidak dijalankan	Tidak pasti	N	12	17	8	4	41
		% Baris	29.3	41.5	19.5	9.8%	100.0
		% Lajur	32.4	21.0	17.8	19.0	22.3
	Setuju	N	2	0	2	2	6
		% Baris	33.3	0.0	33.3	33.3	100.0
		% Lajur	5.4	0.0	4.4	9.5	3.3
	Sangat setuju	N	2	0	0	0	2
		% Baris	100.0	0.0	0.0	0.0	100.0
		% Lajur	5.4	0.0	0.0	0.0	1.1
Jumlah	N	37	81	45	21	184	
	% Baris	20.1	44.0	24.5	11.4	100.0	
	% Lajur	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	

Jadual 5 menunjukkan jadualan silang antara kepercayaan penyahut (responden) bahawa gempa bumi akan berlaku lagi sekiranya upacara *Posogit* tidak dijalankan dan kategori umur mereka. Hasil ujian khi kuasa dua Pearson mendapati bahawa perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah bererti (signifikan),  $\chi^2$  (12, N=184) =23.410,  $p < 0.05$ ). Majoriti penyahut yang berumur  $\leq 25$  tahun (37.8%) memilih sangat tidak bersetuju iaitu berbeza dengan penyahut yang berumur lebih 25 tahun yang majoritinya memilih tidak setuju (44.4% bagi 26-40 tahun, 46.7% bagi 41-55 tahun, 52.4% bagi  $> 55$  tahun). Secara ringkasnya, penyahut yang lebih muda iaitu 25 tahun dan ke bawah mempunyai kepercayaan yang lebih tinggi bahawa gempa bumi tidak semestinya akan berlaku walaupun upacara *Posogit* tidak dilakukan berbanding dengan penyahut yang berumur lebih 25 tahun.

## Jadual 6

*Jadualan silang antara amalan ibadah selepas gempa bumi dan kategori umur*

		Kumpulan Umur (tahun)				Jumlah	
		$\leq 25$	26-40	41-55	$> 55$		
Saya akan memperbanyak- kan amalan	Sangat tidak setuju	N	0	2	1	1	4
		% Baris	0.0	50.0	25.0	25.0	100.0
		% Lajur	0.0	2.5	2.2	4.8	2.2

ibadah (Solat/Sedekah) selepas peristiwa gempa	Tidak setuju	N	1	0	2	2	5
		% Baris	20.0	0.0	40.0	40.0	100.0
		% Lajur	2.7	0.0	4.4	9.5	2.7%
	Tidak pasti	N	3	2	0	1	6
		% Baris	50.0	33.3	0.0	16.7	100.0
		% Lajur	8.1	2.5	0.0	4.8	3.3
	Setuju	N	25	45	33	12	115
		% Baris	21.7	39.1	28.7	10.4	100.0
		% Lajur	<b>67.6</b>	<b>55.6</b>	<b>73.3</b>	<b>57.1</b>	62.5
	Sangat setuju	N	8	32	9	5	54
		% Baris	14.8	59.3	16.7	9.3	100.0
		% Lajur	21.6	39.5	20.0	23.8	29.3
	Jumlah	N	37	81	45	21	184
		% Baris	20.1	44.0	24.5	11.4	100.0
		% Lajur	100	100	100.	100.	100.0

Jadual 6 menunjukkan jadualan silang antara amalan penyahut (responden) memperbanyakkan ibadah selepas kejadian gempa bumi dan kategori umur mereka. Hasil ujian khi kuasa dua Pearson mendapati bahawa perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah tidak bererti (signifikan),  $\chi^2$  (12, N=184) = 19.072,  $p > 0.05$ ). Majoriti penyahut tanpa perkiraan kategori umur bersetuju bahawa mereka akan memperbanyakkan amal ibadah selepas kejadian bencana gempa bumi (67.6 % bagi kategori  $\leq 25$  tahun, 55.6% bagi kategori 26-40 tahun, 73.3% bagi kategori 41-55 tahun, 57.1% bagi kategori  $> 55$  tahun).

Dapatan wawancara bersama Imam Kundasang, Tn. Hj Lukman Bin Muhaiman (wawancara 14 September 2019) menyatakan reaksi masyarakat setempat selepas kejadian gempa bumi dapat dilihat apabila terdapat dari kalangan penduduk meminta bimbingan untuk belajar doa ketika menghadapi bencana. Sungguhpun semasa kejadian tidak ada yang datang berlindung ke masjid kerana bangunan masjid Kundasang pada masa tersebut turut pecah dan runtuh. Sebaliknya mereka berlindung di rumah masing-masing. Imam Lukman turut menjelaskan kesedaran beragama sememangnya ditunjukkan oleh penduduk kampung Mesilou apabila mereka menentang dan menghalang upacara

*Posogit* diadakan di kaki gunung Kinabalu dan kebanyakan mereka tidak terlibat dengan upacara tersebut. Beliau merumuskan bahawa kesedaran beragama pada mulanya tinggi namun lama kelamaan semakin longgar.

**Jadual 7**

*Jadualan silang antara perubahan amalan ibadah selepas gempa bumi dan kategori umur*

		Kumpulan Umur (tahun)				Jumla h	
		≤25	26-40	41-55	>55		
Gempa bumi tidak mengubah amal ibadah saya seharian	Sangat tidak setuju	N	1	8	0	2	11
		% Baris	9.1	72.7	0.0	18.2	100.0
		% Lajur	2.7	9.9	0.0	9.5	6.0
		N	7	16	6	2	31
		% Baris	22.6	51.6	19.4	6.5	100.0
		% Lajur	18.9	19.8	13.3	9.5	16.8
	Tidak pasti	N	9	2	5	3	19
		% Baris	47.4	10.5	26.3	15.8	100.0
		% Lajur	24.3	2.5	11.1	14.3	10.3
		N	12	39	24	10	85
		% Baris	14.1	45.9	28.2	11.8	100.0
		% Lajur	32.4	48.1	53.3	47.6	46.2
	Sangat setuju	N	8	16	10	4	38
		% Baris	21.1	42.1	26.3	10.5	100.0
		% Lajur	21.6	19.8	22.2	19.0	20.7
	Jumlah	N	37	81	45	21	184
		% Baris	20.1	44.0	24.5	11.4	100.0
		% Lajur	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 7 menunjukkan jadualan silang antara amal ibadah harian penyahut (responden) yang tidak berubah walaupun selepas bencana gempa bumi dan kategori umur mereka. Hasil ujian khi kuasa dua Pearson mendapati bahawa perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah bererti (signifikan),  $\chi^2$  (12, N=184)

=21.781,  $p < 0.05$ ). Majoriti penyahut tanpa perkiraan kategori umur bersetuju bahawa kejadian gempa bumi tidak akan mengubah amal ibadah harian mereka (32.4 % bagi kategori  $\leq 25$  tahun, 48.1% bagi kategori 26-40 tahun, 53.3% bagi kategori 41-55 tahun, 47.6% bagi kategori  $> 55$  tahun). Namun, didapati juga bahawa 24.3% penyahut berumur 25 tahun dan ke bawah masih tidak pasti sama ada amal ibadah harian mereka akan berubah atau sebaliknya. Secara ringkasnya, penyahut yang lebih berumur lebih yakin bahawa amal ibadah harian mereka tidak akan berubah selepas kejadian bencana gempa bumi berbanding dengan penyahut muda khususnya yang berumur 25 tahun dan ke bawah.

### Jadual 8

*Jadualan silang antara amalan adat selepas gempa bumi dan kategori umur*

		Kumpulan Umur (tahun)				Jumlah	
		$\leq 25$	26-40	41-55	$> 55$		
Saya tetap melakukan perkara-perkara adat untuk mengelakkan gempa	Sangat tidak setuju	N	11	24	10	6	51
		% Baris	21.6	47.1	19.6	11.8	100.0
		% Lajur	<b>29.7</b>	29.6	22.2	28.6	27.7
		N	10	29	26	4	69
		% Baris	14.5	42.0	37.7	5.8	100.0
		% Lajur	27.0	<b>35.8</b>	<b>57.8</b>	19.0	37.5
		N	9	14	5	3	31
		% Baris	29.0	45.2	16.1	9.7	100.0
		% Lajur	24.3	17.3	11.1	14.3	16.8
		N	5	10	4	8	27
		% Baris	18.5	37.0	14.8	29.6	100.0
		% Lajur	13.5	12.3	8.9	<b>38.1</b>	14.7
		N	2	4	0	0	6
		% Baris	33.3	66.7	0.0	0.0	100.0
		% Lajur	5.4	4.9	0.0	0.0	3.3
Jumlah	N	37	81	45	21	184	
	% Baris	20.1	44.0	24.5	11.4	100.0	
	% Lajur	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	

Jadual 8 menunjukkan jadualan silang antara pendirian penyahut (responden) untuk tetap melakukan perkara adat untuk mengelak kejadian bencana gempa bumi dan kategori umur mereka. Hasil ujian khi kuasa dua Pearson mendapati bahawa perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah bererti (signifikan),  $\chi^2 (12, N=184) = 23.423, p < 0.05$ ). Majoriti penyahut yang berumur  $\leq 25$  tahun (29.7%) mempunyai pendirian yang lebih tegas berbanding dengan penyahut dalam kategori umur 26-40 tahun dan 41-55 tahun bahawa mereka tidak akan melakukan perkara adat untuk mengelak kejadian bencana gempa bumi. Berbeza dengan penyahut yang berumur lebih 55 tahun iaitu majoritinya (38.1%) menyatakan bahawa mereka tetap akan melakukan perkara adat untuk mengelak kejadian gempa bumi. Secara ringkasnya, penyahut yang lebih berumur cuba untuk mengekalkan amalan adat bagi mengelak kejadian gempa bumi dan hal ini berbeza dengan penyahut yang lebih muda yang tidak mempercayai bahawa amalan adat boleh mengelak kejadian gempa bumi.

## **Perbincangan**

Kajian mendapati bahawa golongan muda lebih tegas dalam menyatakan pendirian mereka untuk tidak menyertai upacara *Posogit* berbanding dengan golongan yang lebih berumur (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3). Golongan muda juga sangat tidak yakin bahawa upacara *Posogit* boleh mengelak kejadian gempa bumi berbanding dengan golongan yang lebih berumur (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5).

Walau bagaimanapun, golongan muda agak tidak jelas dari segi amal ibadah harian mereka selepas kejadian gempa bumi sama ada kekal iaitu tidak berubah atau sebaliknya. Berbanding dengan golongan yang lebih berumur, mereka lebih jelas bahawa ibadah harian mereka masih kekal seperti sedia kala walaupun selepas kejadian gempa bumi (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7). Kajian juga mendapati bahawa golongan berumur akan kekal untuk mengamalkan perkara adat demi mengelak kejadian

gempa bumi. Golongan itu berbeza dengan golongan muda yang sangat jelas bahawa mereka tidak akan melakukan perkara adat semata-mata untuk mengelak kejadian gempa bumi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8).

Dengan itu dapat dijelaskan bahawa penyertaan upacara *Posogit* dalam kalangan masyarakat orang Islam di Kundasang dan Ranau berdasarkan statistik yang ditunjukkan di atas disifatkan kurang memberangsangkan kerana penyertaan dari kalangan masyarakat orang Islam tidak menunjukkan peratusan yang tinggi. Sekiranya adapun yang bersetuju untuk turut serta dan terlibat dalam upacara *Posogit* mungkin atas tujuan lain seperti ingin memeriahkan suasana keramaian, ingin terlibat dalam jamuan makan hasil daripada haiwan yang disembelih atau mungkin atas faktor lain dan bukan atas dorongan kepercayaan terhadap upacara *Posogit* yang bertujuan mententeramkan penjaga gunung Kinabalu. Hal ini dapat disahkan kebenarannya hasil daripada wawancara bersama Ketua Kampung Mesilou, En. Godi'ing Bin Gabintal yang menyatakan bahawa rata-ratanya orang kampung menentang upacara *Posogit* ini diadakan kerana penduduk Kg Mesilou yang 99% adalah orang Islam dan mereka memahami bahawa upacara tersebut tidak selari dengan ajaran Islam. Upacara ini diadakan oleh pihak luar dan bukan dari kalangan penduduk kampung dan atas sebab itu upacara ini tidak diadakan di kawasan kaki gunung Kinabalu di bahagian Kampung Mesilou. Sebaliknya diadakan di luar kawasan dan agak jauh daripada kawasan Mesilou, iaitu di Timpohon, Taman Kinabalu.

Hal ini juga dapat dibuktikan kebenarannya daripada hasil soal-selidik yang menyatakan 70.7% daripada 184 orang penyahut (responden) sangat tidak bersetuju atau tidak setuju mengadakan upacara *Posogit*. Majoriti penduduk juga tidak setuju atau sangat tidak setuju dengan kepercayaan yang menyatakan gempa bumi akan berlaku lagi sekiranya upacara *Posogit* tidak dilakukan. Namun begitu, majoriti penyahut menyatakan tidak ada sebarang kaitan antara memperbanyakkan amalan ibadah selepas gempa dengan umur penduduk. Hal ini menunjukkan penyahut agak kurang memahami agama seperti amalan bersolat, berzikir dan bertaubat sebagai satu mekanisme bagi mengatasi kebimbangan

dan trauma yang dihadapi selepas menghadapi gempa bumi. Dengan kata lain, penyahut agak kurang memahami peranan agama yang berupaya menstabilkan semula kecelaruan emosi kepada mangsa bencana. Agama juga tidak difahami sebagai sumber yang boleh menyediakan sokongan rohani dan memperkuat dalam diri seseorang dalam menghadapi bencana alam.

## **Kesimpulan**

Upacara *Posogit* adalah amalan adat masyarakat Kundasang dan Ranau yang sering dikaitkan dengan kejadian bencana gempa bumi. Namun, kajian ini mendapati bahawa penerimaan upacara adat ini adalah berbeza mengikut kategori umur. Golongan yang lebih berumur masih mempunyai kepercayaan bahawa upacara *Posogit* boleh dilakukan untuk mengelak kejadian gempa bumi berbanding dengan golongan muda. Golongan yang lebih berumur juga cuba untuk mengekalkan amalan adat ini berbanding dengan golongan muda yang dengan tegas menolak untuk menyertai dan mempercayai amalan adat ini. Boleh dikatakan kesedaran agama kesan daripada bencana gempa bumi begitu memberangsangkan kerana tidak ramai yang terlibat dalam upacara *Posogit* selepas kejadian berkaitan bencana gempa bumi. Namun begitu, dari segi tindakan dan amalan beragama seperti peningkatan amal ibadah selepas kejadian gempa bumi masih perlu diperbaiki.

## **Penghargaan**

Sekalung penghargaan kepada penganugerah Geran Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah SDK0015/2017 yang membiayai pengumpulan data ini.

## **Rujukan**



- Djauhari N. (2012). *Pengantar Mitigasi Bencana Geologi*. Fakultas Teknik Geology, Pakuan Universitas, Bogor Indonesia.
- Fazilah N. M. B. (2014). Pengurusan Bencana Gempa Bumi Menurut Perspektif al-Quran dan Sains Moden. *Tesis Sarjana*, Universiti Malaya (Tidak diterbitkan).
- Fromming U.U. (2016). Peacemaking rituals in the context of natural disaster: A Study of the cultural appropriation of potentially dangerous spaces in Nusa Tenggara, Flores, Eastern Indonesia. *Worldviews*, 20, 2,86-299.
- Gianisa A. & Le De L. (2018) The role of religious beliefs and practices in disaster, *Disaster Prevention and Management*, Vol. 27, No. 1, 74-86
- Ha K. -M. (2015). The Role of religious beliefs and institutions in disaster management: A case study. *Journal of Religions*, 6, 1314-1329.
- Khairul N. M., Syed Hilmi M., Che Zarrina S., Nurul Salikin S., Khadijah M. H., Wan Adli, Azmil Z. A., M. Anuar M., Borhan J.T., Faizuri A. L., Ali G. S., Hazim M. A. & Rohaida M. D. (2016). Understanding the concept of *al-Ibtilla'* (Trial) in Personality Development: The Muslim Flood Victims' Experience. *Internasional Review of Management and Marketing*, 6 (S7), 133-140.
- Mahayudin H.Y. (2012). Alam Semesta dan Bencana Alam dari Perspektif Agama dan Sains. *Journal of Human Development and Communication*, Vol.1, 71-85.
- Salihah A., Sapora S., Husni M. R. & Zulkepli A. G. (2015). Stress and religious coping among flood victims in Malaysia, *kertas kerja The 2015 WEI International Academic Conference Proceedings*.  
<https://www.researchgate.net/publication/280114742>.
- Tongkul. F. (2017). Active tectonic in Sabah – seismicity and active faults. Natural Disaster Research (NDRC). *Bulletin of the Geological Society of Malaysia*, Vol. 64, 27-36.
- Zamri M. B. R. (2015). Analisis tahap kesedaran masyarakat tentang bahaya gempa bumi di Malaysia. *Kertas kerja Konvensyen Teknologi Pendidikan ke-19*, Langkawi.

Internet:

Upacara ‘Posogit’ tenteramkan ‘Penjaga’ Gunung Kinabalu, 20  
Jun 2015 <https://www.mstar.com.my>.

Wawancarawan:

Hj Lukman Bin Muhaiman  
Imam Kundasang  
Imam Rawatib masjid Kundasang  
Berumur 60 tahun  
14 September 2019

En. Godi’ing Bin Gabintal  
Ketua Kg. Mesilou  
Berumur 43 tahun  
15 Sep 2019

# **PEPERANGAN DAN KONFLIK: PERBANDINGAN TEORI PEPERANGAN DAN UNDANG-UNDANG MODEN SERTA ETIKA PEPERANGAN DALAM BARAT DAN ISLAM**

Nurfaizatul Aisyah Ab Aziz\*  
faizaisyah@student.usm.my

*Jabatan Neurosains, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, 16150  
Kubang Kerian, Kelantan*

## ***Abstract***

*Huntington's Theory dan Realism are the two theories that have always been discussed and criticised that can answer why conflicts happen. The weaknesses of both theories are discussed and compared with the Islamic theory. The modern law of war showed similarities with Islamic ethics on war that have been practiced by Rasulullah P.B.U.H.*

***Keywords:*** *War, Huntington's Theory, Realism, Conflict, Law of War, Islamic Ethics on War*

## **Abstrak**

Teori Huntington dan teori Realisme antara teori peperangan dan hubungan antarabangsa yang seringkali menjadi tajuk perbincangan dan kritikan yang boleh menjawab dan menjangka mengapa krisis dan peperangan berlaku. Kelemahan kedua-dua teori ini dipaparkan dan dibandingkan dengan teori Islam. Undang-undang peperangan moden memperlihatkan keselarian dengan etika peperangan yang diamalkan sejak dari zaman Rasulullah S.A.W.

**Kata Kunci:** Perang, Teori Huntington, Realisme, Konflik, Undang-undang Peperangan, Etika Peperangan dalam Islam

## Pendahuluan

Dalam *Al-Muqaddimah*, karya agung Ibn Khaldun, ada menyatakan bahawa peperangan dan pelbagai jenis perbalahan telah wujud di dunia sejak dari Allah menciptakan alam ini. Peperangan itu sudah menjadi lumrah manusia dan tiada negara atau kaum yang akan terlepas daripada itu (Ibn Khaldun, 1967).

Menurut Waltz (1979), sesebuah teori ialah pungutan ataupun set undang-undang berkenaan kelakuan ataupun fenomena yang spesifik. Menurutnya lagi, teori bertindak sebagai pernyataan untuk menjelaskan undang-undang berkenaan. Dalam konteks peperangan dan hubungan antara negara, sarjana-sarjana barat telah mengemukakan pelbagai teori yang bukan sahaja untuk menjawab sebab sesuatu peperangan atau konflik itu berlaku tetapi juga untuk meramal berlakunya peperangan. Teori yang dikemukakan berdasarkan pemerhatian dan analisis mereka tentang sejarah dan keadaan politik dunia pada masa lampau dan kini.

Teori peperangan sensasi terbaharu oleh Huntington (1993a) banyak dibincangkan dan didebatkan dan menjadi antara salah satu teori peperangan yang ketika awal kemunculannya menerima banyak kritikan (Ajami, 1993; Muzaffar, 1994; Fox, 2007; Fitria, 2009; Kurth, 2010; Muhammad, 2012). Pengkritik merasakan teori Huntington adalah satu serangan kepada agama Islam yang Huntington gambarkan sebagai suatu peradaban yang penuh dengan konflik (Fitria, 2009; Muzaffar, 1994). Huntington juga seakan meletakkan peradaban Barat sebagai suatu peradaban yang mempunyai musuh daripada peradaban lain. Aydin and Özen (2010) pula melihat teori Huntington sebagai teori yang memenuhi ideologi politik Al-Qaeda. Mereka membincangkan kesamaan ideologi Al-Qaeda dengan teori Huntington dan mengapa ideologi Al-Qaeda mudah diserap masuk terutama dalam negara Islam yang bergolak.

Selain daripada itu, teori Realisme adalah salah satu teori yang seringkali menjadi teori utama untuk dibincangkan dalam teori hubungan antarabangsa. Seperti yang dinyatakan Ibn Khaldun, begitulah juga andaian teori Realisme akan sifat manusia yang suka berkonflik. Teori Realisme dianggap dapat menjawab faktor terjadinya perang seperti Perang Arab-Israel 1967 (Saidin drk., 2016), Perang Amerika-Iraq (Butt, 2019) dan peperangan lampau seperti perang antara Athena dan Sparta (Susilo, 2016). Namun begitu, terdapat juga kritikan terhadap teori ini yang mengatakan bahawa teori ini sudah tidak relevan lagi dalam kancah politik dunia pada masa sekarang (Van Ness, 2014).

Melihat pada kedua-dua teori ini, perbincangan tentang persamaan dan perbezaan teori-teori ini dalam konteks perang dari sudut pandang Islam belum lagi dibincangkan. Oleh sebab banyak teori tentang hubungan antarabangsa dan faktor terjadinya perang, makalah ini ditulis hanya memfokuskan Teori Huntington dan Teori Realisme dan juga membincangkan perang daripada persektif Islam.

Apabila berlakunya peperangan, setiap negara yang terlibat perlu mematuhi undang-undang peperangan moden seperti Peraturan Kemanusiaan Antarabangsa (*International Humanitarian Law, IHL*; lihat ICRC, 2004). IHL menjadi satu tanda aras bahawa negara yang tidak mematuhi undang-undang ini boleh dihukum di mahkamah jenayah antarabangsa. Ramai yang sedia maklum akan peraturan yang termaktub namun adakah peraturan ini ada persamaan dengan adab dan etika dalam peperangan Islam? Oleh itu, makalah ditulis bertujuan untuk melihat adakah wujud kesamaan peraturan perang moden dengan adab dan etika peperangan dalam Islam yang ditonjolkan dalam siri peperangan Nabi Muhammad dan sahabat baginda.

## Sorotan Teori Peperangan Huntington

Teori Peperangan Huntington (1993 a,b, 2011) merupakan antara teori perang Barat yang popular dan telah mencetuskan polemik dan menjadi perdebatan sejak mula diperkenalkan oleh Huntington itu. Huntington mengemukakan hipotesis bahawa sumber utama konflik yang akan berlaku dalam dunia pasca-Perang Dingin ialah antara budaya dan peradaban yang berbeza dan bukan lagi perbezaan ekonomi atau ideologi.

Menurut Huntington, globalisasi yang berlaku pasca-perang Perang Dingin telah meningkatkan interaksi antara peradaban yang berbeza sekaligus melemahkan sistem kenegaraan. Huntington memberikan hipotesis baharu iaitu akan ada aktor atau pelaku selain daripada negara iaitu peradaban. Hal ini demikian kerana proses globalisasi yang berlaku telah meningkatkan interaksi bukan sekadar dalam negara malah menjangkau sehingga ke negara-negara luar yang lain. Oleh sebab itu, pergeseran antara budaya dan peradaban dijangka akan berlaku kerana perbezaan yang ada daripada segi budaya, agama, bahasa atau identiti diri. Manusia akan menolak apa yang tidak mereka ketahui atau fahami dan ketika itulah konflik akan berlaku.

Huntington telah mengenalpasti 9 peradaban kontemporer iaitu peradaban Barat, Sino-Konfusius, Jepun, Amerika Latin, Hindu, Kristian Ortodok, Afrika, Buddha dan Islam. Pengelasan Huntington bagi 9 peradaban ini ialah berpandukan takrif peradaban beliau iaitu peradaban ialah suatu identiti budaya. Menurutnya, suatu kaum/etnik, perkampungan, kumpulan agama semuanya mempunyai budaya yang berbeza. Sebagai contoh, perkampungan di selatan Italia mempunyai budaya yang berbeza dengan perkampungan di utara Italia, tetapi mereka berkongsi suatu budaya Italia yang sama yang membezakan mereka daripada perkampungan di Jerman. Jadi, peradaban itu ialah perkelompokan budaya yang tertinggi yang mempunyai dasar yang sama seperti bahasa, agama, sejarah, institusi dan juga pengidentitian diri sendiri.

Huntington telah meletakkan peradaban Barat sebagai suatu peradaban yang kukuh yang mempunyai identiti yang tersendiri

tanpa ada konflik yang berlaku dalam peradaban tersebut (Fitria, 2009). Sikap Huntington yang meletakkan peradaban Barat lebih tinggi daripada peradaban-peradaban lain yang beliau nyatakan terutamanya Islam telah menguatkan andaian para ilmuwan Barat yang melihat Islam sebagai ganas dan suatu ancaman. Stereotip-stereotip seperti “militan Islam” telah menyebabkan reduksionisme keagamaan dan membentuk Islam sebagai suatu dimensi tunggal (Fitria, 2009). Namun, harus diingat bahawa Islam itu seperti agama lain, mempunyai pengikut yang berbilang bangsa, budaya dan negara yang berbeza-beza. Selain daripada itu, peradaban itu pastinya akan ada pertindihan, asimilasi dan pertukaran budaya seperti yang berlaku pada zaman Renaisans yang peradaban Islam pada masa itu telah menguatkan asas Renaisans Eropah (Muhammad, 2012). Anggapan Huntington bahawa interaksi antara peradaban yang berbeza memungkinkan berlakunya konflik adalah salah. Hal ini demikian kerana interaksi antara peradaban yang berbeza akan membolehkan mereka untuk belajar antara satu sama lain dan mengambil perkara yang baik daripada peradaban lain untuk diserapkan dalam peradaban sendiri (Sato, 1997).

Teori Huntington yang meletakkan satu peradaban itu sebagai suatu dimensi tunggal yang tidak bercampur dengan mana-mana peradaban ini menjadikan teori Huntington hanya melihat di permukaan sahaja dan tidak secara dasar dan menyeluruh. Oleh sebab inilah, kejadian 9/11 yang berlaku apabila dilihat daripada kacamata teori Huntington, ialah konflik peradaban antara Islam dan Barat. Bertitik tolak daripada kejadian itu juga, telah memberikan justifikasi serangan Amerika Syarikat (peradaban Barat) pada negara Iraq (peradaban Islam) yang telah menjatuhkan rejim Saddam Hussein.

Kejadian 9/11 yang didalangi oleh pertubuhan Al-Qaeda tidak harus dijadikan sebagai satu penanda berlakunya konflik antara peradaban Islam dengan peradaban Barat kerana pertubuhan itu tidak mewakili ajaran Islam yang sebenar. Namun begitu, kejadian 9/11 dan kegiatan keganasan yang didalangi Al-Qaeda berhasil meyakinkan masyarakat Barat bahawa Teori Huntington itu ada benarnya dan peradaban Islam sememangnya peradaban yang penuh konflik yang memusuhi peradaban Barat (Aydin &

Özen, 2010). Malah, pergerakan Al-Qaeda telah berjaya merekrut ramai pengikut daripada kebanyakan negara majoriti Muslim yang rakyat negara berkenaan kebanyakannya tertindas dan tidak pernah merasai demokrasi. Penindasan yang berlaku daripada negara sendiri, menyebabkan ramai rakyat mengubah kesetiaan mereka pada negara kepada identiti mereka seperti agama, kaum atau ideologi (Sato, 1997). Hal inilah yang berlaku kepada pengikut Al-Qaeda yang memberikan kesetiaan mereka terhadap Al-Qaeda yang mereka percaya bahawa ideologi yang dibawa Al-Qaeda itu progresif dan mengikut apa yang diajarkan oleh Islam. Sama seperti pengikut pergerakan Negara Islam (ISIS) yang percaya bahawa ISIS bakal dan mampu membentuk sebuah pemerintahan khilafah seperti mana pemerintahan khilafah sebelum ini iaitu Khilafah ‘Uthmaniyyah.

Pergerakan Al-Qaeda dan ISIS ini yang telah banyak melakukan pertumpahan darah dan kegiatan pelampau (ekstremis) atas nama Islam telah menjadikan teori dan hipotesis Huntington itu kelihatan benar. Kesan daripada ini, jurang perbezaan antara peradaban Islam dan peradaban Barat khususnya semakin menebal. Kejadian 9/11 memberikan justifikasi berat untuk Amerika Syarikat (A.S.) melancarkan serangan pada Iraq pimpinan Saddam Hussein. Kebanyakan rakyat A.S. juga tidak menghalang kerajaan mereka untuk menyerang Iraq kerana terpengaruh dengan dakyah politik dan kesan daripada sikap ‘kita menentang mereka’ (*us versus them*).

Jika dilihat secara menyeluruh, kejadian 9/11 tidak boleh dianggap sebagai peradaban Islam menentang peradaban Barat. Analisis teori Huntington yang tidak mendasar inilah yang membahayakan yang boleh menyebabkan lagi banyak perselisihan dan persengketaan yang berlaku dalam dunia ini. Jika disoroti dengan lebih cermat, kejadian 9/11 terjadi kerana ideologi melampau (ekstrem) pengganas Al-Qaeda yang tidak mewakili ajaran Islam.

Malah, Saddam Hussein iaitu pemimpin Iraq pada ketika itu tidak sepatutnya dijadikan sebagai wajah yang mewakili peradaban Islam kerana tidak ada figura selain Nabi Muhammad S.A.W. yang sepatutnya menjadi wajah Islam. Oleh kerana dunia ini melihat Islam dalam figura Saddam Hussein, Osama bin Laden atau



Ayatullah Khomeini, Amerika atau Barat secara umumnya mempunyai perspektif yang salah mengenai Islam (Fitria, 2009).

Teori Huntington ini telah membuka ruang perbincangan yang besar dan jika disingkapi sejarah peperangan dan konflik yang berlaku, secara umumnya teori ini ada benarnya. Ajami (1993) antara yang terawal memberi kritikan terhadap makalah Huntington telah mengatakan bahawa apa yang dijangkakan Huntington seperti akan meningkatnya fenomena untuk menjadikan negara India sebagai negara Hindu tidak mungkin akan berlaku. Dalam makalahnya, Ajami (1993) yakin bahawa India tidak akan sekali-kali menjadi sebuah negara Hindu kerana masyarakat pertengahan akan mengekalkan tradisi India sebagai sebuah negara yang sekular. Malah, Muzaffar (1994) turut mengkritik analisis Huntington mengenai interaksi antara peradaban Hindu dan Islam dan mengatakan bahawa interaksi antara kedua-dua ini mempunyai dinamik yang tersendiri. Islam telah mempengaruhi seni bina, kesusasteraan dan perundangan dalam budaya Hindu seperti Islam telah mengambil sedikit unsur Hindu dalam ilmu mistik, kuliner dan seni muzik.

Walaupun terdapat peralihan budaya antara kedua-dua peradaban ini, melihat pada suasana politik India pada masa kini, apa yang dikatakan oleh Huntington menunjukkan kebenarannya. Dalam makalahnya yang menjawab kritikan Ajami (1993), Huntington (1993b) dengan tegas mengatakan bahawa terdapat keresahan dan ketidakpuasan hati yang semakin menebal dalam bukan sahaja masyarakat pertengahan malah dalam golongan ikhtisas masyarakat India beragama Hindu terhadap masyarakat minoriti Muslim di India. Ramalan Huntington dilihat betul apabila beberapa tahun kebelakangan ini, semakin meningkat konflik dan keganasan yang berlaku antara masyarakat Hindu dan Islam di India. Malah, negara India semakin hilang identitinya sebagai sebuah negara sekular apabila parlimen India bersetuju memperkenalkan Akta Kewarganegaraan 2019, yang bertujuan untuk mengurangkan majoriti masyarakat Muslim di India (Sharma, 2019).

Menurut Huntington, perbezaan peradaban yang merangkumi perbezaan budaya, cara hidup, bahasa dan juga agama tidak

semestinya akan mewujudkan konflik dan konflik tidak semestinya berkait dengan keganasan. Namun, perbezaan peradaban inilah menurut sejarah telah menghasilkan konflik keganasan yang berpanjangan (Huntington, 1993b). Malah, konflik kemanusiaan di Myanmar yang sampai sekarang tidak nampak jalan keluar yang melibatkan etnik Rohingya dan etnik Rakhine adalah krisis kemanusiaan yang bertitik tolak daripada perbezaan peradaban.

Namun begitu, teori Huntington tidak dapat menjawab akan kesatuan negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) sejak 1967 yang merangkumi pelbagai peradaban seperti Islam, Buddha, Konfusius dan Kristian (Muzaffar, 1994). Dapat dilihat juga krisis kemanusiaan yang berlaku di Yaman dan Syria iaitu dua negara majoriti Muslim tidak boleh dikatakan adalah konflik antara peradaban kerana ia adalah konflik antara agama yang sama iaitu Islam. Hal ini menunjukkan tidak semua konflik yang berlaku pasca-Perang Dingin menurut Teori Huntington adalah disebabkan perbezaan identiti peradaban. Kemungkinan konflik yang berlaku sebenarnya adalah kerana negara yang ingin mengekalkan kekuasaan dan kekayaan, iaitu faktor utama berlakunya konflik dalam sejarah manusia, namun konflik-konflik ini dimanipulasi dan dimomokkan sebagai suatu konflik peradaban menentang peradaban yang lain (Muzaffar, 1994).

## **Sorotan Teori Realisme**

Selain daripada teori Huntington, teori realisme merupakan antara teori utama dalam melihat hubungan antara negara dalam kajian politik antarabangsa. Teori ini mendominasi kajian politik semenjak tahun 1940-an menggantikan teori idealisme yang dominan pada tahun 1919 sehingga 1930-an (Susilo, 2016). Teori realisme meningkat pengaruhnya pasca-Perang Dunia Kedua apabila teori idealisme dilihat tidak dapat menawarkan penyelesaian kepada pergolakan politik antarabangsa pasca-Perang Dunia Pertama dan gagal untuk menjangka akan berlakunya Perang Dunia Kedua.

Terdapat beberapa sarjana klasik yang dikatakan menjadi pelopor kepada pemikiran teori Realisme ini. Antaranya Heraclitus

(yang hidup (yh) 535-475 SM), Thucydides (yh 460-395 SM), Niccolo Machiavelli (yh 1469-1527), dan Thomas Hobbes (yh 1588-1679) (Kurth, 2010). Pemikiran sarjana-sarjana ini mempunyai dasar pandang yang sama mengenai sifat semulajadi manusia dan soal kuasa sesebuah negara. Asas teori Realisme berpandukan pada lima andaian, iaitu pertama, sifat semulajadi manusia yang ego dan individualis. Kedua, negara adalah aktor terpenting dalam hubungan antarabangsa. Ketiga, negara bertindak dalam satu kesatuan, yang bermakna demi kepentingan nasional terutamanya ketika perang, negara akan bertindak dalam satu suara. Keempat, setiap tindakan negara yang dilakukan demi kepentingan nasional adalah rasional; dan yang kelima adalah, dunia ini bersifat anarki yang bermaksud tiada kerajaan yang mempunyai kekuasaan dan wibawa (autoriti) penuh dalam memerintah dunia (Susilo, 2016; Antunes dan Camisã, 2017).

Menurut andaian teori Realisme, ia menekankan bahawa sifat manusia yang tamak akan kuasa, pentingkan diri sendiri dan ketidakupayaan untuk percaya pada orang lain menyebabkan berlakunya konflik (Antunes dan Camisã, 2017). Jadi, peperangan itu tidak dapat dielakkan kerana sifat semulajadi manusia ini yang tamak dan rakus dan hal ini menjadi alasan dasar bagi konflik untuk berlaku. Malah, keinginan untuk memiliki kuasa yang maksimum adalah keinginan sejagat dan semulajadi bagi manusia (Susilo, 2016). Jadi, terjadinya perebutan dan persaingan antara negara bagi memiliki kekuasaan maksimum adalah bertitik tolak daripada sikap semulajadi manusia.

Teori realisme ini berpegang pada prinsip apa yang sebenarnya berlaku dan kenyataan (realiti) sesuatu perkara dan bukannya pada apa yang seharusnya berlaku (North, 2010). Teori ini menekankan bahawa konflik memang akan sentiasa ada kerana sifat kekerasan dan kerakusan yang ada dalam diri manusia.

Malah, persengketaan pertama antara manusia akibat menurut hawa nafsu terjadi pada anak-anak Nabi Adam iaitu Habil dan Qabil yang telah menyaksikan Qabil telah membunuh Habil (*al-Qur'an, Surah al-Maidah, 29-30*). Hal ini menunjukkan manusia itu walaupun sudah diberikan akal fikiran, boleh melampaui batas

sehingga bunuh membunuh akibat daripada persengketaan dan hawa nafsu.

Oleh sebab itu, Realisme beranggapan bahawa setiap negara harus bersikap berhati-hati dan sentiasa syak wasangka terhadap negara lain kerana sifat manusia yang tidak dapat dijangka, dan kemungkinan akan terjadi lagi seperti apa yang berlaku ketika Perang Dunia Kedua jika tidak berwaspada. Realisme juga menekankan pengekalan kekuasaan sesebuah negara itu kerana kuasa ialah alat yang dapat menjamin keamanan dan kestabilan negara (Saidin drk., 2016). Jika negara merasakan terancam dengan negara musuh, hegemoni adalah strategi utama yang akan dilaksanakan oleh negara berkenaan bagi mengelakkan negara musuh mendapat kekuasaan dan mengelakkan penindasan dan ancaman yang akan berlaku jika negara musuh mendapat kuasa (Slaughter, 2011).

Dalam teori Realisme, pengekalan kuasa amat penting bagi mengekalkan keamanan kerana keamanan nasional merupakan hal utama yang perlu dititiberatkan oleh sesebuah negara. Oleh sebab itu, soal strategi ketenteraan adalah hal utama dan dikira sebagai kategori politik tahap tinggi berbanding dengan soal ekonomi atau sosial yang dianggap kurang penting (Asrudin, 2014).

Sebagai contoh, Perang Iraq-A.S. yang dicetuskan oleh A.S. bukanlah peradaban Barat menyerang peradaban Islam seperti dakwaan Teori Huntington tetapi sebaliknya adalah sikap A.S. yang ingin menunjukkan kekuasaan dan hegemoni. Setelah kejadian 9/11 yang mengejutkan dunia pada masa itu, A.S. telah melobi masyarakat dunia dan rakyatnya bahawa Iraq sedang membina senjata pemusnah dan bakal memberi ancaman pada A.S. Setelah Iraq diserang dan dicerobohi, tiada senjata pemusnah yang ditemui. Kejadian 9/11 dan dakwaan tentang senjata pemusnah hanya alasan untuk A.S. menyerang Iraq bagi menunjukkan kekuasaan pada dunia dan mengekalkan hegemoni (Butt, 2019). Pemimpin A.S. pada masa itu yakin bahawa apa yang dilakukan ialah demi kepentingan nasional maka dengan pendekatan Realisme, peperangan dengan Iraq adalah suatu yang tidak dapat dielakkan.

Walaupun tindakan A.S. itu memusnahkan negara Iraq, mengikut teori Realisme, setiap tindakan negara yang dilakukan demi mempertahankan kedaulatan nasional adalah rasional, jadi prinsip moral tidak dapat menjawab mengapa sesuatu tindakan itu dilakukan walaupun nyata ia melanggar etika. Machiavelli, salah seorang sarjana pemikir teori Realisme mengatakan bahawa tiada kemoralan dalam politik dan mendakwa segala tindakan sama ada bermoral atau pun tidak, adalah diwajibkan untuk mencapai sesuatu tujuan (Korab-Karpowicz, 2018).

Namun begitu, ramai pemikir Realisme yang tidak bersetuju akan tindakan A.S. menyerang Iraq kerana penyalahgunaan kuasa yang tidak mencapai tujuan untuk menjaga kepentingan nasional A.S. Hal ini demikian kerana, penggunaan kuasa ketenteraan yang tidak seimbang oleh A.S. boleh menyebabkan ketidakpuasan hati dan meningkatnya permusuhan oleh negara-negara lain. Penubuhan ISIS selepas perang Iraq menunjukkan apa yang dijangka para pemikir Realisme menunjukkan kebenarannya (Antunes dan Camisão, 2017).

Perang Arab-Israel pada tahun 1967 juga bertitik tolak daripada Israel yang ingin menunjukkan kekuatannya agar dunia Arab sedar akan kekuasaan Israel dan tidak memandang lekeh akan kehadiran negara baru Israel di rantau Timur Tengah (Saidin drk., 2016). Negara-negara besar seperti A.S. merasakan untuk kekal berkuasa, mereka perlu memaksimumkan kekuasaan mereka dengan menyerang atau menggertak negara lain yang dirasakan akan memberi ancaman terhadap mereka (Slaughter, 2011).

Malah, perbalahan Arab Saudi dan Iran adalah persaingan hagemoni antara dua kuasa besar serantau. Perbalahan kuasa besar Timur Tengah ini melibatkan campurtangan kuasa besar yang lain yang mana Rusia menyebelahi Iran manakala A.S. semakin melonggarkan sekatan terhadap Iran (Sani, 2016). Arab Saudi telah menyerang Yaman, iaitu pangkalan pemberontak Houthi yang disokong Iran. Konflik di Yaman ketika ini disifatkan PBB sebagai krisis kemanusiaan yang terburuk (Cappelaere, 2018). Dapat dilihat, kerana kuasa dan ketamakan, walaupun seagama, peperangan masih lagi berlaku. Nyata, teori Realisme ada betulnya bahawa

persengketaan dan ketamakan itu memang sifat semulajadi manusia.

Terdapat juga kritikan terhadap teori Realisme bahawa teori ini sudah tidak relevan lagi dalam dunia masa kini. Hal ini demikian kerana, negara-negara lebih mementingkan kesepakatan bersama dalam memerintah dunia ini. Kebergantungan setiap negara dengan negara yang lain dalam sektor eksport and import, pelaburan dan inovasi teknologi menjadikan setiap negara lebih menghargai kestabilan dan kemakmuran antara negara. Malah, strategi menang-menang dan memupuk kerjasama antara aktor antarabangsa lebih ditekankan berbanding strategi campur-tolak yang hanya memberi manfaat pada satu negara yang menang sahaja (Van Ness, 2014).

Namun begitu, merujuk pada Perang Iraq-Amerika (2003-2011) yang belum cukup 10 tahun berlalu melihatkan bahawa teori Realisme masih lagi boleh menjawab mengapa konflik antara negara berlaku. Latihan perang yang dilakukan oleh Rusia dan China yang dinamakan Vostok-2018 (Johnson, 2018) dan Tsentr-2019 (Ellyatt, 2019) dianggap NATO sebagai persediaan menghadapi konflik yang lebih besar dan sebagai satu mesej amaran pada Barat tentang kekuatan ketenteraan Rusia dan China dan hubungan antara kedua-dua kuasa besar dunia ini. Malah, penempatan pasukan ketenteraan A.S. di kawasan Asia Pasifik terutamanya di Darwin, Australia menunjukkan niat A.S. untuk membendung kekuasaan China di Laut China Selatan (Asrudin, 2014; Garrick, 2019). Perkara-perkara ini menunjukkan bahawa andaian teori Realisme bahawa dunia ini bersifat anarki dan kekuasaan maksimum adalah penting bagi sesebuah negara adalah betul (Asrudin, 2014).

### **Peperangan menurut Islam: Sangkalan teori Huntington & Realisme**

Berdasarkan teori Huntington, peperangan itu berlaku kerana perbezaan peradaban dan budaya yang menyebabkan konflik. Teori Realisme pula mengatakan bahawa peperangan itu terjadi kerana sifat semulajadi manusia yang tamak dan keinginan

memiliki kuasa yang maksimum. Bagaimana pula menurut pandangan Islam, apakah sebab sesuatu peperangan itu terjadi?

Dari segi perspektif Islam, peperangan itu terjadi apabila terdapat penganiayaan yang berlaku. Maka, pada masa itu, peperangan dibenarkan untuk memerangi mereka yang zalim. Allah telah berfirman dalam *Surah al-Hajj* ayat 39; “Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)” (*Al-Qur’an*, 22:39).

Ayat ini menurut al-Qurtubi ialah ayat pertama yang membincangkan tentang perang. Malah, ayat seterusnya iaitu ayat 40 yang ada menyebut tentang biara, gereja dan sinagoga menunjukkan bahawa mempertahankan diri daripada penganiayaan dan penindasan adalah hak sejagat tanpa mengira pegangan agama (Parrott, 2017).

“...Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam)” (*Al-Qur’an*, 22:40).

Daripada firman Allah ini dapat dinyatakan bahawa, peperangan itu hanya dibenarkan terjadi untuk membela mereka yang dizalimi dan melindungi hak asasi manusia. Peperangan sepatutnya bukan untuk menunjukkan kekuasaan seperti mana yang dinyatakan dalam teori Realisme ataupun semata-mata kerana perbezaan peradaban dan budaya seperti dalam teori Huntington. Ayat 40 *Surah al-Hajj* itu juga jelas menunjukkan walaupun berbeza agama atau budaya, mempertahankan diri adalah hak setiap individu apabila dizalimi dan bukannya menjadi satu dasar kepada konflik.

Teori Huntington menjelaskan bahawa perbezaan peradaban merangkumi perbezaan budaya, agama, bahasa dan identiti diri yang menyebabkan terjadinya konflik. Dalam surah *al-Hujurat* ayat 13 telah dinyatakan bahawa Allah menjadikan manusia ini berpuak dan bersuku-suku untuk saling kenal mengenali dan bukan mencari perbezaan atau berbalah atas dasar bangsa. Perbezaan

antara bangsa itu pastinya akan berlaku, kerana itulah apa yang telah Allah ciptakan namun daripada perbezaan itulah Allah juga berpesan untuk saling kenal-mengenal kerana tanpa kefahaman dan pengetahuan tentang bangsa lain, hal inilah yang akan mewujudkan konflik. Iaitu situasi di mana dalam teori Huntington, pemikiran 'kita menentang mereka' (Huntington, 1993a).

Allah berfirman lagi dalam Surah *al-Baqarah* ayat 190 yang menekankan peperangan adalah dibolehkan bagi membela nasib mereka yang tertindas dan dizalimi.

“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu mencerooboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang mencerooboh” (*Al-Qur'an*, 2:190).

Daripada ayat ini dapat disimpulkan bahawa umat Islam hanya boleh berperang apabila diserang sahaja dan tidak boleh memulakan peperangan. Malah, apabila musuh sudah berhenti memerangi kita, maka kita juga harus berhenti berperang (*Al-Qur'an*, 2:192).

Namun begitu, menjaga keamanan adalah yang paling utama. Allah juga berfirman dalam Surah *al-Maidah* ayat 32;

“Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya” (*Al-Qur'an*, 5:32).

Ayat Al-Quran ini jelas menggariskan panduan dan arahan bahawa sesiapa yang membunuh seorang manusia tanpa sebab yang jelas, bagaikan telah membunuh seluruh umat manusia dan sesiapa yang menjaga keselamatan seorang manusia pula seumpama menjaga keselamatan manusia seluruhnya.

Selain daripada itu, daripada ayat ini juga turut dapat dibincangkan bahawa manusia yang tetap melakukan kebaikan dan tidak menurut nafsu dengan melakukan kezaliman akan mendapat



ganjaran yang setimpal. Berbeza dengan teori Realisme yang mengatakan perang itu sememangnya tidak dapat dielak kerana sifat manusia yang suka melampaui batas dan kemoralan tiada tempat dalam politik Realisme, ayat ini pula menjelaskan ganjaran yang akan diperoleh jika manusia itu tetap melakukan kebaikan dan menghindari daripada melakukan kezaliman terhadap manusia.

Malah, apabila Allah S.W.T ditanya oleh malaikat berkenaan penciptaan Adam A.S. sebagai manusia pertama untuk menjadi khalifah di bumi, walaupun telah dibuktikan akan melakukan kerosakan, Allah berfirman bahawa Allah lebih mengetahui akan manfaat daripada penciptaan makhluk ini berbanding dengan kerosakan yang dinyatakan oleh malaikat (Ibnu Kathir, 2003).

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya” (*Al-Qur’an*, 2:30).

Hal ini menunjukkan walaupun manusia itu sifatnya melampaui batas dan suka berkonflik, manusia juga mempunyai sifat yang boleh menjadi pemimpin kepada dunia dan diberikan akal untuk berfikir sesuatu perkara itu baik ataupun buruk.

Bercanggah dengan teori Realisme yang tegas menyatakan konflik tetap akan berlaku kerana sifat semulajadi manusia, Islam membuka ruang perbincangan bahawa manusia juga mampu untuk menjadi pemimpin yang bermoral. Teori Realisme juga mengatakan tiada unsur moral apabila berdepan dengan kepentingan nasional kerana segala tindakan yang dilakukan adalah rasional walaupun bercanggah dengan undang-undang dan moraliti. Hal ini jelas tidak selari dengan pandangan Islam, malah dengan adanya undang-undang peperangan juga dapat menghalang sedikit sebanyak perkara yang melampaui batas ketika dalam peperangan.

Islam juga menggariskan panduan bahawa dibenarkan memerangi negeri-negeri yang melanggar syarat-syarat perjanjian yang telah dipersetujui dengan kerajaan Islam. Allah S.W.T telah berfirman;

“Jika dua pihak daripada orang yang beriman berperang, maka damaikanlah antara kedua-duanya. Tetapi jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka perangilah puak yang zalim itu sehingga dia kembali mematuhi perintah Allah. Jika dia kembali patuh maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah (dalam segala perkara). Sesungguhnya Allah mencintai orang yang berlaku adil” (*Al-Qur’an*, 49:9).

Ayat ini menjelaskan bagaimana untuk berdepan dengan mereka yang melampaui batas seperti tidak mematuhi perjanjian. Maka, perang adalah dibolehkan sehingga mereka kembali taat dan patuh atas perintah Allah. Allah mengetahui akan sifat manusia, dan Allah jugalah yang memberikan jalan keluar untuk permasalahan tersebut.

Perkara ini dapat disusuri ketika zaman Rasulullah S.A.W. yang mana Bani Quraisy telah melanggar syarat-syarat dalam Perjanjian Hudaibiyah yang telah membawa kepada peristiwa pembukaan Kota Mekah (Al-Mubarakpuri, 2008). Meneladani sirah dan teladan Rasulullah S.A.W. perlu bagi setiap umat Islam. Ekstrimis yang mengangkat senjata atas nama Islam seperti pengebom berani mati adalah mereka yang tidak faham dan terpesong kefahamannya akan maksud peperangan dalam Islam. Mereka menyasarkan tempat-tempat awam yang diduduki oleh mereka yang tidak bersalah. Allah berfirman dalam *Surah al-Mumtahanah*, ayat 8;

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil” (*Al-Qur’an*, 60:8).

Ayat ini menjelaskan bahawa umat Islam haruslah berbuat baik dan tinggal dengan aman dalam sesebuah negara atau kerajaan yang aman dan adil tanpa ada penganiayaan (kewujudan

bersama dengan aman, *peaceful co-existence*) walaupun negara berkenaan bukan negara Islam. Beberapa siri pengebom berani mati seperti di Manchester pada tahun 2017 dan Brussels pada tahun 2016 yang dilakukan oleh orang Islam hanya memburukkan Islamofobia dan mengancam umat Islam lain yang tinggal dengan aman di negara-negara majoriti bukan Islam.

## **Undang-undang Peperangan dan Adab Peperangan Menurut Islam**

Apakah ada garis panduan yang perlu diikuti jika peperangan itu sudah tidak dapat dielak? Etika dan adab peperangan daripada zaman Nabi Muhammad S.A.W. telah terlebih dahulu memberikan garis panduan akan hal ini sebelum wujudnya undang-undang peperangan antarabangsa iaitu Peraturan Kemanusiaan Antarabangsa (*International Humanitarian Law, IHL*) (ICRC, 2004). Malah, undang-undang peperangan moden telah menunjukkan kesamaan dengan adab dan etika peperangan yang telah dianjurkan oleh Nabi Muhammad dan sahabat baginda. Bahagian ini akan mengupas dengan lebih lanjut apakah kesamaan antara undang-undang peperangan moden dengan etika peperangan Islam dan apakah ada yang dapat dipelajari daripadanya.

Sejarah peperangan lampau, telah mengajar manusia bahawa manusia walaupun makhluk yang berakal, mampu untuk melampaui batas. Oleh itu, undang-undang perang telah diadakan bagi menjadikan peperangan itu lebih berkemanusiaan walaupun mungkin hal itu sangat sukar untuk dicapai. Peraturan Kemanusiaan Antarabangsa merupakan undang-undang peperangan antarabangsa yang telah digubal berdasarkan apa yang dipersetujui dalam Konvensyen Geneva 1949, Konvensyen Hague 1907 dan Konvensyen Antarabangsa Hak Kanak-Kanak.

Peraturan ini adalah perlindungan bagi mereka yang tidak atau sudah tidak lagi terlibat di dalam peperangan. Ia juga mengawal peperangan itu daripada menggunakan senjata seperti gas beracun dan periuk api. Negara yang ingkar, boleh disabitkan dalam mahkamah jenayah peperangan (*International Criminal Court, ICC*). Mereka yang tidak terlibat dalam peperangan seperti

orang awam, paderi dan ahli keagamaan serta pasukan perubatan adalah dilindungi. Malah tentera yang tercedera, sakit dan banduan perang juga turut dilindungi. Kawasan awam seperti rumah, hospital dan sekolah juga adalah kawasan yang bebas daripada pertempuran. Undang-undang peperangan ini digubal berdasarkan sejarah peperangan lampau terutamanya apa yang berlaku ketika Perang Dunia Kedua.

Undang-undang peperangan ini memperlihatkan kesamaan dengan etika dan adab peperangan yang telah dianjurkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan sahabat baginda. Etika dan adab peperangan Islam yang diterapkan oleh baginda pada sahabat dan pemimpin bertujuan agar perang yang dihadapi mendapat kerediaan Allah S.W.T. Peperangan pada zaman tersebut bertujuan untuk menegakkan syiar Islam dengan memerangi musuh-musuh Islam. Rasulullah S.A.W. pada zamannya bukan sahaja menjadi pemimpin negara malah seorang ketua angkatan tentera yang berhikmah dan adil (Ibrahim dan Rozali, 2017). Setiap satu peperangan yang dilalui bersama Rasulullah S.A.W. itu memberikan pembelajaran pada sahabat-sahabat baginda untuk mengikuti langkah strategi peperangan dan adab yang ditampilkan oleh baginda.

Strategi dan taktik peperangan baginda bukan dengan menghalalkan segala cara untuk mencapai kemenangan tetapi dengan penuh berhikmah yang merangkumi keutamaan kepada kemanusiaan seperti larangan membunuh wanita, anak kecil dan orang tua, memelihara alam sekitar dan tidak merosakkan harta benda awam (Ibrahim dan Rozali, 2017). Apa yang diterapkan oleh baginda ini diteruskan oleh sahabat-sahabat baginda dan para tabi'in. Melihat pada etika dan adab peperangan Islam yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad S. A.W., ia selari dengan undang-undang moden peperangan yang digunapakai sekarang.

Namun begitu, tidak semua negara yang sedang berperang akan patuh dengan undang-undang yang telah ditetapkan. Razan Ashraf al-Najjar merupakan sukarelawan bagi Persatuan Perubatan Palestin telah ditembak mati oleh tentera Israel pada 1 Jun 2018 ketika sedang membantu penunjuk perasan yang tercedera (Barghouti, 2018; Halbfinger, 2018). Razan pada ketika itu

memakai uniform putih khas bagi petugas sukarelawan pertolongan cemas dan tidak memberikan sebarang ancaman, namun telah ditembak oleh tentera Israel. Hal ini jelas melanggar undang-undang peperangan dan merupakan suatu jenayah perang. Namun setakat ini tiada yang disabitkan kesalahan dalam mahkamah jenayah perang walau terdapat bukti jelas tentera Israel telah melanggar undang-undang dan melakukan jenayah perang (Halbfinger, 2018).

Dengan jelas, hal ini menunjukkan walau dengan adanya undang-undang peperangan, masih akan ada yang ingkar dan melampaui batas. Malah, untuk mensabitkan kesalahan juga sukar jika negara yang terlibat dalam peperangan merupakan antara kuasa besar dunia.

Dalam Peraturan Kemanusiaan Antarabangsa telah menggariskan bahawa, tentera yang menyerah diri harus dilindungi dan tidak boleh dicerderakan atau dibunuh (ICRC, 2004). Hal ini senada dengan apa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. ketika berperang. Sebagai contoh, ketika Usama bin Zaid tidak mengendahkan rayuan musuh yang memohon pengampunan daripadanya dan terus saja membunuh musuh tersebut. Hal ini sampai kepada pengetahuan baginda, dan Nabi Muhammad mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan Usama yang bertentangan dengan ajaran Islam (Al-Mubarakpuri, 2008).

Malah, tawanan perang atau mayatnya tidak boleh dicatitkan. Rasulullah pernah memarahi Khalifah Umar yang ingin mencatitkan Suhail bin ‘Amr, utusan bani Quraisy dan juga pemedato handalan yang ditawan ketika Perang Badar dengan membuang gigi depannya supaya dia tidak dapat lagi bercakap dan tidak dapat menyebarkan berita fitnah terhadap Rasulullah (Al-Mubarakpuri, 2008). Rasulullah melarang perbuatan ini kerana takut akan pihak Quraisy yang akan membalas dendam dengan lebih kejam dan juga takut akan kemurkaan Allah pada hari pembalasan nanti. Sifat taqwa yang dimiliki Rasulullah menghalang baginda daripada berlaku kejam dan melampaui batas walaupun Rasulullah pernah mengalami peristiwa menyayat hati yang menyaksikan baginda menangi abang angkatnya, Hamzah bin ‘Abdul Muttalib yang telah dicatitkan mayatnya ketika Perang

Uhud (Al-Mubarakpuri, 2008). Hal ini menunjukkan sifat pemaaf Rasulullah dan ketakwaan yang tinggi kepada Allah S.W.T.

Dalam peperangan Badar, tawanan perang yang ingin bebas, mesti membayar 4000 ataupun 1000 dirham bergantung pada kemampuan mereka. Selain itu, kerana kebanyakan penduduk Mekah celik huruf berbanding penduduk Madinah, tawanan perang yang tidak mampu membayar wang tebusan, mesti mengajar seramai 10 orang kanak-kanak untuk menulis dan membaca (Al-Mubarakpuri, 2008). Situasi menang-menang antara tawanan perang dan masyarakat Madinah menunjukkan sifat bijaksana dan berhikmah Rasulullah S.A.W. Malah, ada juga kumpulan yang tidak mampu dibebaskan tanpa syarat.

Sifat belas baginda pada tawanan perang diteruskan oleh Khalifah 'Umar R.A. ketika menawan Kota Jerusalem dengan memberi jaminan keselamatan kepada rakyat Kota Jerusalem yang tertawan. Gereja tidak akan diduduki oleh Muslim dan tidak akan dimusnahkan (Armstrong, 2005). Hal ini diteruskan oleh Salahuddin al-Ayyubi yang menawan kembali Kota Jerusalem ketika Perang Salib Kedua. Semua ini adalah hasil daripada didikan dan tarbiah Rasulullah S.A.W. terhadap sahabat baginda. Abu Bakar R.A., khalifah pertama setelah kewafatan Rasulullah S.A.W. telah memberikan satu set etika dan adab peperangan bagi Muslim berpandukan dengan apa yang telah diajar oleh Rasulullah S.A.W. Beliau telah memberikan arahan tersebut pada tentera Islam yang dalam perjalanan ke Syria (Aboul-Enein dan Zuhur, 2004).

“Jangan melakukan pengkhianatan atau terpesong daripada jalan yang lurus. Jangan mencacatkan badan orang yang telah mati. Jangan membunuh anak-anak kecil, wanita dan orang tua. Jangan merosakkan pepohonan terutamanya yang berbuah, atau membakarnya. Jangan membunuh binatang ternakan musuh. Dan jika kamu dapati orang yang menyembunyikan dirinya di dalam gereja atau rumah agama, maka jangan kamu mengganggu mereka, dan biarkanlah mereka dalam keadaan mereka itu” (Aboul-Enein dan Zuhur, 2004).

Arahan Abu Bakar R.A. ini selari dengan undang-undang peperangan moden seperti perlu melindungi kanak-kanak, wanita

dan orang tua dan juga melarang daripada bertempur di kawasan penempatan, merosakkan monumen bersejarah dan bangunan keagamaan (ICRC, 2004).

Rasulullah S.A.W. juga menunjukkan bahawa tiada pertempuran akan dilakukan di kawasan penempatan dan juga bangunan keagamaan, malah mereka yang berlindung di situ akan selamat seperti yang berlaku dalam peristiwa Pembukaan Kota Makkah.

“Mereka yang berlindung di rumah Abu Sufyan akan selamat; mereka yang berdiam diri di rumah masing-masing akan selamat dan mereka yang masuk ke dalam Masjid Haram akan selamat” (Al-Mubarakpuri, 2008).

Dalam Perjanjian Hudaibiyah, Rasulullah juga mengajar umatnya agar menghormati dan mengikuti perjanjian damai yang telah dipaterikan walaupun perjanjian itu nyata berat sebelah dan tidak adil pada kaum Muslimin (Muhadi, 2018). Hal ini demikian kerana, itu adalah apa yang dipersetujui maka harus mengikutinya dan Muslim yang baik adalah mereka yang berpegang pada janji. Pada zaman ini walaupun pelbagai perjanjian damai dan genjatan senjata diwujudkan antara dua pihak yang bergolak, namun pasti ada pihak yang tidak patuh dan menyebabkan perbalahan. Hal ini dapat dilihat dalam siri pergolakan antara Palestin dan Israel yang telah melalui beberapa genjatan senjata namun seringkali gagal dan menyebabkan kematian pada rakyat yang tidak bersalah.

Tidak salah untuk mengatakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. adalah seorang tokoh yang handal dan adil dalam peperangan. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa siri peperangan yang diketuai oleh Nabi Muhammad S.A.W. sepanjang beliau bergelar nabi. Antara adab yang diterapkan oleh baginda ialah supaya berlaku adil dan tidak melampaui batas. Adab yang diterapkan oleh baginda ini adalah apa yang Allah turunkan kepada baginda dalam ayat *Al-Qur'an*. Dalam *Surah al-Maidah* ayat 32, telah dinyatakan bahawa, “Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah

membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya” (*Al-Qur'an*, 5:32). Ayat ini menjelaskan betapa nyawa mereka yang tidak bersalah itu sangat besar nilainya seumpama nyawa seluruh umat manusia. Pada zaman sekarang, berapa banyak nyawa yang tidak berdosa yang telah terbunuh akibat daripada peperangan yang sepatutnya boleh dielakkan.

Persamaan undang-undang peperangan moden dengan etika peperangan dalam Islam yang diterapkan berdasarkan *Al-Qur'an* dan *Al-sunnah* menunjukkan manusia memerlukan garis panduan yang betul bagi mengawal nafsu dan sifat melampaui batas yang ada dalam diri manusia. Malah, sirah Nabi Muhammad S.A.W. telah banyak memberikan panduan kepada umat Islam dan harus diteladani oleh umat Islam pada zaman sekarang khususnya agar dapat menunjukkan contoh dan sifat yang baik pada dunia. Antara ajarannya belum dihayati sebaik mungkin ialah pemahaman nafsu, penghapusan taasub dan peningkatan kesian belas serta peningkatan dialog.

## **Kesimpulan**

Teori peperangan Huntington dan Realisme ditunjukkan tersasar melihat terjadinya perang akhir-akhir ini dan teori peperangan Islam. Peperangan dan krisis kemanusiaan yang berlaku adalah kesan daripada sikap manusia yang mengikut nafsu melampaui batas dan tidak kesian belas (berempati) pada nasib orang lain. Masyarakat dunia seharusnya mengambil langkah proaktif untuk menjaga keamanan sejagat sesuai dengan ajaran Islam. Muslim dan pemimpin-pemimpin Islam terutamanya perlu menjadi agen pengaman dan menunjukkan contoh yang baik dengan menghayati kembali ajaran Islam yang memerangi nafsu, taasub dan meningkatkan kesian belas dan dialog. Lebih banyak lagi dialog-dialog antarabangsa yang perlu dilakukan untuk membincangkan apa yang patut dilakukan masyarakat dunia bagi mengatasi konflik dan krisis kemanusiaan yang masih lagi berlanjutan ketika ini.



## Bibliografi

- Aboul-Enein, Y. H., & Zuhur, S. (2004). Islamic Rulings On Warfare. *Strategic Studies Institute, US Army War College*. Diambil dari <http://www.jstor.org/stable/resrep11465> (20 Juli 2019).
- Ajami, F. (1993). The Summoning: 'But They Said, We Will Not Hearken'. *Foreign Affairs*, 72(4), 2-9. doi:10.2307/20045708
- Al-Mubarakpuri, S.-U.-R. (2008). *The Sealed Nectar (Ar-Raheeq Al-Makhtum): Biography of the Noble Prophet*. Saudi Arabia: Darussalam Publications.
- Al-Quran dan Terjemahannya. (2007). Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman
- Antunes, S., & Camisão, I. (2017). Realism. In S. McGlinchey, R. Walters, & C. Scheinpflug (Eds.), *International Relations Theory*. Bristol: E-International Relations Publishing.
- Armstrong, K. (2005). *Jerusalem: one city, three faiths*. USA: Ballantine Books.
- Asrudin, A. (2014). Thomas Kuhn dan Teori Hubungan Internasional: Realisme sebagai Paradigma. *Indonesian Journal of International Studies*, 1(2).
- Aydin, M., & Özen, Ç. (2010). Civilizational futures: Clashes or alternative visions in the age of globalization? *Futures*, 42(6), 545-552. doi:10.1016/j.futures.2010.01.005
- Barghouti, M. (2018). Razan Ashraf al-Najjar. *The Lancet*, 391. doi:10.1016/S0140-6736(18)31361-8

- Butt, A. I. (2019). Why did the United States Invade Iraq in 2003? *Security Studies*, 28(2), 250-285. doi:10.1080/09636412.2019.1551567
- Cappelaere, G. (2018). Conflict in Yemen, a living hell for children. Diambil pada 26 Juli 2019 dari <https://www.unicef.org/mena/stories/conflict-yemen-living-hell-children>.
- Ellyatt, H. (2019). *Russia conducts massive military drills with China, sending a message to the West*. Diambil pada 7 Desember 2019 dari <https://www.cnbc.com/2019/09/17/russia-conducts-tsentr-2019-military-exercises-with-china-and-india.html>.
- Fitria, V. (2009). Konflik Peradaban Samuel P. Huntington (Kebangkitan Islam yang Dirisaukan?). *Humanika*, 9(1), 39-52. doi:10.21831/hum.v9
- Fox, J. (2007). The rise of religion and the fall of the civilization paradigm as explanations for intra-state conflict. *Cambridge Review of International Affairs*, 20(3), 361-382. doi:10.1080/09557570701574022
- Garrick, M. (2019). *US to spend \$305 million on military aircraft upgrades in the Northern Territory*. Diambil pada 7 Desember 2019 dari <https://www.abc.net.au/news/2019-08-15/osprey-jets-spend-usa-defence-northern-territory-darwin/11418728>.
- Halbfinger, D. M. (2018). *A Day, a Life: When a Medic Was Killed in Gaza, Was It an Accident?* Diambil pada 22 Juli 2019 dari <https://www.nytimes.com/2018/12/30/world/middleeast/gaza-medic-israel-shooting.html>.

- Huntington, S. P. (1993a). The Clash of Civilizations? *Foreign Affairs*, 72(3), 22-49. doi:10.2307/20045621
- Huntington, S. P. (1993b). If Not Civilizations, What? Paradigms of the Post-Cold War World. *Foreign Affairs*, 72(5), 186-194. doi:10.2307/20045880
- Huntington, S. P. (2011). *The clash of civilizations and the remaking of world order* (2011 ed.). New York: Simon & Schuster.
- Ibn Khaldun. (1967). *The Muqaddimah an Introduction to History* (F. Rosenthal, Trans.): Princeton University Press.
- Ibnu Kathir. (2003). *Tafsir Ibn Kathir (Abridged) Volume 1* (S.-R. Al-Mubarakpuri Ed. Vol. 1). Saudi Arabia: Darussalam.
- Ibrahim, L., & Rozali, E. A. (2017). Kecekapan Tadbir Urus Ketenteraan dan Pertahanan Era Pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W. *International Journal of West Asian Studies*, 9(1), 39-56. doi:10.22583/ijwas.2017.09.01.04
- ICRC. (2004, Julai). *International Humanitarian Law*. Diambil pada 15 Julai 2019 dari [https://www.icrc.org/en/doc/assets/files/other/what\\_is\\_ihl.pdf](https://www.icrc.org/en/doc/assets/files/other/what_is_ihl.pdf).
- Johnson, D. (2018, Disember). VOSTOK 2018: *Ten years of Russian strategic exercises and warfare preparation*. Diambil pada 7 Disember 2019 dari <https://www.nato.int/docu/review/articles/2018/12/20/vostok-2018-ten-years-of-russian-strategic-exercises-and-warfare-preparation/index.html>.
- Korab-Karpowicz, W. J. (2018). Political Realism in International Relations. In E. N. Zalta (Ed.), *The Stanford Encyclopedia*

*of Philosophy*. Stanford University: Metaphysics Research Lab.

- Kurth, J. (2010). The Soldier, The State, and The Clash of Civilizations: The Legacy of Samuel Huntington. *Orbis*, 54(2), 320-334. doi:<https://doi.org/10.1016/j.orbis.2010.01.003>
- Muhadi, M. S. (2018, Disember). *Ulh Al-Hudaibiyah : Fiqh, Pengajaran Dan Iktibar*. Diambil pada 21 Julai 2019 dari <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2898-bayan-linnas-siri-ke-157-sulh-al-hudaibiyah-fiqh-pengajaran-dan-iktibar>.
- Muhammad, A. (2012). The Clash of Civilizations: a Myth? . *Jurnal Hubungan Internasional*, 1(2), 132-138. doi:10.18196/hi.2012.0014.131-138
- Muzaffar, C. (1994). The clash of civilisations or camouflaging dominance? *Asian Studies Review*, 18(1), 9-16. doi:10.1080/03147539408712975
- North, R. (2010). Political realism: Introduction. *European Journal of Political Theory*, 9(4), 381-384. doi:10.1177/1474885110374012
- Parrott, J. (2017). *Jihad Sebagai Pertahanan Diri: Teori Perang Yang Benar di dalam Quran dan Sunnah*. Diambil pada 27 November 2019 dari <https://yaqeeninstitute.org/justin-parrott/jihad-sebagai-pertahanan-diri-teori-perang-yang-benar-di-dalam-quran-dan-sunnah/#ftnt5>.
- Saidin, M. I. S., Mujani, W. K., & Mazuki, A. A. M. . (2016). Perang Enam Hari Arab Israel 1967 Menerusi Perspektif Teori Realisme. *International Journal of Islamic Thought*, 9, 18-31. doi:10.24035/ijit.9.2016.003

- Sani, M. A. (2016, Januari). *Perbalahan mazhab cetus kebimbangan dunia Islam*. Diambil pada 29 November 2019 dari <https://www.bharian.com.my/node/111810>.
- Sato, S. (1997). The clash of civilizations: A view from Japan. *Asia-Pacific Review*, 4(2), 7-23. doi:10.1080/13439009708719948
- Sharma, R. (2019). *The Citizenship Amendment Bill and the 'Theocratization' of India*. Diambil pada 17 Desember 2019 dari <https://thediplomat.com/2019/12/the-citizenship-amendment-bill-and-the-theocratization-of-india/>.
- Slaughter, A.-M. (2011). International Relations, Principal Theories. In R. Wolfrum (Ed.), *Max Planck Encyclopedia of Public International Law*: Oxford University Press.
- Susilo, B. (2016). Realisme. In V. Dugis (Ed.), *Teori Hubungan Internasional Perspektif-Perspektif Klasik* (Vol. 1). Indonesia: Cakra Studi Global Strategis.
- Van Ness, P. (2014). *Thomas Kuhn and International Relations Theory: Realism in "Crisis"*, IR Working Paper 2014/1, Canberra: Department of International Relations, Research School of Pacific and Asian Affairs, The Australian National University. <http://ir.bellschool.anu.edu.au/experts-publications/publications/4322/thomas-kuhn-and-international-relations-theory-realism-crisis>
- Waltz, K. (1979). *Theory of International Politics*. U.S.A.: Addison-Wesley Publishing Company.

# **AUTEUR DRAMA KEISLAMAMAN: MAKNA DALAMAN MIOR HASHIM MANAP**

**Wawarah Saidpudin<sup>\*1</sup>**  
**Md Rozalafri Johori<sup>1</sup>**  
**Wan Amizah Wan Mahmud<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

## ***Abstract***

*Different from other drama directors, the soul and art of Islamic drama directors are different. This is because the directors have a responsibility to preach and be in compliance with Islamic sharia. Thus, this study chooses prolific director, Mior Hashim Manap and his three Islamic dramas to identify in detail how far these dramas comply with Islamic sharia and preaching. Thus, by using the Auteur Theory by Andrew Sarris this study focuses on Mior's technical knowledge and creativity, personal influence on Mior's style and the interior meaning of the director's soul. This study uses qualitative content analysis on the production technique for the dramas as well as in-depth interviews with production crews who were involved in these dramas including Mior and two academics. The results showed that all three Islamic dramas have a characteristics of sharia-compliance and achieve the purpose of preaching. The results also showed that Mior has the characteristics that fits the Auteur Theory - he has the skills in technical knowledge, consistent personal style and his internal meaning seeks to ensure the dramas are in compliance with the Islamic sharia and preaching. In conclusion, Mior's main motive in these three dramas is to convey the message of the character (akhlak) of a Muslim according to Islamic sharia, which is also influenced by his personal experience in this industry and life.*

**Keywords:** *Islamic drama; Auteur theory; director's creativity; sharia-compliance drama*

### **Abstrak**

Menghasilkan drama keislaman, seni pengarahan dan jiwa pengarahnya berbeza dengan karya drama lain. Lebih istimewanya pengarah perlu menggalas tanggungjawab untuk menyampaikan dakwah serta mematuhi *syari'ah* Islam. Maka, kajian ini memilih pengarah prolific Mior Hashim Manap dan tiga drama Keislaman arahnya untuk meneliti sejauh mana drama Keislaman tersebut mematuhi *syari'ah* dan menyampaikan dakwah. Menggunakan teori Auteur yang dipelopori oleh Andrew Sarris, kajian ini memfokuskan pengetahuan teknis dan daya pengaryaan Mior Hashim Manap melalui drama keislaman arahnya, pengaruh peribadi Mior terhadap gaya kepengarahannya serta mengkaji makna dalaman yang terdapat dalam jiwa pengarah drama keislaman ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif terhadap teknik penerbitan ketiga-tiga drama tersebut serta wawancara mendalam bersama Mior, pelakon dan kru yang terlibat dengan penggambaran drama keislaman serta ahli akademik. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga drama keislaman yang dikaji ini mempunyai ciri-ciri patuh *syari'ah* dan menyampaikan dakwah. Manakala pengarahnya, Mior mempunyai ciri-ciri Auteur kerana mempunyai kemahiran dalam pengetahuan teknis, gaya kepengarahan tekal (konsisten) yang dipengaruhi oleh keperibadiannya dan makna dalaman beliau yang berusaha untuk memastikan drama keislaman arahnya mematuhi *syari'ah* dan menyampaikan dakwah. Kesimpulannya, motif utama Mior dalam ketiga-tiga drama ini adalah menyampaikan dakwah mengenai akhlak seorang islam berdasarkan kepada *syari'ah* Islam yang dipengaruhi daripada pengalaman peribadi Mior dalam industri dan kehidupan seni beliau.

**Kata kunci:** Drama Keislaman; Teori Auteur; Daya Pengaryaan Pengarah; Drama Patuh *Syari'ah*

## Pengenalan

Seseorang pengarah drama mempunyai kawalan yang sepenuhnya untuk menentukan motif unsur tampak (visual) yang dikehendaki termasuklah pemilihan syot, kesan cahaya, komposisi dalam bingkai (*frame*), pergerakan kamera, busana, solekan dan juga reka bentuk set penggambaran yang menyampaikan makna tertentu. Bagi drama keislaman, motif unsur-unsur ini perlu mematuhi *syari'ah* Islam dan unsur patuh *syari'ah* ini (Rosmawati dan Azimah 2016) wajar diangkat dalam drama yang berbentuk keagamaan yang selari dengan utusan (mesej) penyampaian dakwah tersebut.

Mior Hashim Manap, seorang pengarah prolifik yang berasal dari negeri Perak dan dilahirkan pada tahun 1955. Beliau dikenali sebagai pengamal seni yang banyak mementaskan teater pada tahun 1980 bersama Grup Teater Kreatif. Mior banyak terlibat dengan lakonan teater termasuklah pementasan perdana Dewan Bahasa dan Pustaka, Salina arahan Johan Jaaffar pada tahun 1984. Selain itu, Mior juga turut mengarah beberapa teater dan beliau mula bergiat serius dalam arena teater di bawah asuhan Allahyarham Mustafa Noor dan Shuhaimi Baba (Abdul Ghani 2009).

Melalui syarikat penerbitannya, *Al-Kahfi Pictures*, Mior lebih selesa untuk mengarah dan menerbitkan drama keislaman yang mematuhi *syari'ah*. Hasrat tersebut direalisasikan dengan melantik penasihat *syari'ah* yang terdiri daripada pendakwah untuk memastikan drama keislaman tersebut mematuhi *syari'ah*. Atas rasa tanggungjawab tersebut, Mior mengarah dan menerbitkan beberapa buah drama keislaman antaranya yang bertajuk *Cinta Kun Fayakun*, *Warkah Cinta* dan *Cinta dan Wahyu*. Ketiga-tiga drama ini mempunyai penasihat *syari'ah* dan turut merupakan penulis skrip drama tersebut iaitu Ustaz Ubaidillah Alias bagi memastikan drama keislaman tersebut mematuhi *syari'ah*.

Drama keislaman adalah alat dakwah untuk membina insan yang soleh dengan memaparkan utusan penceritaan dari segi nilai yang



baik yang tercakup di dalamnya unsur-unsur al-bir (kebajikan) dan at-Taqwa (Basir drk. 2009). Menurut Rugayah drk. (2012) drama dakwah adalah sebuah drama yang bertujuan untuk menyebarkan utusan dakwah mengenai didikan dan nilai Islam yang indah. Apabila tujuannya ingin menyampaikan dakwah ia perlu disampaikan dengan cara yang benar dan mematuhi *syari'ah* Islam kerana dakwah bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada kemungkaran.

Tujuan drama keislaman yang mematuhi *syari'ah* ini adalah untuk melindungi adab (etika) Islam dan adab melalui keseluruhan proses penghasilan drama dari mana-mana pencemaran terhadap tujuan sebenar utusan dakwah tersebut. Menurut Auda (2014) Allah S.W.T telah menjadikan *syari'ah* ini terbina berdasarkan hikmah-hikmah dan alasan (justifikasi) yang tercapai dek akal manusia dan tidak berbeza oleh kerana perbezaan bangsa dan adat. *Syari'ah* Islam ialah teras pengabdian kepada Allah, dibina di atas aqidah yang benar kepada Allah SWT dan juga panduan dalam menentukan langkah hidup seorang Muslimin ('Ali 2011). *Syari'ah* Islam diturunkan oleh Allah melalui al-Quran (Bowker 2006) yang menyentuh seluruh dimensi kehidupan baik yang terkait dengan kerohanian, aqal (intelektual), kebendaan (material) (Al-Khatib 2005) untuk memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia di dunia dan akhirat.

Kajian Hajar drk. (2017), telah membina lapan kriteria filem patuh *syari'ah* dan salah satunya adalah pakaian yang berpandukan *syarak* Islam merangkumi busana umum, busana lelaki dan busana wanita serta solekan yang tidak berlebihan. Siti Rugayyah (2002) telah menggariskan beberapa ciri-ciri dakwah dan patuh *syari'ah* yang perlu ada dalam sesebuah drama keislaman iaitu:

- a) Meninggalkan unsur-unsur bercanggah dengan aqidah Islam;
- b) Tidak bercanggah dengan *syari'ah* Islam;
- c) Tidak meninggalkan dan melalaikan kewajiban yang diperintahkan dalam agama Islam
- d) Kewajipan menutup aurat;
- e) Memelihara perhubungan dan adab pergaulan sesama manusia;

- f) Mengelakkan unsur-unsur pergaduhan dan permusuhan;
- g) Mengelakkan unsur-unsur menyakit dan merosakkan;
- h) Mengelakkan unsur-unsur perjudian;
- i) Mengelakkan unsur pembaziran; dan
- j) Meninggalkan ungkapan berbentuk kekufuran.

### ***Pengetahuan Teknis Pengarah***

Menurut Sarris (2004) pengetahuan teknis adalah nilai kriteria yang perlu diambil kira sebagai seorang pengarah. Kebolehan seseorang pengarah untuk mengurus dan mengimplementasi sesebuah bayangan tampak (visual) adalah melalui pengetahuan teknisnya. Jika seseorang pengarah itu mempunyai pengetahuan teknis yang bagus seperti menguasai teknik dan kaedah kepengarahan, maka dia boleh dinilai sebagai seorang pengarah. Ini bermaksud pengarah tersebut tidak hanya bergantung harap kepada kru teknis dalam menyampaikan bayangan tampak yang dikehendaknya namun mengetahui apa yang perlu ada untuk merealisasikan sesebuah tampak tersebut.

Pengetahuan teknis tersebut adalah berdasarkan kepada teknik penerbitan dan ciri-ciri kepengarahan yang digunakan oleh pengarah di dalam karyanya. Keadaan itu juga membuktikan bahawa pengarah mengetahui apakah peranti tampak yang dapat digunakan bagi mempunyai kesan untuk menarik penonton (Wood & Brown 2012) dan menjadi sumbangan kepada reputasi dan keunikan pengarah tersebut (Muehlenbruch 2014). Demirbas (2008) menambah bahawa pengetahuan teknis adalah kebolehan pengarah untuk memahami bahasa filem. Pengarah yang mempunyai pengetahuan teknis ini juga secara tidak langsung dapat mensimulasikan emosi dalaman watak dengan cara teknis dan filem yang sebenar (Flynn 2004).

### ***Gaya Peribadi Pengarah***

Gaya peribadi yang ditakrifkan oleh Sarris (2004) pula adalah gaya arahan pengarah yang tekal, unik dan dapat dikenalpasti melalui karya arahnya. Gaya itu dapat dikenalpasti dengan wujudnya motif dan ciri-ciri yang berulang-ulang dan sering digunakan oleh pengarah dalam karyanya (Brown 2012; Duma

2013). Keadaan itu juga menunjukkan apa yang disampaikan oleh pengarah tersebut tidak lari daripada apa yang difikirkan dan dirasai oleh pengarah secara peribadi (Duma 2013). Semakin banyak kita menonton karya arahan seseorang pengarah itu semakin jelas gaya peribadi pengarah tersebut yang dapat membezakannya dengan pengarah lain (Janstova 2006; Muehlenbruch 2014).

### ***Makna Dalaman Pengarah***

Makna dalaman ini wujud daripada keinginan pengarah dan cabarannya di antara tekanan yang unik antara pengarah dan material di persekitarannya (Sarris 2004) dalam menghasilkan karya yang terbaik. Makna dalaman itu mempunyai hubungan antara pengarah dan pengaruhnya terhadap filem tersebut. Keadaan itu dibentuk melalui pengalaman pola pemikiran dan pandangan pengarah terhadap dunia (Muehlenbruch 2014). Makna dalaman ini juga dapat dinilai melalui motif pengarah yang berulang kali ditekankan dalam karyanya (Husebye 2004; Pramagioree dan Wallis 2011).

Selain itu, makna dalaman juga adalah bagaimana pengarah berperang dengan situasi persekitaran dalam menghasilkan drama yang penuh daya pengayaan dan juga kekangan luaran seperti kefahaman kru dan pelakon terhadap drama keislaman yang perlu mematuhi *syari'ah*. Makna dalaman ini boleh wujud melalui proses penghayatan tanggungjawab dan amanah sebagai hamba Allah S.W.T dengan menganggap kerja yang dipikul sebagai ibadah dan diberi penilaian di dunia dan di akhirat (Mardzelah drk. 2012).

### ***Teori Auteur***

Teori yang menjadi dasar dalam kajian ini adalah teori auteur (kepengarangan) yang diasaskan oleh Francois Truffaut yang menamakannya sebagai *politique des auteurs* dan diterjemahkan oleh Andrew Sarris kepada teori Auteur untuk digunakan sebagai satu cara untuk meningkatkan kedudukan pawagam Amerika Syarikat berhubung dengan rakan sejawatannya dari Eropah, dan

untuk mewujudkan dewa pengarah kesukaan Amerika Syarikat dalam catatan teori Auteur tahun 1962 (Simpson drk. 2004).

Sarris mendakwa bahawa teori auteur menceritakan tentang pengaruh dan kawalan daripada seorang pengarah itu yang menentukan hala tuju sesebuah karya yang dihasilkan. Giannetti (2011) menjelaskan seorang pengarah mendominasi keseluruhan kesenian dalam pembikinan filem dan menjadikannya seorang pengarah yang kuat, seorang auteur dan bertindak membezakan hasil-hasil karya seseorang pengarah tersebut dengan pengarah yang lain (Pramagiorre dan Wallis 2011).

Teori Auteur (Raines 2009) boleh ditakrifkan sebagai teori pembikinan filem dengan melihat pengarah sebagai kuasa berdaya karya (kreatif) paling utama dalam sesebuah filem. Ia termasuklah dari segi mengarah, menulis lakon layar dan penghasilan sesebuah filem tersebut. Bagi mengaitkan teori auteur dengan pengarah drama televisyen, Coward (2000) menyatakan bahawa jika pengarah drama tersebut bagus dalam arahannya, maka drama yang dihasilkan di kaca televisyen memiliki kesenian yang baik daripada seorang auteur.

Menurut Sarris (2004) teori auteur juga melibatkan gaya keperibadian pengarah. Mereka menjadi pengarya bukan semata-mata bergantung kepada kebendaan (material) untuk menghasilkan karyanya ke layar kelir (skrin). Karya juga merupakan manifestasi daripada kaca mata pengarah melalui pengetahuan, prinsip, pandangan terhadap dunia dan wawasan seseorang pengarah. Kolker (2002) menjelaskan makna dalam ini juga boleh diperoleh melalui falsafah dan keunikan cara pengarah itu berfikir mengenai dunia dan kehidupan.

Teori auteur juga boleh dianalisis (Pramagiorre dan Wallis 2011) dengan mengambil pendekatan kajian terhadap kejauhan latar belakang seseorang pengarah tersebut memberi pengaruh dalam hasil karya tersebut. Lantaran kajian daripada Husebye (2004) membuktikan bahawa penulis kelir (skrin), Nora Ephron yang dikaji melalui teori Auteur ini menggunakan gaya dan tema yang berulang kali untuk menggambarkan motifnya bagi setiap filem yang dihasilkan.

Rennett (2012) memasukkan unsur-unsur untuk menggelar pengaruh kelahiran Sepanyol iaitu Pedro Almodovar sebagai Auteur. Dalam tulisannya, Rennett menjelaskan bahawa kebanyakan filem arahan Almodover menggunakan warna merah sebagai lambangan (simbolik) terhadap watak dan tema yang berulang membuatkan pengaruh ini berbeza dengan pengaruh lain. Warna merah tersebut adalah lambangan kepada tema kasih sayang, darah, kematian, dan agama yang mencerminkan kewarganegaraan Sepanyol oleh Almodovar sekaligus mewakili gaya peribadi pengaruh ini.

Sarris dalam catatannya tahun 1962 menjelaskan terdapat tiga premis di dalam teori Auteur seperti yang terdapat dalam model teori seperti di Rajah 1 (di Lampiran) yang mewakili pengetahuan teknis dan daya pengaryaan seseorang pengaruh, gaya peribadi kepengarahan dan juga makna dalaman pengaruh.

Premis pertama di bulatan luar adalah mengenai ilmu pengetahuan teknis dan juga daya pengaryaan yang ada di dalam diri pengaruh dalam menentukan hala tuju sesebuah karyanya. Premis kedua pula membincangkan apabila beberapa karya seorang pengaruh itu dikumpulkan, gaya kepengarahan seseorang pengaruh itu tidak akan dapat lari daripada pengaruh peribadi pengaruh tersebut yang turut menjadi sebahagian daripada identiti ataupun lambang pengarahan tersebut. Bulatan paling dalam iaitu premis ketiga pula adalah perkara yang paling penting iaitu makna dalaman yang merupakan kesedaran ‘dalaman’ ada dalam jiwa seseorang pengaruh tersebut yang berkait rapat dengan perjalanan karya yang dihasilkan.

### ***Permasalahan Kajian***

Zulkiple (2012) menjelaskan satu kelemahan ketara yang dikesan dalam teori komunikasi sarjana Barat ialah kegagalan untuk menghubungkan sumber komunikasi dengan sumber yang paling tinggi dalam kehidupan manusia iaitu dengan Yang Maha Pencipta. Teori Auteur memperlihatkan pengaruh mempunyai kuasa mutlak dalam pengarahannya seperti yang dibincangkan oleh sarjana barat (Giannetti, 2011 dan Raines, 2009). Berbanding dengan pengarahan drama keislaman yang bertujuan untuk

menyampaikan dakwah dan bukan hanya berasaskan kuasa pengarah semata-mata, kajian ini ingin melaksana (mengimplementasi). Teori Auteur dalam pengarah drama keislaman yang diarahkan oleh Mior Hashim Manap dan dikaitkan dengan ciri-ciri patuh *syari'ah* dalam menghasilkan drama keislaman.

Maka, bagi mengaitkan teori Auteur ini dengan kajian, pengkaji bertindak untuk mengaitkan antara ketiga-tiga premis yang diilhamkan oleh Sarris (2004) dalam teori Auteur dengan proses pembikinan drama Keislaman yang menyampaikan dakwah dan mematuhi *syari'ah* melalui pengarahnya. Tujuannya adalah untuk melihat sejauh mana falsafah dan prinsip yang dipegang oleh pengarah tersebut mempengaruhi drama keislaman yang diarahkannya.

### ***Kerangka Kajian***

Dengan pelaksanaan model Auteur daripada teori tersebut, pengkaji telah mereka bentuk sebuah kerangka kajian ini seperti di Rajah 2 (di Lampiran). Kajian ini akan mengkaji dengan lebih mendalam premis pertama dengan mengenal pasti pengetahuan teknis dan daya pengayaan (kreativiti) Mior Hashim Manap melalui teknik penerbitannya berdasarkan kepada ciri-ciri kepengarahan Mior dan kesejauhan (sejauh mana) unsur-unsur dakwah dan juga ciri-ciri patuh *syari'ah* yang terkandung di dalam drama keislaman arahnya.

Premis kedua iaitu gaya peribadi kepengarahan Mior, dikaji melalui penerbitan, daya pengayaan dan utusan drama yang dilihat tekal (konsisten) dan diulang-ulang melalui ketiga-tiga drama arahnya dan analisis dikaitkan dengan sifat keperibadian yang ada dalam diri Mior.

Premis yang terakhir sekali mengkaji makna dalaman Mior melalui cabaran dan tekanan yang ditempuh dan juga kehendak motif dalamannya dalam mengarah drama keislaman ini. Selain itu, makna dalaman ini juga dapat mencungkil kesejauhan motif Mior untuk menyampaikan dakwah dan memastikan drama keislaman arahnya mematuhi *syari'ah*.

### ***Tatakaedah Kajian***

Bagi kaedah kajian ini, seperti di Rajah 2 (di Lampiran), kerangka kajian menunjukkan ketiga-tiga premis tersebut akan dinilai melalui analisis kandungan drama arahan Mior yang bertajuk *Cinta Kun Fayakun*, *Warkah Cinta* dan *Cinta dan Wahyu*. Kajian ini juga wawancara secara mendalam Mior Hashim Manap dan juga beberapa kru yang pernah berada di bawah arahan beliau serta akademiawan untuk saling menguatkan lagi analisis kandungan drama tersebut dan menyempurnakan kajian terhadap ketiga-tiga premis teori Auteur ini.

Selain itu, ciri-ciri dakwah dan patuh *syari'iah* yang bersumberkan daripada kajian lepas oleh Rugayah (2000) akan dijadikan kayu ukur untuk melihat kesejauhan drama keislaman arahan Mior ini menyampaikan dakwah dan mematuhi *syari'iah*. Kajian menggunakan ciri-ciri dakwah dan patuh *syari'iah* daripada kerangka Rugayah (2000) atas rasional kerana kerangka teori ini mempunyai kaitan dengan penekanan yang perlu ada di dalam drama keislaman. Melalui kaedah penyegitigaan (triangulasi) analisis kandungan dan wawancara mendalam yang diperolehi melalui kemahiran teknis, gaya peribadi kepengarahan dan makna dalaman pengarah seperti yang digariskan oleh Sarris (1962) dan dibandingkan dengan kerangka teori ciri-ciri dakwah dan patuh *syari'iah* daripada kajian Rugayah (2000), pengkaji akan memperolehi proses utama bagaimana pengarah menyeimbangkan antara bakat kepengarahan yang ada padanya dengan tuntutan syariat yang digariskan di dalam Islam untuk menghasilkan drama keislaman.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

#### ***Pengetahuan Teknis dan Daya pengaryaan Pengarah untuk Menghasilkan Drama Keislaman***

Hasil kajian menemui bahawa Mior Hashim Manap adalah seorang yang berpengalaman dalam industri seni ini selama 40 tahun dan pengalamannya sebagai anak seni tidak dapat disangkal lagi kerana beliau pernah terlibat dalam seni teater, drama, dan

juga filem sebagai pelakon, penolong pengarah, penyunting dan juga pengarah.

Kajian mendapati Mior mempunyai pengetahuan teknis dan juga daya pengaryaan untuk menguruskan teknik penerbitan dalam drama keislaman arahnya berasaskan kepada ciri kepengarahan beliau yang tersendiri. Berdasarkan kepada wawancara bersama dengan Mior dan mereka yang pernah bekerja dengan beliau, senarai ciri kepengarahan utama Mior adalah pengarah yang berdisiplin, pengarah yang teliti, pengarah yang memimpin dan pengarah yang berpengetahuan dan beliau turut memberi kesan kepada pengetahuan teknis dan daya pengaryaan sebagai seorang pengarah.

Ciri kepengarahan utama Mior adalah disiplin yang diterapkan dalam dirinya bermula daripada pemilihan skrip sehinggalah drama tersebut di layar televisyen. Disiplin itu juga membuatkan dia tegas dalam mengawal kandungan skrip dalam drama dan juga teknik penerbitan termasuklah dari segi latar drama, set penggambaran, teknik penggambaran, busana dan solekan, bunyi dan lakonan watak yang digunakan dalam drama ini agar menyampaikan dakwah dan seterusnya mempunyai ciri-ciri pematuhan *syari'ah* Islam.

*“Satu perkataan je saya boleh describe En Mior ni adalah disiplin. Saya ingat lagi dia pernah cakap kalau kerja tak sebagus mana, disiplin awak kena jaga.”*  
(Yu Chee Boon, wawancara, 3 Disember 2014)

Ketelitian Mior dalam arahnya pula adalah tertumpu kepada syot yang digunakan, lakonan yang dimainkan oleh watak dan juga setiap babak yang ada. Misalnya, Mior sudah merancang dan melakar syot yang akan digunakan untuk penggambaran babak tersebut. Selain itu, ketelitian Mior terhadap setiap babak yang diarah tersebut membuatkan set penggambarannya mempunyai makna yang tersirat dan juga dakwah di sampingnya. Ketelitian dari segi aspek lakonan adalah bagaimana Mior ingin lakonan itu berjaya membawa watak tanpa unsur kepura-puraan tetapi sebaliknya bersifat semula jadi terutama yang melibatkan



akhlak sebagai seorang Islam. Mior berjaya mensimulasikan emosi dalaman watak dengan cara teknis dan drama yang sebenar. Ketelitian ini juga menjadikan hasil drama keislaman arahan beliau mempunyai ciri-ciri mematuhi *syari'ah* dan menyampaikan dakwah. Sifat ketelitian ini adalah sumbangan kepada keunikan dan reputasi yang ada pada Mior.

*“Dia juga detail terhadap lakonan. Saya tak pernah lagi jumpa seorang pengarah yang detail terhadap lakonan. Maksudnya dari segi, saya ingat lagi masa Warkah Cinta dimana Wardah dia lepas SPM, dia dapat result yang bagus, dia beritahu kat mak dia, so secara amnya, pelakon akan oh mak, saya dah habis belajar dan akan peluk, mak dia macam happy. Tapi Mior Hashim Manap ni kata dia tak nak macamtu, Dia kata asal nak tunjuk sangat anak dengan mak kasih sayang kepada penonton? Sedangkan korang da duduk 20 tahun kat rumah. So, benda tu macam wow, bagi saya la, something different bagi saya.”*

(Yu Chee Boon, wawancara, 3 Disember 2014)

*“Seorang yang sangat tegas dan sangat teliti ketika mengarah. Beliau sudah merancang setiap syot yang ingin dilakukan.”*

(Mardiana Alwi, komunikasi melalui mel-e 11  
Disember 2014)

Mior juga adalah seorang pengarah yang berpengetahuan. Dia mengetahui pemilihan jenis dan saiz syot yang dipilih dan seterusnya menyumbang kepada keselantaran (kontinuiti) untuk suntingan nanti. Selain itu, Mior juga tahu untuk memanfaatkan teknis penggambaran melalui pergerakan kamera dan juga pencahayaan di dalam drama ini. Pengalamannya di dalam bidang teater menjadikan Mior mahir untuk mengawal komposisi pelakon dan pembantu (*props*) dalam bingkai (*frame*) dan menyusun pengadangan (*blocking*) pelakon seperti di Gambar 1 (di Lampiran). Hal ini membuktikan Mior mengetahui penggunaan kesan teknis untuk menarik penonton.

*“Mior pandai bermain blocking pelakon. Sebab dia berasal dari teater, jadi dia cuba adaptasi blocking pelakon tu kepada media.”*

(Yu Chee Boon, wawancara, 3 Disember 2014)

*“Apa yang saya lihat, Abang Mior mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi dari sudut "editing". Kepakaran inilah yang membantu menjimatkan masa penggambaran kerana beliau sudah tahu apa yang perlu dilakukan.”*

(Mardiana Alwi, komunikasi melalui mel-e, 11 Disember 2014)

Drama ini adalah adaptasi dari novel, namun Mior tidak mengikut skripnya 100% seperti di dalam novel. Dengan pengetahuan yang dimilikinya dalam penghasilan drama dan kemampuannya memahami bahasa drama dan peranannya untuk mengolah skrip membuatkan beliau berunding dengan penulis skrip tersebut untuk mengubah skrip mengikut kesesuaian teknis drama dan juga isu-isu semasa. Pengetahuan Mior terhadap daya pengaryaan sebagai seorang pengarah juga terserlah apabila beliau mampu mengolah skrip drama-drama tersebut terutama yang melibatkan babak negatif dan beberapa babak lain untuk disampaikan secara tampak (visual) agar turut mematuhi *syari'ah* Islam dan berjaya menyampaikan utusan dakwah Islam kepada penonton.

*“Cuma beberapa tempat yang saya buat kesesuaian. Novel ini bila dibaca memang menarik cuma nanti penonton akan tertanya apa itu, apa ini. Contohnya dalam novel, ayahnya itu, bukan seorang tauke pun, tetapi disini kelemahan skrip tidak diberitahu apa pendapatan keluarganya. Saya cadangkan kepada penulis jadikan bapa dia ni ada kilang batik dan industry kecil yang diuruskan oleh isteri dan bapanya suka main judi bila kalah jumpa isteri.”*

(Mior Hashim Manap, wawancara, 1 Disember 2014)

*"Semua novel yang diadaptasi tidak akan mengikut cerita asal 100%. Ini bagi menyesuaikan bajet drama dan juga menyeimbangkan bilangan pelakon. Apa yang utama di sini ialah mesejnya dan wataknya masih membawa karakter yang sama. Dalam hal ini saya sangat selesa dengan cara En Mior yang sentiasa berunding dan berbincang sebelum dia memutuskan untuk membuat perubahan. Malah dia sentiasa meminta izin jika ada sesuatu yang dirasakan tidak sesuai dalam skrip."*

*Kesukaran mendapatkan syot di lokasi menyebabkan kami terpaksa mengubah banyak benda. Termasuk penghujung drama Cinta dan Wahyu, ia berakhir dengan Amir memberi salam kepada Balqis. Sedangkan skrip asalnya berbeza."*

(A. Ubaidillah Alias, wawancara melalui mel-e, 11 Disember 2014)

*Sebenarnya, babak itu pun ditukar, skrip asal bukan macamtu. Dia bawak sekuntum mawar untuk Wardah, Mawar dalam bahasa Arab sinonim kepada Wardah, tetapi pada masa dia nak bagi kepada Wardah, dia jatuhkan dan pijak. Sebenarnya nak bagi tahu kenapa Wardah ni cuba untuk menyakitkan diri dia sendiri. Macam bunga mawar tu sendiri. Bunga mawar tu dia cantik, hidup subur, dan boleh mencantikkan alam sekeliling, tapi dia cuba merosakkan diri dia, menyakitkan diri, tak makan, macam mawar yang kena pijak la. Sebenarnya En Mior cuba nak sampaikan sinonim ni kepada penonton.*

(Yu Chee Boon, Wawancara, 3 Disember 2014)

Selain itu, menjadi pengarah untuk drama keislaman adalah satu tanggungjawab yang besar untuk Mior memimpin kru dan pelakon yang terlibat agar menghasilkan drama yang

mematuhi *syari'ah* Islam. Rata-ratanya adalah mereka yang bukan berlatarbelakangkan agama. Lantaran, Mior mengambil pendekatan untuk menjelaskan kepada kru dan pelakon agar mematuhi *syari'ah* Islam dalam penerbitan drama ini dan juga menjelaskan apakah kehendak dan konsep yang ingin ditumpukan oleh Mior dalam drama-drama ini sebagai cara untuk memimpin mereka dalam menentukan hala tuju drama dan tujuan itu diperkuatkan dengan persembahan busana yang menutup aurat dan solekan yang tidak berlebihan. Selain itu, bagi pelakon, Mior memberikan kebebasan untuk mereka menjayakan watak, tetapi jika ada kesilapan, Mior akan menegur mereka dengan cara yang hormat.

***Pengaruh Peribadi Pengarah Terhadap Gaya Kepengarannya Untuk Menghasilkan Drama Keislaman.***

Mior adalah seseorang yang bersifat pemalu dan juga peka. Sifat ini turut dimasukkan dalam gaya kepengarahan beliau melalui teknik bayang seperti babak solat, mengaji, berdoa dan juga babak Amir yang memakai kerudung kepala ketika sedang menahan sakit. Teknik bayang seperti di Gambar 2 (di Lampiran) ini secara tidak langsung menjelaskan keperibadian Mior yang cenderung untuk menyembunyikan ibadah kepada Allah S.W.T. dan menyerahkan segala pengharapan hanya kepada Allah tempat manusia mengadu segala-galanya dan meluahkan kesepian di tengah malam serta kerinduan sebagai hamba kepada Penciptanya melalui ibadah.

*Jika saya bermain bayang adalah watak kedua dalam dirinya dan banyak karya saya bermain dengan bayang, kesan kerohanian bukan sahaja dari sudut agama, tetapi dari sudut kemanusiaan itu kuat. Kita cuba berkias, kadang-kadang penonton ni kita bagi secara direct dia menolak, tetapi kalau kita bermain dengan kiasan, dia tak sedar, tapi kiasan itu menghala kepadanya. Sebab itu saya suka bermain bayang sebab bayang ni juga simbol kepada kesepian, kepuraan, simbol kepada hilang keyakinan, dan*

*saya banyak kepada simbol kesepian. Bercakap tanpa dilihat.*

(Mior Hashim Manap, wawancara, 1 Disember 2014)

Mior juga adalah pengarah yang ingin mendidik penonton dan berkongsi kepuasan drama yang dihasilkan tersebut bersama penonton. Hal ini berdasarkan kepada teknik kamera Mior yang tekal (konsisten) seperti zum penjejakan (*tracking zoom*) untuk membantu penonton merasai apa yang ingin dirasai oleh watak tersebut, manakala penggunaan fokus nyahfokus adalah cara untuk Mior memandu penonton untuk fokus kepada apa yang ingin disampaikan oleh watak dalam dialog yang dituturkan ataupun melihat reaksi pelakon tersebut. Itu adalah cara Mior mendidik penonton agar menjadi seorang pendengar yang baik dan berupaya menyampaikan kata-kata yang baik untuk tidak mengguris perasaan orang lain.

Selain itu, Mior juga sangat menghargai apa sahaja yang berada di sekelilingnya dan suka memerhati kebesaran ciptaan Allah. Lantaran, peribadi ini juga turut digambarkan melalui drama-drama keislaman arahnya seperti melalui syot terhadap laut, kapal terbang, lapangan terbang, pantai, sungai dan laut seperti contoh di Gambar 3 (di Lampiran). Secara tidak langsung ia juga menggambarkan peribadi Mior yang akan melepaskan kesepiannya dengan memerhatikan kebesaran Allah.

Mior turut berkongsi bahawa beliau merasa satu kerugian apabila pada waktu remaja dibiarkan sia-sia dengan tidak mendekati tokoh-tokoh sejarah walaupun peluang tersebut berada di depan mata. Peribadi ini juga turut mempengaruhi Mior melalui set penggambaran dan lokasi yang dipilihnya. Misalnya, apabila di Kelantan, lokasi-lokasi yang melambangkan negeri Kelantan ditonjolkan seperti kilang mencanting batik, kampung nelayan dan seperti di Gambar 4 (di Lampiran), lokasi perusahaan keropok merupakan ilmu dan sejarah lokasi yang ingin dikongsikan oleh Mior kepada penonton.

Selain sejarah, Mior juga merasa bertanggungjawab menyampaikan dakwah Islam melalui unsur-unsur yang

mendekatkan seseorang itu kepada didikan yang berpaksikan kepada agama Islam. Hal ini diamalkan oleh beliau melalui aspek lokasi, tunjangan (*props*), busana yang menutup aurat, dialog, set penggambaran hinggalah perwatakan sebagai medium memperkenalkan keindahan Islam kepada penonton. Contohnya seperti di Gambar 5 (di Lampiran), menunjukkan pemilihan sekolah pondok untuk memartabatkan ilmu kitab-kitab lama. Gambar 7 (di Lampiran), memaparkan sesi tazkirah yang dibuat secara halaqah oleh pelajar-pelajar pondok mengenai isu semasa, pelajar-pelajar yang tidak lekang dengan kitab dan hafazan al-Quran untuk menunjukkan akhlak orang Islam dan kepentingan ilmu dalam Islam.

Peribadi Mior yang inginkan kejujuran dalam setiap karyanya membuatkan hasil drama keislaman arahnya adalah drama yang mempunyai mesej yang benar-benar melambangkan kepada agama Islam tersebut. Maka pemilihan Imam Muda Nazrul sebagai watak utama adalah bagaimana Mior percaya bahawa agama itu perlu dibawa berdasarkan kepada akhlak yang benar di dalam mahupun di luar drama. Mior juga cuba mengelakkan kepura-puraan dalam menyampaikan dramanya apabila dia cuba menyeimbangkan dengan tidak keterlaluan untuk menunjukkan tunjangan yang berunsurkan keislaman tetapi menumpukan akhlak yang dibawa oleh watak kerana baginya sahsiah itu adalah penting dalam menjadikan seseorang Islam yang beriman. Hal ini juga menguatkan analisis kandungan kerana tunjangan yang berunsurkan keislaman itu tidak diletakkan sahaja tetapi mempunyai makna yang bersesuaian dengan babak tersebut kerana sifat Mior yang akan membuat kajian agar benar-benar memahami skrip dan perwatakan drama arahnya ini.

Kejujuran Mior berkarya itu bukan sahaja terhadap agama Islam, tetapi turut disampaikan melalui kenyataan (*realiti*) kehidupan yang dipaparkan dalam drama tersebut. Misalnya set penggambaran yang menggunakan jalan raya yang berlopak, peti ais yang usang, cermin yang retak adalah keunikan yang ada pada kepengarahan Mior untuk membiarkan set penggambaran tersebut untuk bercerita tanpa memerlukan dialog. Bagi teknik penggambaran adalah dengan mengambil syot subjek di balik

objek seperti syot watak di balik lalang, jerejak/jeruji (*grill*), cermin retak, tingkap dan sebagainya seperti di Gambar 9 (di Lampiran). Ia adalah cara untuk Mior mengajak penonton melihat dunia yang mungkin dekat dengan mereka ataupun sekurang-kurangnya mereka boleh mempelajari dunia yang mungkin berbeza dari kehidupan mereka.

Melalui kejujuran Mior dan sifatnya yang tidak berpura dalam karya mendapati Mior menggunakan daya pengaryannya (kekreatifannya) dan menghasilkan seni estetika dan juga pada masa yang sama masih tetap menumpukan kepada unsur-unsur dakwah Islam yang membawa penonton kepada Allah S.W.T. Selain itu, keperibadian Mior yang mempercayai kepada bakat baru turut dibuktikan dengan keberanian Mior mengambil pelakon yang kebanyakannya adalah muka baru seperti Imam Muda Nazrul yang memegang watak utama. Hal ini adalah kerana beliau percaya setiap orang memiliki potensi seperti dirinya yang dahulu pemalu tetapi disebabkan kesungguhannya dan dorongan orang yang dikaguminya, membuatkan dia bertahan dalam industri seni dalam tempoh yang lama.

Penjelasan terhadap gaya kepengarahan Mior dan pengaruh keperibadiannya, menunjukkan apa sahaja yang disampaikan oleh Mior melalui utusan dan teknik penerbitannya adalah sama dengan apa yang difikirkan dan dirasai oleh pengarah secara peribadi. Gaya peribadi kepengarahan Mior ini juga dikumpulkan melalui ketiga-tiga dramanya dan ini membezakan Mior dengan pengarah lain.

### ***Makna Dalaman Yang Terdapat Dalam Jiwa Pengarah Drama Keislaman***

Melalui gaya kepengarahan yang tekal (konsisten) dan dikaitkan dengan sifat peribadi Mior, kajian mendapati motif utama Mior dalam mengarahkan tiga drama keislaman ini adalah kerana keinginan utamanya yang ingin menyampaikan dakwah melalui drama yang berbentuk keislaman dan mematuhi *syari'ah*. Walaupun Mior bukanlah seorang agamawan, tetapi atas tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai sahamnya di akhirat

nanti, membuatkan Mior memulakan perjalanannya sebagai pengarah drama keislaman.

Atas rasa tanggungjawab itu, Mior bergabung dengan agamawan untuk mengadaptasi novel yang ditulis oleh Ustaz Ubaidillah Alias. Menyedari kekurangan beliau yang bukan seorang yang pakar dalam bidang agama, Mior melantik ustaz tersebut untuk menjadi penasihat *syari'yah* bagi memastikan drama keislaman arahnya mematuhi *syari'yah*. Hal ini kerana Mior beranggapan tanggungjawabnya sebagai seorang pengarah meliputi segala aspek termasuklah menanggung dosa jika mengarahkan sesuatu yang bertentangan dengan *syari'yah* Islam.

*“Kita sebagai Islam pula, kita wajar memikirkan inilah yang kita harus bawa ke sana nanti dan dalam proses itu, sesuatu perlu kita lakukan sedikit dalam karya kita supaya karya kita di dalamnya ada sedikit sentuhan keagamaan, pencerahan, kemurnian, bukan sahaja menjadi keluarga yang bahagia di dunia, tetapi menjadi bahagia di dunia dan akhirat.”*

(Mior Hashim Manap, wawancara, 1 Disember 2014)

Sehubungan dengan itu, motif utama Mior dalam ketiga-tiga drama ini dikenal pasti melalui ketegasan Mior untuk penjagaan aurat pelakon ketika berlakon dan juga hubungan antara watak lelaki dan wanita adalah berasaskan kepada kesedaran Mior terhadap maksiat kecil yang selalu berlaku di sekitarnya. Motif Mior ini adalah kerana pandangan beliau terhadap perkara yang berlaku dalam sekitar industri seni.

Hal ini menyebabkan dia berusaha untuk menyampaikan utusan melalui drama mengenai zina hati, zina mata, dan zina mulut yang bukan sahaja menumpukan kepada perasaan cinta antara lelaki dan wanita tetapi juga sebenarnya adalah kerana kesedaran beliau yang inginkan penghijrahan dalam industri seni ini dengan memandang berat terhadap isu patuh *syari'yah* ini. Ia juga sebagai usaha Mior untuk mengajak pelakon-pelakon wanita tersebut melalui proses penghijrahan melalui lakonan mereka sebagai bukan suatu kepuraan. Motif Mior ni juga adalah daripada



falsafah hidupnya bahawa pengarah drama keislaman mengharapkan penonton dan mereka yang bekerja dengannya bebas daripada kejahilan dan menemui hidayah Islam yang sebenarnya melalui drama arahnya.

Selain itu, makna dalaman Mior juga terhasil daripada motif Mior yang berulang kali menekankan akhlak yang baik melalui watak utama yang dibawakan dalam ketiga-tiga drama ini. Apabila watak-watak tersebut berakhlak dengan baik, mematuhi perintah Allah, akhirnya dia akan mendapatkan ganjaran pahala dan juga kesenangan hidup di dunia dan akhirat. Misalnya watak utama dalam *Cinta Kun Fayakun* menunjukkan Rahman seorang lelaki yang datang dari keluarga yang susah, tetapi disebabkan kebaikan akhlaknya, di akhir cerita dia mendapat isteri yang solehah dan juga mendapat pekerjaan yang tetap di syarikat ayah mertuanya.

Manakala drama *Warkah Cinta* pula mengisahkan tentang akhlak Amir yang dipegang oleh Imam Muda Nazrul sebagai seorang pelajar agama yang baik dan sentiasa menurut perintah Allah diuji dengan kehadiran Wardah. Namun dia tetap berusaha membatasi hubungannya dengan Wardah tetapi diuji sekali lagi apabila disahkan menghidap penyakit tumor otak. Drama itu kemudiannya disambung dengan drama *Cinta dan Wahyu* apabila watak Amir mengumpul kembali kekuatannya untuk sembuh dan membina keperibadian Muslimnya dengan bersabar atas ujian Allah. Mior juga cuba menonjolkan watak wanita Balqis yang berpurdah dan zuhud serta tidak mengejar keduniaan. Akhirnya, drama ini diakhiri dengan Amir berkahwin dengan Balqis.

Di sini jelas, Mior menonjolkan kepentingan akhlak yang perlu dipikul oleh watak utama sebagai motif dakwahnya. Risiko yang diambil dengan pemilihan Imam Muda Nazrul sebagai watak utama adalah usaha dan niat yang ingin Mior tunjukkan kepada penonton mengenai kebenaran dan keindahan Islam melalui orang yang benar-benar mempunyai pengetahuan agama Islam agar mengelakkan kekeliruan dalam kalangan penonton. Utusan dakwah juga disampaikan kepada pengamal media bahawa bukan sahaja kepopularan atau kecantikan yang dipandang semata-mata tetapi seharusnya untuk menyampaikan kebenaran agama melalui

drama adalah melalui orang yang benar-benar memahami agama, lancar bacaan al-Qurannya dan seterusnya menunjukkan imej agama Islam yang sebenar di dalam ataupun di luar drama.

Makna dalaman Mior ini juga terserlah melalui tekanan yang dihadapi apabila dia perlu memastikan drama ini mematuhi *syari'ah* dan dalam masa yang sama apabila kekurangan pemahaman oleh kru dan pelakon mengenai kepentingan patuh *syari'ah*. Hal ini boleh mengakibatkan usaha Mior untuk mematuhi *syari'ah* mempunyai celanya. Hal ini berlaku terutama dari aspek pemakaian pelakon tambahan wanita kerana menampakkan aurat wanita iaitu lengan seperti dalam drama *Cinta Kun Fayakun* dan *Warkah Cinta*.

Akan tetapi, seperti hasil wawancara bersama Mior, tekanan itu sebenarnya sudah pun diatasi oleh beliau dengan menjelaskan kepada pelakon dan kru agar mematuhi *syari'ah* Islam dan jika ada hukum yang tidak dipatuhi oleh kru dan Mior terlepas pandang, sekurang-kurangnya Mior sudah menjalankan tanggungjawab dengan memberitahu kepada mereka bahawa beliau tegas menginginkan drama keislaman yang mematuhi *syari'ah*. Hal ini turut disokong dengan kenyataan daripada Dr. Ustaz Mohd Mustaffa bahawa pengalaman itu boleh dijadikan sebagai proses pembelajaran untuk Mior membuat penambahbaikan drama keislamannya sehingga ia mematuhi *syari'ah* yang sebenar.

Perkara ini dibuktikan melalui analisis drama *Cinta dan Wahyu*, yang keseluruhan watak wanita sama ada utama atau tambahan termasuklah mereka yang bekerja di perusahaan keropok untuk memenuhi bingkai (*frame*) dilihat memelihara auratnya melalui pemakaian sarung tangan, menunjukkan Mior peka terhadap kelemahan dan hukum yang beliau terlepas pandang dalam dua drama arahnya sebelum itu. Ini juga membuktikan Mior memandang serius terhadap motif kepentingan menutup aurat yang ingin disampaikan melalui dramanya dan juga perasaan amanahnya sebagai hamba Allah yang berjanji untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai hamba yang soleh.

Selain itu, drama ini juga lambang penceritaan rentetan kehidupan bagaimana Mior yang bukan seorang agamawan tetapi

berkeinginan untuk menghasilkan drama keislaman dengan berusaha memastikan drama keislamannya mematuhi *syari'ah*. Kesilapan itu sebenarnya mengajar beliau untuk lebih peka terhadap kepentingan menjaga hukum hakam terhadap peraturan Islam dan sebagai proses pembelajaran untuk semakin bertambah baik dari satu drama ke satu drama terutamanya mengenai aurat wanita yang menjadi motif utama beliau.

Mior juga mengatasi kehendaknya yang ingin mematuhi *syari'ah* tetapi dalam masa yang sama perlu menyampaikan utusan yang positif melalui babak negatif. Mior membuktikan daya pengaryannya tidak terbantut hanya kerana kawalan *syari'ah* malahan lebih membantunya untuk memerah idea bagi menghasilkan drama yang mempunyai ciri-ciri mematuhi *syari'ah* Islam.

Walaupun mengalami pelbagai cabaran seperti pemilihan pelakon, kru yang terlibat, kehendak stesen, pemikiran dan mentaliti masyarakat yang menganggap patuh *syari'ah* ini seolah-olah adalah baharu, namun Mior berusaha untuk meneruskan jalan dakwahnya secara perlahan-lahan kerana prinsipnya jika seseorang itu membuat sesuatu kerana agama Islam, dia akan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Mior ingin berusaha mengislamkan dramanya dan menggunakannya sebagai medium dakwah agar dapat menyampaikan utusan mensejahterakan masyarakat termasuklah penonton, pelakon dan kru sama ada di dunia atau di akhirat.

Falsafah hidupnya yang ingin diterangkan kepada semua pengamal media dalam industri seni termasuklah stesen, pelakon ataupun masyarakat sendiri, jika kejayaan itu tidak diperolehi di dunia seperti pangkat, nama, atau keuntungan tetapi kejayaan di akhirat sedang menanti kita kerana usaha dakwah yang dijalankan kerana Allah.

### ***Auteur Drama Keislaman: Makna Dalaman Mior Hashim Manap***

Hasil kajian juga menemui Mior adalah seorang Auteur Drama Keislaman kerana menghasilkan drama yang bagus untuk menyampaikan dakwah dan mematuhi *syari'ah* melalui ketiga-

tiga premis yang terdapat di dalam teori Auteur iaitu pengetahuan teknis, gaya kepengarahan dan makna dalaman.

Untuk premis pertama dapat dikenal pasti melalui ketiga-tiga drama ini bahawa Mior mempunyai pengetahuan teknis dan daya pengaryaan untuk menghasilkan sebuah drama keislaman. Hal ini adalah kerana ciri-ciri kepengarahan Mior iaitu teliti, memimpin, berpengetahuan, dan juga disiplin membuatkan Mior dapat mengawal proses penggambaran drama tersebut termasuklah daripada skrip, lakonan, babak, busana, bunyi, muzik latar belakang, pemilihan lokasi, dan teknik penggambaran yang digunakan dan segala-galanya mendominasi keseluruhan kesenian dalam pembikinan drama. Pengetahuan teknis dan daya pengaryaan itu adalah bersandarkan kepada dakwah Islam dan juga ciri-ciri yang mematuhi *syari'ah*.

Bagi premis kedua pula, hasil kajian mendapati gaya peribadi kepengarahan Mior juga berbeza daripada pengarah lain kerana ia turut dipengaruhi oleh sifat peribadi dan pemikirannya melalui penyampaian teknis yang digunakan secara tekal dan juga utusan dakwah yang ditekankan. Antara teknik penggambaran yang tekal digunakan oleh Mior adalah teknik bayang, fokus nyah-fokus dan juga zum penjejakan (*tracking zoom*) serta syot subjek di balik objek adalah kerana pengaruh daripada sifatnya yang pemalu dan ingin kepuasan daya pengaryaan itu dikongsi dan turut membantu penonton memahami makna tersirat yang ada di dalam drama tersebut.

Pemilihan latar drama yang dipilih oleh Mior juga adalah kerana pengaruh daripada sifatnya yang suka menghargai kebesaran ciptaan Allah dan perkara yang berada di sekelilingnya. Selain itu, sifat Mior yang suka berkongsi ilmu dan menyampaikan dakwah juga membuatkan Mior cenderung untuk memasukkan unsur-unsur didikan Islam di dalam setiap daya pengaryannya termasuklah melalui set penggambaran atau pun watak yang dilakonkan. Selain itu, drama ini turut dipengaruhi oleh sifat Mior yang tidak suka kepuraan dan mementingkan kejujuran dalam berkarya apabila Mior cenderung memasukkan unsur kenyataan seperti kehidupan yang benar-benar berlaku di

persekitaran dalam set penggambarannya untuk mendekati lagi penonton dengan hasil daya pengaryaannya.

Bagi premis ketiga yang menjelaskan mengenai makna dalaman Mior adalah tekanan daripada falsafah hidupnya yang ingin mencapai kejayaan di dunia dan akhirat dengan menyampaikan dakwah dan berusaha memastikan drama keislamannya mematuhi *syari'ah* Islam. Menyedari kekurangan dirinya yang bukan seorang agamawan, Mior mengatasi kelemahan itu dengan bergabung bersama dengan ahli agamawan untuk menghasilkan drama keislaman. Selain itu, Mior juga menjelaskan kepada kru-krunya untuk dipastikan drama tersebut mematuhi *syari'ah* Islam. Motif yang berulang dan ditekankan oleh Mior dalam drama ini juga adalah berdasarkan kepada pandangannya terhadap dunia seni mengenai maksiat kecil yang sering berlaku dan perkara ini ditonjolkan di dalam dramanya dengan memandang berat terhadap penjagaan aurat pelakon, hubungan antara pelakon lelaki dan wanita dan juga penjagaan akhlak yang digambarkan melalui pelakon utama. Makna dalaman ini dapat dilihat melalui model kepengarangan Mior seperti di Rajah 3 (di Lampiran).

Manakala Rajah 4 (di Lampiran) di bawah menunjukkan model kepengarangan Mior yang diselarikan dengan 10 ciri dakwah dan patuh *syari'ah* daripada kajian Rugayah (2000) yang diperolehi melalui perbincangan penemuan terhadap tiga objektif kajian ini. Berdasarkan hasil analisis kandungan drama keislaman arahan Mior dan wawancara mendalam, secara keseluruhannya, ciri 6,7,8,9,10 memenuhi ruang premis ketiga iaitu pengetahuan teknis Mior yang diselarikan dengan ciri dakwah dan patuh *syari'ah*. Manakala ciri dakwah dan patuh *syari'ah* 1,2,3,4 dan 5 memenuhi ketiga-tiga premis kepengarahan Mior iaitu dalam pengetahuan teknis, gaya peribadi dan makna dalaman Mior.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga premis, hasil kajian menemui, Mior mempunyai ciri-ciri Auteur yang telah digariskan dalam teori Auteur ini kerana beliau mempunyai pengetahuan teknis, dan gaya kepengarahannya juga turut dipengaruhi oleh sifat peribadinya, dan makna dalamannya yang melahirkan motif utama

yang diulang-ulang dan ditekankan ingin ditunjukkan oleh Mior dalam drama ini kepada penonton. Namun hasil kajian menemui perbezaan untuk makna dalaman Mior iaitu pengarah tidak boleh menjayakan sesebuah filem itu dengan usahanya sendiri, tetapi dijayakan bersama-sama dengan setiap ahli kru. Hal ini adalah kerana drama yang dihasilkan oleh Mior adalah drama keislaman yang memerlukan gabungan daripada Mior dengan agamawan dan juga kerjasama seluruh kru untuk menghasilkan drama yang mematuhi *syari'ah* dan menyampaikan dakwah.

Perbezaan ini terjadi adalah kerana, teori Auteur ini adalah teori yang mengangkat kehebatan individu sehingga mendewakan pengarah tersebut kerana kehebatan dan kuasa yang ada padanya untuk menentukan hala tuju karyanya. Berbanding dengan didikan yang diajar dalam Islam, kehebatan dan kuasa yang hakiki itu hanya milik Allah S.W. manakala kemahiran, kuasa, dan pangkat yang dimiliki oleh individu itu tidak akan kekal kerana ia hanya pinjaman daripada Allah S.W.T dan perkara inilah yang menjadi lompong utama dalam teori Auteur ini.

## **Kesimpulan**

Hasil kajian yang diperoleh melalui analisis kandungan terhadap tiga drama keislaman ini dan wawancara mendalam bersama pengarah drama ini telah membuktikan bahawa untuk menjadi Auteur drama keislaman adalah pengarah drama perlu benar-benar mematuhi *syari'ah* Islam dan bakat seni yang dianugerahkan Allah kepadanya digunakan bertujuan untuk menyampaikan dakwah. Auteur keislaman juga meletakkan sandaran utama sepenuhnya kepada Allah S.W.T kerana itu adalah kunci utama dalam diri seseorang hamba-Nya.

Teori auteur dari segi pandangan keislaman adalah bukannya bertujuan untuk membuktikan pengarah ini lebih sempurna dan lebih hebat daripada pengarah lain, tetapi adalah bertujuan untuk mengkaji pengetahuan teknis, gaya kepengarahan dan makna dalaman yang dirasakan oleh pengarah drama keislaman dan sumbangannya kepada drama keislaman yang mematuhi *syari'ah* dan menyampaikan dakwah. Keseluruhannya, kajian mendapati tanggungjawab dan rasa amanah yang dipikul terhadap

anugerah seni yang dikurniakan Allah S.W.T kepada seseorang pengarah itulah yang akhirnya melahirkan makna dalaman untuk pengarah menyampaikan dakwah melalui drama arahnya dan seterusnya memastikan drama tersebut mematuhi *syari'ah* Islam.

## Rujukan

- 'Ali M.H. (2011). *Syakhshiyatul Muslim: Membentuk Peribadi Muslim Ideal Menurut Al-Quran dan As-Sunah*. Terj. Gozali J. Sudirjo & Asep Sobari. Jakarta: Al-I'thishom.
- Al Khatib A.K. (2005). *Ijtihad: Menggerakkan Potensi dinamik Hukum Islam*. Terj. Ach. Maimun Syamsuddin & Abdul Wahid Hasan. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Auda J. (2014). *Mudahnya Maqasid Syari'ah*. Terj. Marwan Bukhari. PTS Keislamana Sdn Bhd: Batu Caves.
- Basir A, Sabri.H & Yusri.N.M (2009). Kebebasan media komunikasi menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 1(2): 65-82.
- Bowker J. (2006). *What Muslims Believe*. Oxford: One World
- Coward R. Dennis Potter and the question of television author. (2000) Dlm. Stam, R & Miller, T. (pnyt). *Film and Theory: An Anthology*, hlm. 7-16. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Demirbas Y. (2008). Video games and auteur theory. *International Design and Cinema Conference, Design Cinema*. Istanbul Technical University, Faculty of Architecture, Istanbul. 19 – 22 November.
- Duma D. (2013). Nae Caranfil and “Maximalist” Aesthetics. *Close Up: Film and Media Studies*, 1 (1): 20-31
- Flynn J. (2004). Making 10 Months: An Application of the Auteur Theory of Filmmaking Tesis Kedoktoran. School of Interdisciplinary Studies, Miami University. [https://etd.ohiolink.edu/ap/10?0::NO:10:P10\\_ACCESSION\\_NUM:muhonors1110914891](https://etd.ohiolink.edu/ap/10?0::NO:10:P10_ACCESSION_NUM:muhonors1110914891) [10 MEI 2014]
- Ghani A.A (2009). Pengurusan persembahan: pengalaman peribadi di belakang tabir penerbitan sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu. *Jurnal Melayu*, 4:91-109.


- Giannetti L. (2011). *Understanding Movies*. United States: Pearson Education.
- Husebye M. S. J. (2004). The screenwriter as auteur: assessing the writer's contribution in contemporary hollywood: Nora Ephron's *Heartburn*, *When Harry Met Sally* and *You've Got Mail*. Tesis Kedoktoran. Universiti Chapman, United States.  
<http://search.proquest.com/docview/305054832?accountid=41453> [30 Mei 2014]
- Janstova P. (2006). Empirical Testing of Auteur Theory Via Content Analysis: A Study of Jane Campion Films. Tesis Kedoktoran. Cleveland State University.  
<http://academic.csuohio.edu/kneuendorf/vitae/Janstova06.pdf> [12 September 2014]
- Kolker R. (2002). *Film, Form and Culture*. New York: Mc Graw Hill.
- Mardzelah M., Halim A.b.T, Aderi M.C.N, & Fadhli M.I. (2012). Hisbah Pembelajaran Kendiri dalam Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1): 45-60.
- Muehlenbruch A. M. (2014). Dominant gazes: theatre of the absurd, auteurism, and mise-en-scene in Jerzy Grotowski's *Akropolis* and Stanley Kubrick's *Dr. Strangelove*. Tesis Kedoktoran, Faculty of the Department of Theatre Arts. California State University, Sacramento.  
[handle/10211.3/122255/AnnMarieMuehlenbruch\\_FULL%20THESIS-Final.pdf?sequence=2](http://handle/10211.3/122255/AnnMarieMuehlenbruch_FULL%20THESIS-Final.pdf?sequence=2) [12 September 2014]
- Opir H., Mohammed Y., Luqman A., Norrodzoh Bt. H.S., Yusmini M. Y., & Wan Yusnee A. (2017). Pembinaan Kriteria Filem Patuh Syari'yah di Malaysia. *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 12: 71-91.
- Pramagiorre M. & Wallis T. (2011). *Film: A Critical Introduction*. Laurence King Publishing: London
- Raines H. J. (2009). Auteur direction, collaboration and film music: Re-imaginings in the cinema of Rodriguez and Tarantino. Tesis Sarjana Jabatan Muzik, University of Ottawa.  
<http://search.proquest.com/docview/192932155/abs>




- tract/F62359D643324573PQ/1?accountid=41453 [27 Mei 2014]
- Rennett M. (2012). The Color of Authorship: Almodova r's Labyrinth of Red. Dlm. Matz, M. R., & Salmon, C. (pnyt). *How the Films of Pedro Almodóvar Draw Upon and Influence Spanish Society: Bilingual Essays on His Cinema*, pp. 67-93. Harvard University: Edwin Mellen Press.
- Rosmawati M.R & Azimah M. (2016). Analisis Elemen Patuh Syari'yah Dalam Filem Nur Kasih The Movie (2011) Berdasarkan Teori Filem Ar-Risalah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1).
- Rugayah S.bt.T, Jawiah D, Zamri A., Fariz M.S, Fariza W.A.bt.W.Z, Ghafar A.D, Muhamat R.K, Hanin S.H, Badlihisham M.N, Faisal M.A, Zainab I, Ideris E, Puteh.A, A'dawiyah I, Zulkipli M.b.A.G. (2012). The Islamic Value in Malaysian Television Drama on Channel 1. *Advances in Natural & Applied Sciences*, 6(4): 552-560.
- Rugayah S.bt.T. (2000). Peranan drama dalam dakwah: kajian drama dakwah TV1 dan TV3. *Tesis D. Fal*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Universiti Malaya.
- Sarris A. (2004). Notes on the Auteur Theory in 1962. Dlm. Simpson, P. Utterson, A. & Shepherdson, K.J. (pnyt.). *Film Theory: Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. pp. 21-34. Routledge: London
- Simpson P. Utterson, A. Shepherdson K.J. (2004). *Film Theory: Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. London: Routledge
- Wood M. & Brown, S. (2012). Film-based creative arts enquiry: qualitative researchers as auteurs. *Qualitative Research Journal*, 12(1): 130-147.
- Zulkipli b. A.G. (2012). Pengurusan Media dalam Masyarakat Islam. Dlm. Zulkipli A. G., Roslizawati M. R., Rushdan M.b.M.J., Yusuf M.b.K. (pnyt). *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu*, pp.119-132. Nilai: USIM

## LAMPIRAN

### Ilustrasi




Rajah 1. Model Teori Auteur, Sarris (1962)



Rajah 2. Kerangka kajian



**Rajah 3.** Model Kepengarangan Mior Hashim Manap (Makna Dalaman)



**Rajah 4.** Model Kepengarangan dan Patuh Syari'ah

Ciri-ciri Dakwah dan Patuh Syari'ah (Rugayah, 2000)

- 1) Meninggalkan unsur-unsur bercanggah dengan aqidah Islam
- 2) Tidak bercanggah dengan syari'ah Islam
- 3) Tidak meninggalkan dan melalaikan kewajipan yang diperintahkan dalam agama
- 4) Kewajipan menutup aurat
- 5) Memelihara hubungan dan adab pergaulan sesama manusia
- 6) Mengelakkan unsur-unsur



**Gambar 1.** *Set penggambaran di sekolah tahfiz yang dipenuhi oleh pelajar-pelajar membaca buku (Sumber: Drama Warkah Cinta episod 2)*



**Gambar 3.** *Wardah yang berjalan di tepi pantai (Sumber: Drama Warkah Cinta episod 11)*



**Gambar 4.** *Lokasi tepi pantai dan perusahaan keropok kering*  
(Sumber: Drama *Cinta dan Wahyu* episod 7)



**Gambar 5.** Lokasi Pondok Dan Pelajar Pondok (Sumber: Drama *Cinta Dan Wahyu* episod 5)



Gan  
(Sur

ampan



**Gambar 7.** *Set penggambaran tazkirah di pondok* (Sumber: Drama *Cinta dan Wahyu* episod 7)



**Gambar 8.** *Suntingan Amir dan Wardah yang berdoa* (Sumber: Drama *Warkah Cinta* episod 5)



**Gambar 9.** Set penggambaran Amir mengaji di belakang cermin retak (Sumber: Drama *Warkah Cinta* episod 11)



**Gambar 10.** Busana yang dipakai oleh pelakon wanita dan lelaki (Sumber: Drama *Cinta Kun Fayakun*)



e ISSN 2636-9257



9 772636 925002

Dicetak oleh:  
Penerbit Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia